APPGM-SDG

PERSATUAN PROMOSI
MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI
PPM-023-14-07012020



KOMPILASI LAPORAN PEMETAAN ISU KAWASAN PARLIMEN 2026

JILID 5: WILAYAH SABAH

Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen 2026 (Jilid 5: Wilayah Sabah)

Disunting Oleh:
Teo Lee Ken
Hirzawati Atikah Mohd Tahir

Laporan Disediakan Oleh:
Mc Jeanet Lempisik @ Marx

Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia
Berkenaan Matlamat Pembangunan Mampan (APPGM-SDG)

Diterbitkan oleh:

Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari
A-1-10, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1, Seksyen 8, 46050 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.

© 2026 Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari

Hak Cipta Terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, diedarkan, atau dihantar dalam apa jua bentuk atau dengan apa jua cara, termasuk fotokopi, rakaman, atau kaedah elektronik atau mekanikal yang lain, tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada penerbit, kecuali bagi petikan ringkas yang terkandung dalam ulasan kritikal dan kegunaan bukan komersial tertentu yang lain yang dibenarkan oleh undang-undang hak cipta.

Penafian: Pandangan dan pendapat yang dinyatakan dalam penerbitan ini adalah milik pengarang dan tidak semestinya mencerminkan dasar atau pendirian rasmi pihak penerbit.

ISBN: 978-629-7752-56-3

Sidang Editorial

Penyunting	Teo Lee Ken Hirzawati Atikah Mohd Tahir
Penulis	Mc Jeanet Lempisik @ Marx
Pereka Kulit	Hirzawati Atikah Mohd Tahir
Pereka Letak	Hirzawati Atikah Mohd Tahir

Isi Kandungan



Kata Aluan
YB Puan Isnaraissah Munirah Majilis @ Fakharudy
I



Prakata
Puan Nur Rahmah Othman
III



Pengenalan
Mc Jeanet Lempisik @ Marx
V



P.171
Sepanggar
1



P.185
Batu Sapi
78

Kata Aluan



YB PUAN ISNARAISSAH MUNIRAH MAJILIS @ FAKHARUDY
Pengerusi APPGM-SDG;
Ahli Parlimen Kota Belud

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.
Salam Sejahtera.

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, *Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen 2026 (Jilid 5: Wilayah Sabah)* berjaya diterbitkan sebagai satu himpunan dapatan dan suara masyarakat dari kawasan-kawasan parlimen di wilayah Sabah.

Kompilasi ini mencerminkan komitmen APPGM-SDG untuk memastikan pembangunan negara tidak hanya diukur melalui kemajuan ekonomi dan pembangunan fizikal, tetapi turut mengambil kira realiti, keperluan dan kesejahteraan masyarakat di peringkat akar umbi. Prinsip ini selaras dengan semangat Agenda 2030 dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) yang menekankan pembangunan inklusif serta memastikan tiada golongan atau komuniti yang tercicir daripada arus pembangunan.

Saya percaya bahawa pembangunan yang benar-benar mampan hanya dapat dicapai apabila kita bersedia untuk mendengar suara mereka yang berada di lapangan, memahami cabaran yang mereka lalui serta bersama-sama membina penyelesaian yang bersesuaian dengan konteks setempat. Setiap komuniti mempunyai keperluan, kekuatan dan potensi yang tersendiri. Semuanya perlu diberi ruang serta perhatian dalam agenda pembangunan negara. Kita tidak boleh mencapai pembangunan yang mampan sekiranya masih ada yang tercicir. Justeru, prinsip "*Leaving No One Behind*" perlu terus menjadi komitmen bersama dalam memastikan setiap suara didengar, setiap isu diberi perhatian dan setiap komuniti mempunyai peluang untuk berkembang serta menikmati manfaat pembangunan secara saksama.

Proses pemetaan isu yang dilaksanakan oleh APPGM-SDG memberikan gambaran yang terperinci berhubung cabaran sebenar yang dihadapi masyarakat. Dapatan dari pemetaan isu ini menggambarkan bagaimana kehidupan sebahagian masyarakat

terjejas disebabkan jurang akses kepada air bersih dan bekalan elektrik, keperluan infrastruktur, saluran perparitan yang tidak terancang, fenomena banjir, kelemahan sistem pengurusan sisa dan jaringan pengangkutan yang terhad. Pada masa sama, persoalan mata pencarian, peluang ekonomi dan daya tahan komuniti turut saling berkait dan memerlukan pendekatan penyelesaian yang menyeluruh. Realiti ini menunjukkan bahawa sesuatu isu di peringkat komuniti tidak boleh dilihat secara tunggal dan terpisah daripada dimensi berbeza yang saling berkait seperti sosial, ekonomi, alam sekitar dan tadbir urus. Pemetaan isu bukan sekadar usaha untuk mengenal pasti masalah, tetapi merupakan langkah penting untuk memahami hubungan antara isu, mengenal pasti punca serta merangka intervensi yang lebih tepat dan berkesan.

Sebagai pentas rentas parti, APPGM-SDG terus berusaha membawa suara dan dapatan masyarakat ke ruang perbincangan dasar. Maklumat yang dikumpulkan melalui pemetaan ini diharapkan dapat menjadi rujukan kepada Ahli-ahli Parlimen, kerajaan, agensi pelaksana, pihak berkuasa tempatan, organisasi masyarakat sivil, golongan akademik serta rakan strategik dalam memperkukuh perancangan dan penyampaian pembangunan.

Sehubungan itu, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat, iaitu Parlimen Malaysia, Ahli-ahli Parlimen, agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan, penyelidik, rakan strategik, komuniti dan seluruh pasukan APPGM-SDG yang telah menyumbang masa, tenaga dan kepakaran dalam menjayakan pemetaan isu ini. Semoga *Kompilasi* ini dapat menjadi pemangkin kepada tindakan daripada komuniti, kerajaan, dan pelbagai pihak berkepentingan dalam usaha membina Malaysia yang lebih makmur dan sejahtera.

Sekian, terima kasih.

Prakata



PUAN NUR RAHMAH OTHMAN
Pengarah Eksekutif APPGM-SDG

Penyetempatan Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals, SDG*) bermula dengan memahami bagaimana keutamaan pembangunan nasional dirasai oleh masyarakat dalam kehidupan harian mereka. Walaupun dasar-dasar nasional yang menetapkan hala tuju untuk pembangunan, ia adalah di peringkat-peringkat komuniti, daerah dan kawasan parlimen di mana realiti cabaran-cabaran ketaksamaan, akses kepada perkhidmatan, mata carian kehidupan dan alam sekitar dihadapi secara langsung. Di sini dasar-dasar pembangunan bertemu dengan realiti-realiti masyarakat dan komuniti, dan di mana jurang antara niat dasar dan pengalaman hidup kerap kali paling terlihat.

Sejak penubuhannya, Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia untuk Matlamat Pembangunan Mampan (*All-Party Parliamentary Group Malaysia on SDGs, APPGM-SDG)* telah berusaha untuk memahami realiti-realiti ini dengan lebih baik menerusi pemetaan isu di peringkat kawasan parlimen. Dari tahun ke tahun, kita telah mempunyai peluang untuk berjumpa komuniti, mendengar suara akar umbi, menjalankan proses libaturus dengan pelbagai pihak berkepentingan dan mencatatkan isu-isu yang memberi kesan kepada masyarakat dalam kehidupan harian mereka. Pengalaman-pengalaman ini telah mengingatkan kita bahawa pembangunan mampan tidak dapat digerakkan dari atas ke bawah semata. Ia harus bermula dengan pemahaman yang benar tentang masyarakat, tempat dan keadaan yang ingin kita menyokong.

Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen 2026 (Jilid 1-6) yang meliputi 16 kawasan parlimen adalah sebahagian daripada proses yang berterusan ini. Dengan membawa bersama dapatan daripada kawasan parlimen yang berlainan, ia membolehkan kita untuk melihat menjangkaui kes-kes individu dan mengenalpasti corak-corak pola yang lebih umum dan luas, cabaran-cabaran bersama dan realiti yang unik di kawasan-kawasan yang berlainan. Terdapat isu yang sama merentasi kawasan-kawasan parlimen, manakala ada yang akan dibentuk oleh faktor-faktor geografi, ekonomi tempatan, akses kepada infrastruktur, keperluan-keperluan komuniti dan kapasiti institusi-institusi tempatan.

Untuk APPGM-SDG, proses pemetaan isu bukan sekadar mendokumentasikan masalah. Ia adalah untuk memahami mengapa terdapat isu-isu yang masih berterusan, mengenali apa yang sudah dilakukan oleh komuniti-komuniti untuk menangani isu-isu ini, dan mengenalpasti di mana penyelarasan atau sokongan yang lebih baik diperlukan. Dapatan-dapatan ini dapat membantu mengukuhkan perbincangan dan kerjasama antara Ahli-ahli Parlimen, agensi-agensi kerajaan, pihak-pihak berkuasa tempatan, organisasi masyarakat sivil, dan lebih penting lagi, komuniti itu sendiri.

Seiring dengan berlangsungnya perjalanan penyetempatan APPGM-SDG, peranan bukti dan dapatan di peringkat lapangan menjadi kian mustahak. Dapatan-dapatan yang terdapat dalam *Kompilasi* ini dapat memberikan perspektif-perspektif yang berguna untuk perbincangan dasar, pembangunan program dan agihan peruntukan sumber, sambil membantu pembuat keputusan menghargai dengan lebih baik keperluan dan keutamaan merentasi kawasan-kawasan yang berlainan.

Dapatan-dapatan ini seharusnya mendorong kita untuk bertanya apa lagi yang boleh dilakukan di peringkat dasar dan institusi. Kebanyakan isu yang ditemui bukan sesuatu yang baru, dan ada antaranya yang memerlukan tindakan yang menjangkaui kapasiti komuniti-komuniti atau pihak-pihak tempatan secara sendirinya. Kita berharap yang dapatan yang diperolehi menerusi proses ini akan dipertimbangkan oleh kementerian dan agensi yang berkaitan, khususnya dalam menyemak semula program-program sedia ada, menguatkan lagi pelaksanaan dan mengerakkan sumber-sumber ke tempat mana yang paling diperlukan. Pemetaan isu tidak seharusnya berakhir dengan mengenal pasti masalah sahaja; ia harus membantu membentuk suatu hala tuju yang lebih jelas bagi mencapai tindakan dan akauntabiliti.

Saya berharap *Kompilasi* ini akan dilihat sebagai lebih daripada pengumpulan dapatan semata. Di sebalik setiap isu yang dicatat adalah masyarakat, komuniti dan pengalaman hidup yang sebenar. Suara mereka harus terus membimbing kita dalam cara kita berfikir tentang pembangunan dan di mana kita menghalakan usaha-usaha kolektif kita.

Semoga *Kompilasi* ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih baik tentang komuniti-komuniti kita, dan akhirnya, untuk mencapai suatu perjalanan pembangunan yang lebih terangkum di mana tiada kawasan, komuniti atau individu yang ditinggalkan.

Pengenalan



MC JEANET LEMPISIK @ MARX
Ketua Wilayah Sabah

Syukur ke hadrat Tuhan kerana *Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen 2026 (Jilid 5: Wilayah Sabah) yang merangkumi* Parlimen Batu Sapi dan Sepanggar dapat disempurnakan sebagai sebuah dokumentasi yang merakamkan realiti, keperluan serta cabaran yang dihadapi oleh masyarakat di peringkat akar umbi. Pemetaan isu merupakan antara pendekatan penting APPGM-SDG dalam memahami keadaan sebenar komuniti secara dekat dan menyeluruh. Proses ini bukan sekadar mengenal pasti isu yang berlaku, tetapi turut memberikan ruang kepada masyarakat berkongsi pengalaman, pandangan dan keperluan berdasarkan realiti kehidupan seharian. Sebanyak 16 kawasan parlimen baharu terlibat dalam gerak kerja tahun 2026. Taburan kawasan merentas enam zon dan wilayah ditunjukkan di *Rajah 1* dan *Jadual 1*.

Rajah 1. Kawasan Parlimen Baru yang Terlibat dengan APPGM-SDG bagi Tahun 2026



Di Parlimen Batu Sapi dan Sepanggar, isu yang dihadapi masyarakat adalah pelbagai dan saling berkait. Isu berkaitan infrastruktur asas, bekalan air dan elektrik, sistem perparitan, banjir, pengurusan sisa, pengangkutan, perumahan serta peluang ekonomi merupakan antara perkara yang memberi kesan secara langsung kepada kesejahteraan komuniti. Di

beberapa kawasan, faktor geografi dan keterbatasan akses turut menjadikan penyampaian perkhidmatan asas lebih mencabar.

Lebih penting, pemetaan ini memperlihatkan bahawa sesuatu isu di peringkat komuniti tidak boleh dilihat secara berasingan. Sebagai contoh, kekurangan infrastruktur bukan sahaja memberi kesan kepada keselesaan kehidupan, tetapi mempengaruhi akses kepada pendidikan, kesihatan, pekerjaan dan peluang ekonomi. Begitu juga isu alam sekitar dan pengurusan sisa yang berkait rapat dengan kesihatan, keselamatan serta kualiti hidup masyarakat.

Di sebalik cabaran tersebut, terdapat kekuatan dan potensi yang dimiliki komuniti. Masyarakat bukan sekadar penerima bantuan atau penyelesaian. Sebaliknya, mereka merupakan sebahagian penting dalam proses mengenal pasti isu dan membina penyelesaian. Pengetahuan tempatan, pengalaman komuniti serta jaringan yang telah terbina perlu diambil kira dalam merangka sebarang bentuk intervensi agar penyelesaian yang dilaksanakan benar-benar bersesuaian dengan keadaan setempat dan mampu memberikan impak yang berpanjangan.

Bagi APPGM-SDG Wilayah Sabah, dapatan pemetaan ini menjadi asas penting dalam menghubungkan suara komuniti dengan pihak berkepentingan yang berkaitan. Ia turut membuka ruang kepada kerjasama yang lebih tersusun antara Ahli-ahli Parlimen, agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan, rakan solusi, organisasi masyarakat sivil, institusi akademik dan pihak berkepentingan yang lain.

Peranan APPGM-SDG bukan untuk menggantikan peranan mana-mana pihak. Tetapi untuk membantu mempertemukan keperluan komuniti dengan pihak yang mempunyai kapasiti, kepakaran dan sumber bagi bersama-sama mencari penyelesaian. Justeru, pemetaan isu ini merupakan satu langkah awal dalam membina pemahaman bersama, memperkukuh kerjasama serta mendorong tindakan yang lebih berfokus dan berasaskan keperluan sebenar masyarakat.

Saya merakamkan penghargaan kepada semua komuniti, Ahli-ahli Parlimen, agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan, penyelidik, rakan solusi, rakan strategik serta seluruh pasukan APPGM-SDG Wilayah Sabah yang telah memberikan masa, tenaga dan kerjasama sepanjang proses pemetaan ini.

Semoga laporan ini dapat menjadi rujukan yang bermanfaat dalam memahami realiti masyarakat di Batu Sapi dan Sepanggar, serta menjadi asas kepada perancangan, kerjasama dan intervensi yang lebih bersasar dan berimpak.

Jadual 1. Senarai 16 Kawasan Parlimen Terlibat dengan Gerak Kerja APPGM-SDG bagi Tahun 2026

BIL.	ZON/ WILAYAH	PARLIMEN	KOD	AHLI PARLIMEN	PARTI	AGENSI-AGENSI BERKAITAN	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
1.	Utara	Pokok Sena	P.008	YB Dato' Haji Ahmad bin Saad @ Yahaya	PN-PAS	Pejabat Daerah dan Tanah Pokok Sena	Dr. Thanaraj Murudi
2.	Utara	Padang Serai	P.017	YB Dato' Azman bin Nasrudin	PN-BERSATU	Pejabat Daerah dan Tanah Kulim	Dr. Thanaraj Murudi
3.	Utara	Batu Gajah	P.066	YB Tuan Sivakumar a/l Varatharaju Naidu	PH-DAP	Pejabat Daerah dan Tanah Kinta	Dr. Thanaraj Murudi
4.	Pantai Timur	Pengkalan Chepa	P.020	YB Datuk Dr. Ahmad Marzuk bin Shaary	PN-PAS	Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu	Nur Syadhira Mohd Razali
5.	Pantai Timur	Kubang Kerian	P.024	YB Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man	PN-PAS	Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu	Dr. Siti Nur Ain Zakinuddin
6.	Pantai Timur	Kuala Terengganu	P.036	YB Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim	PN-PAS	Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Terengganu	Nur Syadhira Mohd Razali
7.	Pantai Timur	Jerantut	P.081	YB Ir. Ts. Hj. Khairil Nizam bin Khirudin	PN-PAS	Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut	Nur Syadhira Mohd Razali
8.	Pantai Timur	Rompin	P.091	YB Dato' Haji Abdul Khalib bin Abdullah	PN-BERSATU	Pejabat Daerah dan Tanah Rompin	Nur Syadhira Mohd Razali
9.	Tengah	Puchong	P.103	YB Puan Yeo Bee Yin	PH-DAP	Pejabat Daerah dan Tanah Petaling; Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ)	Dr. Teo Lee Ken

BIL.	ZON/ WILAYAH	PARLIMEN	KOD	AHLI PARLIMEN	PARTI	AGENSI-AGENSI BERKAITAN	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
10.	Tengah	Putrajaya	P.125	YB Dr. Radzi Jidin	PN-BERSATU	Jabatan Wilayah Persekutuan; Perbadanan Putrajaya (PPj)	Nurul Syaza Mazelan
11.	Selatan	Kota Melaka	P.138	YB Tuan Khoo Poay Tiong	PH-DAP	Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah	Siti Noraiysah Rohim
12.	Sabah	Sepanggar	P.171	YB Datuk Ts. Mustapha Sakmud	PH-PKR	Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK)	Mc Jeanet Lempisik @ Marx
13.	Sabah	Batu Sapi	P.185	YB Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan	GRS	Majlis Perbandaran Sandakan (MPS)	Mc Jeanet Lempisik @ Marx
14.	Sarawak	Petra Jaya	P.194	YAB Datuk Amar Haji Fadillah bin Haji Yusof	GPS-PBB	Pejabat Residen Bahagian Kuching; Pejabat Daerah Kuching; Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU)	Raine Melissa Riman
15.	Sarawak	Sri Aman	P.202	YB Dato' Sri Doris Sophia anak Brodi	GPS-PRS	Pejabat Residen Bahagian Sri Aman; Pejabat Daerah Sri Aman; Pejabat Daerah Pantu; Pejabat Daerah Lingga; Majlis Daerah Sri Aman	Raine Melissa Riman
16.	Sarawak	Sibu	P.212	YB Tuan Oscar Ling Chai Yew	PH-DAP	Pejabat Residen Bahagian Sibu; Pejabat Daerah Sibu; Majlis Perbandaran Sibu; Majlis Daerah Luar Bandar Sibu	Raine Melissa Riman

BAHAGIAN A

LAPORAN LAWATAN PEMETAAN ISU **1 – 15**

BAHAGIAN B

1.0 PENGENALAN **19– 24**

1.1 Geografi/Topografi 19

1.2 Komposisi Penduduk 19

1.3 Kegiatan Ekonomi Utama 21

1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan 22

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN **25 – 28**

2.1 Pendekatan Kajian 25

2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan 26

2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan 27

2.4 Keterbatasan Kajian 28

3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG **29 – 32**

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU **33 – 71**

4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-Isu 33

4.2 Pengutamaan Isu 56

5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN **72**

6.0 RUJUKAN **77**

BAHAGIAN A

Laporan Lawatan Pemetaan Isu

P.171 Sepanggar

LAWATAN PEMETAAN ISU 2026 - SEPANGGAR

2 MAC - 6 MAC 2026
(ISNIN - JUMAAT)

DENGAN SOKONGAN DARIPADA

AHLI PARLIMEN SEPANGGAR, YB DATUK TS. MUSTAPHA SAKMUD



TEMPAT-TEMPAT YANG TELAH DILAWATI

HARI 1 (02/03/2026)

1. FGD 1: Sesi Dialog bersama Komuniti Kg Talungan
2. FGD 2: Sesi Dialog bersama Komuniti Kg Bantayan Inanam

HARI 2 (03/03/2026)

3. FGD 3: Sesi Dialog bersama Komuniti Kg Ruminding

HARI 3 (04/03/2026)

4. FGD 4: Sesi Dialog bersama Komuniti Kg Pulau Sepanggar
5. FGD 5: Sesi Dialog bersama Komuniti Kg Unggun

HARI 4 (05/03/2026)

6. FGD 6: Sesi Dialog bersama Komuniti Kg Lawa Mondou
7. FGD 7: Sesi Dialog bersama Komuniti Kg Cenderamata 2 Likas

HARI 5 (06/03/2026)

8. FGD 8: Sesi Dialog bersama Komuniti Kg Rampayan
9. FGD 9: Sesi Dialog bersama Komuniti Kg Kalansanan

PASUKAN PENYELIDIK



Mc Jeanet Lempisik @ Marx
Ketua Penyelidik



Nor Amirul Pukin




Mohd Ikram Arman



Dr Jain Yassin



Norita Yapi



Shirley Joe Doukin



Nur Fadilah Muhammad

GERAK KERJA LAWATAN PEMETAAN ISU SEPANGGAR



28/01/2026 MESYUARAT AWALAN





Satu mesyuarat awalan telah diadakan bersama YB Datuk Ts. Mustapha @ Mohd Yunus Sakmud, Ahli Parlimen Sepanggar merangkap Menteri Hal Ehwal Sabah dan Sarawak. Mesyuarat ini turut dihadiri oleh En. Khairul Iswadi Ishak, Setiausaha Sulit Kanan (SUSK) kepada YB Datuk. Pihak APPGM-SDG diwakili oleh Mc Jeanet, Dr. Teo Lee Ken dan Nur Farah Ezzaty. Dalam mesyuarat tersebut, YB Datuk menyatakan persetujuan serta kesediaan untuk memberikan sokongan dan bekerjasama dalam pelaksanaan gerak kerja APPGM-SDG di kawasan Parlimen Sepanggar. Antara isu awal yang dibincangkan ialah isu pengurusan sisa pepejal serta isu pendidikan di kawasan tersebut. Perbincangan lanjut berkaitan penetapan tarikh lawatan dan penganjuran sesi dialog bersama komuniti akan diteruskan di peringkat Pejabat Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Sepanggar.

04/02/2026 MESYUARAT SUSULAN DI PUSAT KHIDMAT RAKYAT PARLIMEN SEPANGGAR





Pasukan APPGM-SDG Wilayah Sabah telah mengadakan satu mesyuarat susulan bersama pegawai-pegawai Pejabat Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Sepanggar. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Setiausaha Sulit YB Datuk, iaitu En. Rafee Jafree. APPGM-SDG Wilayah Sabah diwakili oleh Mc Jeanet, Dr. Jain, Mohd Ikram dan Nor Amirul. Tujuan mesyuarat ini adalah untuk membincangkan penetapan tarikh pemetaan isu serta pemilihan sasaran dan lokasi kampung bagi pelaksanaan sesi dialog bersama komuniti. Berdasarkan perbincangan dan mengambil kira keluasan Parlimen Sepanggar yang merangkumi tiga DUN iaitu DUN Darau, DUN Inanam dan DUN Karambunai, pemetaan isu telah dipersetujui untuk dilaksanakan selama lima hari. Senarai kampung dan kumpulan sasaran bagi sesi dialog bersama komuniti juga telah dikenal pasti.

27/02/2026 KUNJUNGAN HORMAT KE DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU (DBKK)



Satu Kunjungan Hormat antara APPGM-SDG Wilayah Sabah dan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah diadakan di Dewan Bandaraya Kota Kinabalu. Kunjungan ini bertujuan untuk memperkenalkan APPGM-SDG, menjelaskan objektif serta gerak kerja APPGM-SDG khususnya dalam konteks Sabah. Dr. Jain Yassin, selaku Penasihat APPGM-SDG Wilayah Sabah, telah memberikan penerangan mengenai latar belakang dan gerak kerja APPGM-SDG, manakala Mohd Ikram Arman, Pegawai Solusi Dasar APPGM-SDG, telah membentangkan Cadangan Lawatan bagi Pemetaan Isu di Parlimen Sepanggar bagi tahun 2026, yang akan dilaksanakan selama lima hari bermula 2 Mac hingga 6 Mac 2026.

Kunjungan ini telah dipengerusikan oleh Tn. Karim Haji Rahim, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Pembangunan Luar Bandar & Penguatkuasaan), dan bertujuan memaklumkan kepada pihak DBKK mengenai pelaksanaan program pemetaan isu tersebut. Pertemuan berlangsung dengan lancar dan pihak DBKK menyatakan kesediaan untuk memberikan kerjasama terhadap inisiatif yang akan dilaksanakan oleh APPGM-SDG Wilayah Sabah. Turut hadir dalam kunjungan tersebut ialah Penyelaras Tempatan APPGM-SDG bagi Kudat, Puan Fadilah, serta Penyelaras Tempatan APPGM-SDG bagi Kota Belud, Pn. Lailah Chung Foh Sin. Pihak DBKK turut berkongsi visi mereka untuk menjadikan Kota Kinabalu sebagai "*Child Friendly City*" dan "*Age Friendly City*", serta berharap dapatan daripada pemetaan isu ini dapat menjadi salah satu sumber data yang menyokong usaha tersebut.

02/03/2026 FGD 1: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI KG TALUNGAN









FGD 1 yang melibatkan penyertaan daripada golongan wanita, suri rumah, ketua isi rumah, serta barisan pemimpin kampung telah diadakan di Kg. Talungan. Fokus utama perbincangan adalah mengenai **(1)** infrastruktur jalan raya dan perhubungan yang mana penduduk mengadu tentang jalan raya utama yang masih belum berturap dan hanya diselenggara secara berkala dua kali setahun. Ketiadaan jalan pertanian menyebabkan penduduk bergantung sepenuhnya kepada jambatan gantung untuk mengangkut hasil tani, manakala struktur jambatan *low level crossing* yang dibina pada 2019 kini semakin mendap dan membahayakan keselamatan pengguna. **(2)** Masalah ini ditambah lagi dengan capaian internet yang lemah, yang bukan sahaja meminggirkan penduduk daripada maklumat semasa, malah menyukarkan proses pembelajaran pelajar di kawasan tersebut. Dari segi kemudahan dan fasiliti asas, **(3)** keadaan dewan kampung yang usang serta isu bekalan elektrik adalah amat membimbangkan. Terdapat penggunaan lebih 30 tiang kayu dan wayar tidak bertebat yang sering menyebabkan gangguan bekalan elektrik yang kerap dalam dua kali seminggu dan pernah mengalami ketiadaan elektrik sehingga 20 jam. Penduduk juga masih bergantung kepada sistem air graviti kerana ketiadaan bekalan air bersih terawat, serta terpaksa melupuskan sampah secara pembakaran terbuka atau membawa sampah ke pekan kerana tiada sistem pengurusan sisa yang sistematik. Selain itu, **(4)** masalah banjir kerap berlaku akibat sistem perparitan yang kecil dan tidak diselenggara, menyebabkan air melimpah ke dalam rumah setiap kali hujan lebat. Akhir sekali, **(5)** isu keselamatan sosial turut dibangkitkan berikutan aktiviti pengedaran dadah oleh orang luar yang semakin berleluasa, namun penduduk merasa terancam untuk membuat laporan kerana bimbang akan keselamatan diri dan keluarga mereka.

02/03/2026 FGD 2: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI KG BANTAYAN INANAM









FGD 2 bersama wanita, ketua isi rumah dan warga emas telah diadakan di Kg. Bantayan Inanam. Antara masalah yang dihadapi oleh penduduk di sini ialah **(1)** ketiadaan jalan alternatif yang menyebabkan kesesakan lalu lintas terutamanya setiap pagi, sehingga menjejaskan produktiviti penduduk dan menyebabkan pelajar dan penduduk sering lewat ke sekolah dan tempat kerja. Dari sudut infrastruktur dan utiliti, kampung ini berhadapan dengan **(2)** gangguan bekalan air yang kerap serta **(3)** sistem perparitan yang sangat daif. Parit yang bersaiz kecil dan tidak diselenggara secara berkala sejak lima hingga enam tahun lalu, ditambah dengan tindakan segelintir pemilik tanah mengecilkan saiz parit, telah mengakibatkan banjir kilat setiap kali hujan lebat. Selain **(4)** kekurangan fasiliti sukan, kemudahan lampu jalan juga dilaporkan tidak berfungsi dengan baik. Di samping itu, isu sosial seperti **(5)** pengedaran dan penyalahgunaan dadah turut menjadi ancaman, walaupun terdapat usaha kerjasama antara pemimpin kampung dengan pihak berkuasa untuk menjalankan tangkapan di lokasi-lokasi yang telah dikenal pasti. Malah, penduduk di Kg. Bantayan, Kg. Sukang Mabpai dan Kg. Minintod menghadapi masalah **(6)** pertikaian mengenai pengambilan kira-kira 30 ekar tanah yang didakwa sebagai tanah adat oleh penduduk, namun dituntut sebagai status rizab jabatan oleh pihak KDCA, telah mencetuskan kebimbangan penduduk tentang status sebenar tanah itu apabila ia dilakukan tanpa rundingan yang telus. Tanah tersebut telah diduduki secara turun-temurun oleh keluarga penduduk, namun dimaklumkan bahawa kawasan berkenaan telah dipohon untuk dijadikan hak milik persatuan tersebut.

03/03/2026 FGD 3: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI KG RUMINDING









FGD 3 bersama golongan wanita, ketua isi rumah, warga emas dan belia telah diadakan di Kg Ruminding. Isu utama yang dibangkitkan adalah **(1)** keadaan jalan perhubungan yang tidak kondusif, di mana laluan utama yang curam, berlubang, dan tidak berturap bukan sahaja membahayakan keselamatan pengguna, malah menjejaskan ekonomi setempat. Para petani terpaksa merentasi lima batang sungai dan satu anak sungai untuk ke kebun kerana jalan pertanian tidak dapat dilalui kenderaan, sekali gus menyukarkan proses membawa keluar hasil tani serta meningkatkan risiko kerugian dan kos operasi. Selain itu, penduduk turut menyuarakan kebimbangan mengenai **(2)** akses kesihatan yang sangat terhad memandangkan klinik terdekat terletak sejauh 21 kilometer di Pekan Kiulu. Walaupun terdapat perkhidmatan klinik bergerak yang dijadualkan hadir sebulan sekali, pelaksanaannya tidak konsisten kerana faktor jalan raya yang rosak semasa musim tengkujuh serta masalah teknikal seperti ketiadaan pemandu. Terdapat juga isu **(3)** kepimpinan kampung yang lemah, di mana penduduk mendakwa sukar untuk berkomunikasi atau mendapatkan kerjasama daripada ketua kampung bagi membincangkan isu setempat. Tahap sokongan dan penglibatan ketua kampung dalam aktiviti kemasyarakatan juga dilihat rendah dan ia menjejaskan semangat kerjasama dan perpaduan komuniti.

04/03/2026 FGD 4: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI KG PULAU SEPANGGAR









FGD 4 telah diadakan bersama pemimpin kampung, golongan wanita, suri rumah, ketua isi rumah dan warga emas di Kg. Pulau Sepanggar. **(1)** Penduduk masih tidak mempunyai akses kepada bekalan elektrik tetap dan terpaksa bergantung sepenuhnya kepada generator dengan kos petrol mencecah RM300 sebulan. Selain itu, **(2)** ketiadaan bekalan air bersih terawat memaksa komuniti bergantung kepada sumber air bukit dan tadahan air hujan untuk kegunaan harian. **(3)** Isu keselamatan dan pengangkutan turut menjadi kegusaran utama apabila jambatan kayu yang merupakan laluan penting bagi pelajar sekolah dan penduduk ke tanah perkuburan kini berada dalam keadaan rapuh dan tidak selamat. Masalah ini ditambah lagi dengan **(4)** ketiadaan bot kecemasan, di mana penduduk terpaksa membayar kos sewa yang tinggi sehingga RM200 bagi satu perjalanan kecemasan. Malah, bot 15 kuasa kuda yang digunakan sekarang juga dianggap tidak sesuai dan berbahaya terutamanya ketika musim angin kuat. Penduduk turut berdepan dengan **(5)** gangguan hidupan liar seperti monyet dan babi hutan yang sering merosakkan barangan rumah dan mengancam keselamatan. Terdapat juga **(6)** isu lambakan sampah di kawasan pantai akibat dibawa arus air pasang masih belum diselesaikan secara menyeluruh. Penduduk memohon agar pihak DBKK mengembalikan sistem pembersihan di kawasan pantai, memandangkan kutipan sampah pada masa ini hanya tertumpu di kawasan laut sahaja dan bukan pantai.

04/03/2026 FGD 5: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI KG UNGGUN









FGD 5 telah diadakan bersama golongan wanita, suri rumah, dan warga emas di Kg. Unggun. Masalah utama yang dihadapi penduduk adalah **(1)** sistem perparitan yang tidak kondusif dan bersaiz kecil, menyebabkan limpahan air ke kawasan perumahan setiap kali hujan lebat. Selain itu, kampung ini berhadapan dengan **(2)** ketiadaan tapak untuk pembangunan perumahan baharu dan **(3)** kemudahan asas seperti padang serta kawasan parkir awam, memandangkan tiada lagi ruang tanah yang sesuai untuk kegunaan komuniti. **(4)** Isu pengurusan jenazah turut menjadi kegusaran besar apabila tapak perkuburan sedia ada bukan sahaja semakin sesak, malah terletak di dalam kawasan UiTM. Hal ini menyukarkan akses penduduk yang kini terpaksa menggunakan laluan darat melalui kampus tersebut berikutan keadaan sungai yang semakin cetek. **(5)** Gangguan bekalan air terawat masih berterusan dengan kekerapan bekalan air hanya satu hingga dua hari seminggu. Ia berpunca daripada kelewatan operasi Loji Telibong 2 serta sambungan paip haram di kawasan setinggan berhampiran. Selain itu, kebimbangan mengenai **(6)** penyalahgunaan dadah jenis ketum dan syabu yang melibatkan pihak luar dan segelintir penduduk tempatan turut diutarakan. Komuniti memohon agar rondaan keselamatan dipertingkatkan bagi membanteras kegiatan haram ini demi kesejahteraan kampung.

05/03/2026 FGD 6: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI KG LAWA MONDOU









FGD 6 telah diadakan bersama golongan pemimpin kampung dan penduduk di Kg. Lawa Mondou. Antara isu yang dihadapi oleh komuniti ini adalah **(1)** jalan pertanian yang tidak kondusif menyebabkan hasil tani sukar dikeluarkan kerana hanya kenderaan khas sahaja yang mampu melaluinya, sedangkan majoriti penduduk bergantung sepenuhnya kepada sektor ini sebagai punca pendapatan utama. Masalah ekonomi ini dibebankan lagi dengan **(2)** isu kecurian hasil getah yang kerap berlaku ketika harga pasaran meningkat, serta **(3)** pemberhentian aktiviti penanaman padi bukit akibat gangguan haiwan perosak, hasil yang tidak memuaskan dan peningkatan kos input pertanian seperti racun. Penduduk juga masih **(4)** tidak menikmati bekalan air bersih terawat dan terpaksa bergantung kepada sistem air graviti yang diselenggara sendiri menggunakan dana peribadi. Walaupun permohonan telah dibuat, faktor geografi kawasan berbukit dan tekanan air rendah menjadi kekangan pihak Jabatan Air untuk menyalurkan bekalan secara rasmi. Selain itu, **(5)** gangguan bekalan elektrik sering berlaku terutamanya ketika cuaca buruk, yang secara langsung menjejaskan aktiviti harian penduduk kampung.

05/03/2026 FGD 7: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI KG CENDERAMATA 2 LIKAS









FGD 7 bersama pemimpin kampung, ketua isi rumah, suri rumah, wanita, belia, warga emas, dan orang kurang upaya telah diadakan di Kg. Cenderamata 2 Likas. Penduduk di rumah setinggan menyatakan **(1)** ketidaksediaan untuk berpindah susulan notis projek pembesaran sungai oleh DBKK kerana ketiadaan penempatan alternatif yang jelas. Isu ini diburukkan lagi dengan **(2)** pencerobohan tanah oleh penghuni setinggan bukan tempatan yang membina rumah secara haram, sekali gus menyumbang kepada **(3)** masalah kecurian bekalan air dan elektrik yang berulang, aktiviti jenayah dadah, serta pembuangan sampah ke sungai yang membawa kepada pencemaran dan peningkatan kes demam denggi. Kepadatan penduduk yang tinggi turut menyebabkan **(4)** klinik kesihatan sedia ada kini terlalu sesak dan memerlukan naik taraf segera termasuk penambahan ruang perkhidmatan dan tempat letak kenderaan. Terdapat jugak **(5)** lampu jalan yang rosak masih belum dibaiki walaupun aduan telah dibuat. Selain itu, **(6)** kenderaan penghuni rumah setinggan yang diletakkan berhampiran rumah penduduk tempatan telah menyebabkan jalan kampung yang sempit menjadi lebih sesak. Ini menimbulkan risiko besar kerana boleh menghalang laluan seperti jentera bomba jika berlaku kecemasan. Dari sudut keselamatan fizikal, komuniti menyuarakan kebimbangan terhadap **(7)** ancaman lebih 20 ekor anjing liar yang sering berkeliaran di kawasan kampung, namun sehingga kini belum ada tindakan lanjut daripada pihak berkuasa.

06/03/2026 FGD 8: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI KG RAMPAYAN






FGD 8 bersama pemimpin kampung, ketua isi rumah, nelayan dan wanita telah diadakan di Kg. Rampayan mendedahkan masalah banjir kilat yang kritikal sebagai isu utama penduduk. **(1)** Aktiviti pendalaman sungai yang dilaksanakan sejak 2019 menyebabkan air masih belum sampai ke kawasan Kg. Rampayan. Malah, bebanan tiga aliran sungai yang bertemu di Sungai Rampayan juga menyebabkan air melimpah sehingga paras lima kaki setiap kali hujan lebat. Masalah ini dibebankan lagi dengan **(2)** sistem perparitan kampung yang sempit dan tidak diselenggara, serta **(3)** kekurangan kemudahan pengurusan sampah yang menyumbang kepada peningkatan kes demam denggi. **(4)** Kesesakan di Klinik Kesihatan Menggatal turut berlaku apabila pesakit terpaksa beratur di luar klinik dan klinik tersebut tidak lagi mampu menampung jumlah pesakit dari sekurang-kurangnya empat buah kampung di sekitar. Dari sudut ekonomi dan utiliti, komuniti nelayan di sini berdepan cabaran besar berikutan **(5)** keadaan sungai yang cetek yang menyukarkan pergerakan bot, selain kawasan tangkapan hasil laut yang semakin terhad menyebabkan punca pendapatan mereka tidak menentu yang dianggarkan sekitar RM 20 hingga RM 300 sehari. **(6)** Masalah bekalan air juga sering terganggu akibat aktiviti kecurian air melalui sambungan haram oleh penduduk bukan tempatan. Selain itu, susunan rumah yang terlalu rapat menyebabkan **(7)** ketiadaan ruang parkir kenderaan yang teratur, manakala **(8)** status pendidikan agama kanak-kanak kini terancam apabila tanah wakaf sekolah KAFA sedia ada telah ditarik balik oleh waris pemilik tanah, sekali gus memerlukan tindakan segera untuk pemindahan ke tapak baharu yang lebih terjamin.

06/03/2026 FGD 9:SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI KG KALANSANAN









FGD 9 bersama pemimpin kampung, ketua isi rumah, wanita, dan belia telah diadakan di Kg. Kalansanan mendedahkan ancaman keselamatan fizikal yang serius akibat **(1)** jambatan perhubungan sepanjang 640 meter yang kini dalam keadaan rapuh dan tidak selamat untuk digunakan. Sebagai laluan utama ke kawasan perumahan, kerosakan papan pada jambatan tersebut telah menyebabkan insiden penduduk terjatuh, sekali gus memerlukan pembaikan segera. Selain itu, kepadatan perumahan yang tinggi mengakibatkan **(2)** ketiadaan tempat meletak kenderaan dan memaksa penduduk meletakkan kenderaan jauh dari rumah sehingga ada yang sering dikenakan saman oleh pihak DBKK. Dianggarkan sekitar 30 hingga 40 kenderaan terlibat dalam situasi yang sama. Isu kualiti persekitaran dan utiliti turut menjadi bebanan utama apabila penduduk terpaksa berhadapan dengan **(3)** pencemaran bau yang datang daripada kolam kumbahan berhampiran serta **(4)** sampah yang dibawa masuk oleh fenomena air pasang. Walaupun aktiviti gotong-royong kerap dijalankan, masalah pencemaran ini tetap berulang dan menjejaskan keselesaan harian. Masalah ini ditambah pula dengan **(5)** kegagalan fungsi lampu jalan yang masih belum dibaiki oleh pihak Sabah Electricity meskipun aduan telah dibuat. Penduduk juga menghadapi **(6)** gangguan bekalan elektrik yang berpunca daripada aktiviti sambungan haram yang terus berlarutan walaupun tindakan pemotongan telah diambil oleh Sabah Electricity.

BAHAGIAN B

Laporan Pemetaan Isu

P.171 Sepanggar

Senarai Jadual

Jadual 1. Komposisi Penduduk mengikut Kaum Parlimen Sepanggar (P.171) 21
Jadual 2. Program Kajian Lapangan Pemetaan Isu Parlimen Sepanggar 26
Jadual 3. Rangkuman Isu Rentas SDG.....29
Jadual 4. Perincian Hasil Dapatan FGD 1 33
Jadual 5. Perincian Hasil Dapatan FGD 2 36
Jadual 6. Perincian Hasil Dapatan FGD 3 38
Jadual 7. Perincian Hasil Dapatan FGD 4 40
Jadual 8. Perincian Hasil Dapatan FGD 5 43
Jadual 9. Perincian Hasil Dapatan FGD 6 46
Jadual 10. Perincian Hasil Dapatan FGD 7 49
Jadual 11. Perincian Hasil Dapatan FGD 8 52
Jadual 12. Perincian Hasil Dapatan FGD 9 54
Jadual 13. Ringkasan Isu 1 62
Jadual 14. Ringkasan Isu 2 65
Jadual 15. Ringkasan Isu 3 71

Senarai Singkatan

SDG	Sustainable Development Goals
FGD	Focus Group Discussion
DUN	Dewan Undangan Negeri
PKS	Perusahan Kecil dan Sederhana
PATI	Pendatang Asing Tanpa Izin
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
KRT	Kawasan Rukun Tetangga
JKKK	Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung
UiTM	Universiti Teknologi MARA
TVET	*Technical and Vocational Education and Training*
JPK	Jabatan Pembangunan Kemahiran
INSKEN	Institut Keusahawanan Negara
SME Corp	Small and Medium Enterprise Corporation

1.0 PENGENALAN

Parlimen Sepanggar (P.171) merupakan salah satu kawasan parlimen di negeri Sabah yang terletak dalam bahagian pantai barat. Parlimen ini merangkumi sebahagian besar kawasan di utara bandar raya Kota Kinabalu. Kawasan ini diwujudkan hasil persempadanan semula pilihan raya pada tahun 2003 dan mula dipertandingkan pada Pilihan Raya Umum ke-11 pada tahun 2004. Daripada aspek pentadbiran pilihan raya, Parlimen Sepanggar merangkumi tiga kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN), iaitu N.16 Karambunai, N.17 Darau dan N.18 Inanam.



YB Datuk Ts. Mustapha Sakmud

Pada masa ini, kerusi Parlimen Sepanggar diwakili oleh YB Datuk Ts. Mustapha Sakmud, yang memenangi kerusi tersebut dalam Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU-15) pada tahun 2022. Sebagai wakil rakyat bagi kawasan yang pesat membangun, beliau memainkan peranan dalam memperjuangkan agenda pembangunan infrastruktur, kesejahteraan rakyat serta pertumbuhan ekonomi yang selaras dengan aspirasi pembangunan negeri Sabah dan negara. Dengan keluasan kira-kira 317-kilometer persegi dan populasi melebihi 336,000 orang[1], Parlimen Sepanggar merupakan antara kawasan parlimen yang signifikan dari segi kepadatan penduduk dan kepentingan strategiknya di Pantai Barat Sabah.

1.1 Geografi/Topografi

Parlimen Sepanggar terletak di bahagian pantai barat wilayah Sabah dalam daerah Kota Kinabalu dengan keluasan kira-kira 317 kilometer persegi. Kedudukannya yang strategik di bahagian utara bandar raya Kota Kinabalu menjadikan kawasan ini sebagai penghubung utama antara pusat bandar dengan daerah Tuaran dan kawasan utara Sabah. Parlimen ini merangkumi kawasan penempatan bandar, pinggir bandar, perkampungan tradisional, kawasan perindustrian, institusi pendidikan, pelabuhan dan pangkalan tentera laut. Selain itu, kawasan ini turut bersempadan dengan Teluk Sepanggar yang menghadap Laut China Selatan. Kedudukan ini memberikan kelebihan dari aspek pembangunan maritim, perdagangan, logistik dan ekonomi berasaskan Pelabuhan. [2]

[1] Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), *P.171 Sepanggar: Kawasanku*, OpenDOSM, last updated October 31, 2025, accessed June 20, 2026, https://open.dosm.gov.my/dashboard/kawasanku/Sabah/parlimen/P.171%20Sepanggar.

[2] Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), *P.171 Sepanggar: Kawasanku*, OpenDOSM, last updated October 31, 2025, accessed June 20, 2026, https://open.dosm.gov.my/dashboard/kawasanku/Sabah/parlimen/P.171%20Sepanggar

Daripada sudut topografi, Parlimen Sepanggar mempunyai bentuk muka bumi yang terdiri daripada kawasan tanah rendah pesisir pantai, dataran aluvium, kawasan berbukit sederhana dan kawasan hutan di bahagian pedalaman. Topografi yang pelbagai ini menyokong pelbagai guna tanah termasuk pembangunan perumahan, komersial, perindustrian, pertanian berskala kecil dan kawasan pemuliharaan alam sekitar. Kawasan pesisir Teluk Sepanggar turut menempatkan ekosistem bakau dan kawasan tadahan air yang penting dalam mengurangkan risiko hakisan pantai dan banjir.

1.2 Komposisi Penduduk

Berdasarkan data Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020, Parlimen Sepanggar mempunyai jumlah penduduk seramai 336,253 orang**.** Daripada jumlah tersebut, 280,746 orang (83.5 peratus) merupakan warganegara Malaysia, manakala 55,507 orang (16.5 peratus) ialah bukan warganegara. Dari segi komposisi jantina, terdapat 171,500 orang lelaki dan 164,753 orang perempuan, dengan nisbah jantina sebanyak 104 lelaki bagi setiap 100 perempuan. Statistik ini menunjukkan bahawa Parlimen Sepanggar merupakan antara kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi di Sabah, dengan 1,061 orang bagi setiap kilometer persegi**.** Keadaan ini selaras dengan statusnya sebagai kawasan yang sedang pesat membangun dan mengalami pertumbuhan penempatan bandar.

Daripada struktur umur, majoriti penduduk Parlimen Sepanggar berada dalam kumpulan umur bekerja, iaitu 70.1 peratus berumur antara 15 hingga 64 tahun. Kumpulan kanak-kanak berumur 0 hingga 14 tahun pula mewakili 25.6 peratus daripada jumlah penduduk, manakala hanya 4.3 peratus terdiri daripada penduduk berumur 65 tahun dan ke atas. Selain itu, sebanyak 69.4 peratus daripada keseluruhan penduduk berumur 18 tahun dan ke atas**,** menggambarkan bilangan penduduk dewasa yang tinggi dan berpotensi menyumbang kepada tenaga kerja serta pembangunan ekonomi kawasan.

Komposisi etnik dalam kalangan warganegara menunjukkan bahawa masyarakat Bumiputera merupakan kumpulan terbesar dengan 85.6 peratus**,** diikuti oleh masyarakat Cina (12.8 peratus)**,** India (0.4 peratus) dan lain-lain etnik (1.1 peratus)**.** Kepelbagaian komposisi etnik ini mencerminkan identiti masyarakat Parlimen Sepanggar yang bersifat majmuk dan inklusif, selaras dengan kepelbagaian budaya yang menjadi keunikan wilayah Sabah.

Jadual 1. Komposisi Penduduk mengikut Kaum Parlimen Sepanggar (P.171)

BIL.	KAUM	PERATUSAN (%)
1.	Bumiputera	85.6
2.	Cina	12.8
3.	India	0.4
4.	Lain-lain	1.1
	Jumlah Keseluruhan	**100**

(Sumber: Statistik Subnasional Parlimen dan DUN Parlimen Sepanggar, Jabatan Perangkaan Malaysia[3])

1.3 Kegiatan Ekonomi Utama

Parlimen Sepanggar merupakan antara kawasan yang berperanan sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi di pantai barat Sabah. Kedudukannya yang strategik, berdekatan dengan pusat bandar Kota Kinabalu serta disokong oleh rangkaian pengangkutan darat dan maritim, menjadikan kawasan ini sebagai salah satu tumpuan utama aktiviti ekonomi negeri. Perkembangan tersebut meliputi pelbagai sektor, khususnya perindustrian, logistik dan perdagangan.

Aktiviti ekonomi utama ini didorong dengan kewujudan *Kota Kinabalu Industrial Park* (KKIP) dan Pelabuhan Kontena Teluk Sepanggar (*Sepanggar Bay Container Port*). KKIP berfungsi sebagai pusat perindustrian utama negeri yang menempatkan pelbagai industri pembuatan, pemprosesan makanan, logistik, teknologi hijau, automotif dan gudang penyimpanan.[4] Manakala Pelabuhan Kontena Teluk Sepanggar memainkan peranan penting sebagai pintu masuk perdagangan antarabangsa Sabah. Pelabuhan ini menyokong aktiviti eksport dan import, sekali gus menjana peluang pekerjaan dan merancakkan pertumbuhan ekonomi di kawasan Parlimen Sepanggar.[5]

Selain sektor perindustrian, sektor pendidikan dan perkhidmatan turut menjadi penyumbang penting kepada ekonomi tempatan. Kewujudan institusi pengajian tinggi seperti Universiti Malaysia Sabah (UMS)**,** Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sabah dan Politeknik Kota Kinabalu mewujudkan ekosistem ekonomi berasaskan ilmu. Secara tidak langsung ini merangsang pertumbuhan sektor perkhidmatan termasuk penyewaan kediaman, pengangkutan, peruncitan, makanan dan minuman serta pelbagai perkhidmatan profesional. Pertumbuhan institusi pendidikan ini bukan sahaja

[3] Jabatan Perangkaan Malaysia, *P.173 Sepanggar* (Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022), hlm. 29.
[4] K.K.I.P. Sdn. Bhd., "Industrial Park," *KKIP*, accessed June 20, 2026, https://kkip.com.my/industrial
[5] Ministry of Finance Malaysia, "Expansion of Sepanggar Bay Container Port Set to Generate Nine ICP Initiatives," *Press Citations*, March 4, 2022, accessed June 20, 2026, https://www.mof.gov.my/portal/en/news/press-citations/expansion-of-sepanggar-bay-container-port-set-to-generate-nine-icp-initiatives

meningkatkan permintaan terhadap kemudahan komersial, malah menyumbang kepada pembangunan modal insan dan penyelidikan yang menyokong pembangunan industri di Sabah.

Sektor pelancongan, perusahaan kecil dan sederhana (PKS), perikanan dan pertanian berskala kecil turut menyumbang kepada ekonomi masyarakat setempat, khususnya di kawasan Karambunai dan perkampungan pesisir pantai. Kawasan ini mempunyai potensi pelancongan berasaskan pantai, rekreasi dan ekopelancongan, selain aktiviti perniagaan tempatan yang berkembang seiring dengan peningkatan populasi dan pembangunan bandar. Gabungan sektor perindustrian, logistik, pendidikan, pelancongan dan keusahawanan menjadikan Parlimen Sepanggar sebagai salah satu kawasan yang mempunyai struktur ekonomi yang pelbagai serta berpotensi untuk terus berkembang sebagai pusat pertumbuhan ekonomi utama di Sabah.

1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan

Lokasi Fizikal

Kedudukan fizikal Parlimen Sepanggar yang strategik di bahagian utara Bandar Raya Kota Kinabalu merangkumi pelbagai fungsi dan guna tanah, termasuk kawasan bandar, pinggir bandar, perindustrian, pelabuhan, institusi pendidikan serta kawasan pesisir pantai. Kedudukan dan kepelbagaian fungsi tersebut menjadikan Parlimen Sepanggar mempunyai hubungan yang signifikan dengan kerangka Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

Kepelbagaian guna tanah dan aktiviti ekonomi di kawasan ini turut menyokong pelaksanaan beberapa matlamat SDG. Antaranya ialah ***SDG 8 (Pekerjaan Layak dan Pertumbuhan Ekonomi)*** melalui pembangunan sektor perindustrian dan logistik; ***SDG 9 (Industri, Inovasi dan Infrastruktur)*** melalui kewujudan Taman Perindustrian Kota Kinabalu (KKIP) dan Pelabuhan Teluk Sepanggar; serta ***SDG 11 (Bandar dan Komuniti Mampan)*** melalui pengurusan pembangunan bandar yang inklusif dan terancang. Pada masa yang sama, aspek pemeliharaan kawasan pesisir pantai, ekosistem bakau dan sumber semula jadi berkait rapat dengan ***SDG 14 (Hidupan di Bawah Air)*** dan ***SDG 15 (Hidupan di Daratan).***

Keadaan Ekonomi Tempatan

Keadaan ekonomi tempatan di Parlimen Sepanggar dipengaruhi oleh pelbagai sektor utama, termasuk perindustrian, logistik, perdagangan, pendidikan, pelancongan serta perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Kepelbagaian sektor ini mempunyai hubungan yang erat dengan kerangka Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi kawasan secara menyeluruh.

Kewujudan Taman Perindustrian Kota Kinabalu (KKIP), Pelabuhan Teluk Sepanggar, institusi pengajian tinggi serta aktiviti keusahawanan tempatan menyokong pencapaian ***SDG 8 (Pekerjaan Layak dan Pertumbuhan Ekonomi)*** melalui penyediaan peluang pekerjaan, peningkatan produktiviti dan pengembangan aktiviti keusahawanan. Pada masa yang sama, pembangunan infrastruktur perindustrian dan logistik turut menyokong ***SDG 9 (Industri, Inovasi dan Infrastruktur),*** manakala pengukuhan perusahaan tempatan serta peluasan akses kepada peluang ekonomi yang lebih saksama berkait dengan ***SDG 10 (Mengurangkan Ketidaksamaan).***

Kepelbagaian Budaya Tempatan

Kepelbagaian budaya merupakan ciri penting yang membentuk identiti masyarakat di Parlimen Sepanggar dan mempunyai hubungan yang rapat dengan kerangka Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). Komposisi penduduk yang terdiri daripada pelbagai kumpulan etnik seperti Kadazan Dusun, Bajau, Melayu Brunei, Cina, Murut serta komuniti lain membentuk sebuah masyarakat majmuk yang kaya dengan warisan budaya, adat resam dan kepercayaan.

Kepelbagaian tersebut menyokong pencapaian ***SDG 10 (Mengurangkan Ketidaksamaan)*** melalui pengukuhan keterangkuman sosial tanpa mengira latar belakang etnik dan agama. Pada masa yang sama, pemeliharaan warisan budaya serta pengukuhan identiti komuniti menyumbang kepada ***SDG 11 (Bandar dan Komuniti Mampan).*** Kepelbagaian masyarakat yang berasaskan sikap saling menghormati dan toleransi turut menyokong ***SDG 16 (Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Kukuh)*** melalui pembentukan masyarakat yang aman, harmoni dan inklusif.

Kehidupan Sosial dan Tahap Kualiti Hidup

Konteks kehidupan sosial dan tahap kualiti hidup penduduk di Parlimen Sepanggar dicirikan oleh kepelbagaian etnik, kepadatan penduduk yang tinggi, perkembangan kawasan bandar serta majoriti penduduk dalam kumpulan umur bekerja. Ciri-ciri demografi dan sosial ini mempunyai hubungan yang erat dengan kerangka Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

Sehubungan itu, pembangunan sosial di Parlimen Sepanggar menyokong pencapaian ***SDG 3 (Kesihatan yang Baik dan Kesejahteraan)*** melalui peningkatan akses kepada perkhidmatan kesihatan dan kemudahan berkaitan. ***SDG 4 (Pendidikan Berkualiti)*** pula disokong melalui kewujudan institusi pendidikan serta pembangunan modal insan. Selain itu, pengukuhan keterangkuman sosial dan akses yang lebih saksama kepada peluang serta kemudahan menyumbang kepada ***SDG 10 (Mengurangkan Ketidaksamaan)***. Pada masa yang sama, penyediaan kemudahan awam yang mencukupi

serta persekitaran kehidupan yang selamat, inklusif dan berdaya tahan ***menyokong SDG 11 (Bandar dan Komuniti Mampan).***

Nilai Sejarah

Walaupun Parlimen Sepanggar lebih dikenali sebagai kawasan yang pesat membangun, kawasan ini turut mempunyai nilai sejarah yang signifikan. Nilai tersebut dapat dilihat melalui sejarah penempatan awal masyarakat tempatan, perkembangan aktiviti perdagangan maritim di Teluk Sepanggar serta perubahan kawasan daripada perkampungan tradisional kepada pusat perindustrian, pendidikan dan logistik yang penting di Sabah.

Nilai sejarah ini mempunyai hubungan yang rapat dengan kerangka Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), khususnya ***SDG 11 (Bandar dan Komuniti Mampan)*** yang menekankan kepentingan pemeliharaan warisan budaya dan sejarah sebagai sebahagian daripada pembangunan bandar yang lestari. Di samping itu, usaha mendokumentasikan sejarah tempatan, memelihara identiti komuniti serta meningkatkan kesedaran generasi muda terhadap warisan kawasan turut menyokong ***SDG 4 (Pendidikan Berkualiti)*** melalui pembelajaran dan penghayatan terhadap sejarah serta warisan tempatan. Usaha tersebut juga berkait dengan ***SDG 16 (Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Kukuh)*** melalui pengukuhan identiti, perpaduan dan rasa memiliki dalam kalangan masyarakat.

Keunikan Spasial-Sosial Kawasan

Keunikan kawasan Parlimen Sepanggar menggabungkan pelbagai fungsi, termasuk perindustrian, pelabuhan, institusi ketenteraan laut serta penempatan bandar yang pesat membangun. Kedudukan strategik Sepanggar turut diperkukuh dengan kewujudan *Sepanggar Bay Container Port*, kawasan industri berat, institusi pendidikan tinggi serta komuniti setempat yang mempunyai latar belakang sosial dan ekonomi yang pelbagai.
Keunikan dan kepelbagaian fungsi tersebut menjadikan Parlimen Sepanggar sebagai kawasan yang relevan untuk mengaplikasikan pendekatan SDG secara menyeluruh. Dalam konteks ini, pembangunan kawasan berkait rapat *dengan* ***SDG 8 (Pekerjaan Layak dan Pertumbuhan Ekonomi)*** melalui pengukuhan aktiviti ekonomi dan peluang pekerjaan, ***SDG 9 (Industri, Inovasi dan Infrastruktur)*** melalui pembangunan industri dan infrastruktur strategik, ***SDG 11 (Bandar dan Komuniti Mampan)*** melalui pembangunan bandar yang terancang dan inklusif, serta ***SDG 14 (Hidupan di Bawah Air)*** melalui pemeliharaan dan kelestarian ekosistem marin.

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN

Data yang digunakan dalam laporan ini diperoleh melalui pelbagai kaedah kualitatif dan kuantitatif bagi memastikan ketepatan dan kebolehpercayaan maklumat yang dikumpul. Antara kaedah yang dilaksanakan termasuk perbincangan awal dan pembentukan profil kawasan, mesyuarat pra-lawatan bersama Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK), serta mesyuarat susulan bersama pegawai daripada Pejabat Pusat Khidmat Parlimen Sepanggar. Selain itu, kajian lapangan dan lawatan tapak telah dijalankan untuk mendapatkan gambaran secara langsung terhadap keadaan fizikal dan sosial di kawasan kajian. Bagi tujuan pemetaan isu-isu tempatan yang sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), sesi temu bual serta perbincangan kumpulan fokus (FGD) turut dilaksanakan. Aktiviti ini melibatkan penyertaan pelbagai pihak berkepentingan termasuk agensi kerajaan, pertubuhan masyarakat sivil, dan komuniti setempat.

Selain itu, metodologi yang digunakan dalam kajian ini juga adalah analisis dokumen yang diperoleh melalui platform e-Statistik yang diperoleh melalui Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Platform ini menyediakan pelbagai data sekunder yang merangkumi statistik demografi, ekonomi, sosial, dan pembangunan setempat. Data yang dimuat turun ini dianalisis untuk memperoleh maklumat sokongan berkaitan profil penduduk, tahap sosio-ekonomi, serta perkembangan infrastruktur di kawasan parlimen yang dikaji. Penggunaan sumber ini membolehkan penyelidik mengenal pasti trend dan corak yang berkaitan dengan isu-isu setempat, meskipun terdapat batasan dari segi kekinian dan keboleh capaian data pada peringkat mikro.

2.1 Pendekatan Kajian

Proses pemetaan isu di kawasan Parlimen P.171 Sepanggar telah dimulakan dengan satu mesyuarat awalan bersama Ahli Parlimen Sepanggar, Yang Berhormat Datuk Ts. Mustapha Sakmud, yang berlangsung pada 28 Januari 2026 di Parlimen Malaysia. Mesyuarat tersebut telah melibatkan wakil daripada pihak APPGM-SDG iaitu Cik Mc Jeanet Lempisik (Ketua Wilayah Sabah, APPGM-SDG), Dr. Teo Lee Ken (Pengarah Jabatan Penyelarasan Kawasan Parlimen, APPGM-SDG) dan Puan Nur Farah Ezzaty Abd Aziz (Pengarah Pengurusan Projek, APPGM-SDG). Seterusnya, mesyuarat pembentukan profil kawasan parlimen telah diadakan pada 4 Februari 2026 bagi mendapatkan profil dan data awalan kawasan, membincangkan hala tuju dan pendekatan kajian secara lebih terperinci.

Sebagai persediaan sebelum pelaksanaan kajian lapangan, satu mesyuarat pra-lawatan turut diadakan bersama Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Pembangunan Luar Bandar & Penguatkuasaan), En. Karim Haji Rahim, pada 27 Februari 2026. Selain itu, satu mesyuarat susulan bersama pegawai Pusat Khidmat Rakyat Parlimen P.171 Sepanggar telah diadakan pada 4 Februari 2026 bagi menyelaraskan logistik dan penglibatan komuniti.

Berdasarkan kesemua mesyuarat tersebut, jadual lawatan penyelidikan telah dirangka dan dipersetujui bagi pelaksanaan kajian di lapangan. Butiran lawatan diringkaskan dalam jadual 2:

Jadual 2. Program Kajian Lapangan Pemetaan Isu Parlimen Sepanggar

TARIKH	SESI DIALOG/FGD
2 Mac 2025 (Isnin)	• Sesi Dialog 1: Komuniti Kg Talungan • Sesi Dialog 2: Komuniti Kg Bantayan Inanam
3 Mac 2025 (Selasa)	• Sesi Dialog 3: Komuniti Kg Ruminding
4 Mac 2025 (Rabu)	• Sesi Dialog 4: Komuniti Kg Pulau Sepanggar • Sesi Dialog 5: Komuniti Kg Unggun
5 Mac 2025 (Khamis)	• Sesi Dialog 6: Komuniti Kg Lawa Mondou • Sesi Dialog 7: Komuniti Kg Cenderamata 2 Likas
6 Mac 2025 (Jumaat)	• Sesi Dialog 8: Komuniti Kg Rampayan • Sesi Dialog 9: Komuniti Kg Kalansanan

Pasukan APPGM-SDG yang menjalankan kajian lapangan pemetaan isu SDG di kawasan Parlimen Sepangar terdiri daripada ahli-ahli berikut:

1. Cik Mc Jeanet Lempisik @ Marx : Ketua Penyelidik Parlimen Sepanggar
2. Encik Nor Amirul bin Pukin : Pegawai Pengurusan Projek Wilayah Sabah
3. Encik Mohd Ikram bin Arman : Pegawai Solusi Dasar Wilayah Sabah
4. Dr Jain Yassin : Penasihat APPGM-SDG Wilayah Sabah
5. Cik Nur Fadilah Mohammad : Penyelaras Tempatan Kudat
6. Puan Norita Yapi : Penyelaras Tempatan Ranau
7. Puan Shirley Joe : Penyelaras Tempatan Tenom

2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan

Bagi menjalankan kajian lapangan di daerah Sepanggar yang melibatkan sesi dialog berkumpulan bersama penduduk kampung, penyelidik telah mengambil langkah-langkah etika yang sewajarnya bagi memastikan integriti kajian terpelihara dan hak peserta dihormati. Kebenaran awal telah diperoleh daripada pemimpin komuniti setempat termasuk ketua kampung sebagai tanda hormat terhadap struktur kepimpinan tempatan. Setiap peserta diberi taklimat berkenaan objektif kajian, bentuk penglibatan mereka, serta jaminan kerahsiaan terhadap maklumat yang dikongsi. Persetujuan

dimaklumkan diperoleh secara lisan dengan mengambil kira latar belakang sosio-budaya peserta.

Ketua penyelidik mendapatkan persetujuan daripada peserta terlebih dahulu untuk merekodkan suara dan diambil video dan gambar. Sekiranya, peserta FGD tidak bersetuju apa yang dikatakan untuk direkod dan melarang mengambil gambarnya, maka penyelidikan ini tidak boleh mengambil kira perkara tersebut untuk dilaporkan dan dikongsikan di mana-mana platform. Namun begitu, bagi kajian pemetaan isu di Parlimen Sepanggar, tiada apa-apa halangan daripada pihak peserta.

Sepanjang sesi, penyelidik juga memastikan suasana dialog yang selamat, terbuka dan inklusif, dengan memberi ruang kepada semua peserta untuk bersuara tanpa tekanan atau paksaan. Etika juga dititikberatkan dalam aspek dokumentasi dan penggunaan data, di mana nama sebenar peserta tidak didedahkan dan maklumat yang diperoleh digunakan hanya untuk tujuan akademik. Penyelidik turut mengamalkan pendekatan sensitif budaya dengan menghormati adat, bahasa dan norma komuniti setempat.

2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan

Pelaksanaan kajian lapangan di daerah Sepanggar turut berdepan dengan kekangan yang memberi kesan terhadap kelancaran proses pengumpulan data. Dalam pelaksanaan lawatan kajian lapangan, antara kekangan yang dihadapi oleh pasukan penyelidik ialah kesukaran untuk menghubungi pemimpin kampung seperti Ketua Kampung dan Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), selain terdapat juga penolakan untuk terlibat dalam sesi Focus Group Discussion (FGD). Situasi ini berlaku kerana sebahagian JKKK masih berada dalam fasa pelantikan baharu, yang menyebabkan proses penyelarasan dan komitmen penyertaan menjadi kurang stabil.

Bagi menangani kekangan ini, pasukan penyelidik telah menyediakan senarai kampung sandaran sebagai alternatif sekiranya kampung yang dikenal pasti pada peringkat awal tidak dapat terlibat dalam kajian. Kampung-kampung sandaran tersebut kemudiannya dihubungi bagi memastikan pelaksanaan FGD dapat diteruskan di setiap kawasan DUN yang terlibat. Pendekatan ini membolehkan proses pengumpulan data lapangan dilaksanakan secara berterusan, di samping memastikan keterangkuman kawasan dan kumpulan sasaran yang terlibat dalam kajian dapat dikekalkan. Langkah tersebut turut membantu mengurangkan risiko terdapatnya kawasan atau kumpulan tertentu yang tidak diwakili dalam proses kajian lapangan.

Selain itu, pelaksanaan kajian yang berlangsung dalam tempoh bulan Ramadan turut menjadi salah satu kekangan dalam proses pengumpulan data lapangan. Sepanjang

tempoh tersebut, tahap keterlibatan komuniti lebih terhad kerana sebahagian besar penduduk cenderung untuk mengurangkan aktiviti di luar rumah dan memberi tumpuan kepada waktu rehat. Keadaan ini turut dipengaruhi oleh faktor cuaca panas, khususnya apabila sesi perbincangan kumpulan fokus (FGD) dilaksanakan pada waktu siang.

Sehubungan itu, kekangan dari segi waktu dan keadaan persekitaran telah menyebabkan pasukan penyelidik menyusun semula jadual lawatan dengan menetapkan tempoh pelaksanaan selama lima hari, dengan hanya dua sesi FGD dijalankan dalam satu hari. Penjadualan ini bertujuan menyesuaikan pelaksanaan sesi lapangan dengan keadaan dan kesesuaian komuniti setempat, khususnya sepanjang bulan Ramadan. Pendekatan yang lebih fleksibel dari segi masa dan kaedah pelaksanaan telah digunakan bagi memastikan proses pengumpulan data dapat diteruskan tanpa menjejaskan tahap penglibatan peserta. Walaupun berhadapan dengan kekangan tersebut, setiap sesi FGD tetap dapat dilaksanakan dengan kehadiran peserta yang memenuhi syarat minimum, iaitu sekurang-kurangnya lapan orang peserta bagi setiap sesi. Pendekatan ini membolehkan keperluan asas pengumpulan data dipenuhi serta memastikan kelancaran pelaksanaan kajian lapangan.

2.4 Keterbatasan Kajian

Salah satu keterbatasan utama yang dihadapi dalam pelaksanaan kajian lapangan pemetaan isu di Parlimen Sepanggar adalah kesukaran dalam memperoleh data profil kawasan parlimen yang terkini. Kekurangan kajian terdahulu yang mencukupi juga membatasi ketersediaan data sekunder yang diperlukan untuk analisis awal. Keadaan ini menyukarkan pasukan penyelidik dalam mendapatkan gambaran terkini yang menyeluruh tentang keadaan sosio-ekonomi di kawasan Parlimen Sepanggar yang seterusnya menghalang usaha untuk membuat penilaian yang lebih tepat terhadap isu-isu yang dihadapi oleh komuniti.

Di samping itu, pasukan penyelidik juga berdepan dengan keterbatasan dalam memasuki kesemua kampung di kawasan parlimen Sepanggar. Faktor logistik dan serta kekangan masa telah membataskan keupayaan untuk melibatkan setiap kampung dalam kajian ini. Walaupun usaha telah dilakukan untuk menghubungi dan melibatkan sebanyak mungkin kampung, beberapa kawasan yang seharusnya diberi perhatian tidak dapat dijelajahi sepenuhnya. Kekangan ini seterusnya menyukarkan usaha untuk memperoleh data yang lebih lengkap dan mencirikan gambaran bagi seluruh kawasan Parlimen Sepanggar

3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG

Jadual 3. Rangkuman Isu Rentas SDG

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
1.	Kekurangan infrastruktur asas	Hampir keseluruhan kampung melaporkan masalah infrastruktur asas, termasuk jalan raya rosak, jambatan yang tidak selamat, bekalan air graviti tanpa rawatan, gangguan elektrik berulang serta capaian internet dan telekomunikasi yang lemah. Keadaan ini menjejaskan akses harian dan kecemasan penduduk, kualiti air serta aktiviti ekonomi seperti pertanian dan perikanan akibat kesukaran mengangkut hasil ke pasaran.	Sosial	Penduduk kampung luar bandar/ pinggir bandar, petani, nelayan, golongan OKU dan warga emas	Kg Talungan, Kg Ruminding, Kg Pulau Sepanggar, Kg Unggun, Kg Lawa Mondou, Kg Kalansanan	SDG 6 Air bersih dan sanitasi SDG 7 Tenaga mampu milik dan bersih SDG 9 Industri, inovasi dan infrastruktur SDG 11 Bandar dan komuniti mampan
2.	Kelemahan infrastruktur saliran dan pengurusan alam sekitar	Kekerapan kejadian banjir, termasuk sehingga 12 kali setahun di sesetengah kampung, berpunca daripada pembangunan pesat yang mengubah laluan saliran asal, parit	Alam sekitar	Penduduk kawasan rendah/pinggir sungai & pesisir	Kg Talungan, Kg Bantayan Inanam, Kg Unggun, Kg Cenderamata	SDG 3 Kesihatan yang baik dan sejahtera SDG 6 Air bersih dan sanitasi

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		tersumbat atau tidak diselenggara, sungai yang cetek serta pengurusan sampah yang tidak teratur. Keadaan ini turut menyumbang kepada peningkatan kes denggi, pencemaran sungai dan kerosakan harta benda, selain mencetuskan konflik dengan agensi berkaitan akibat pengeluaran kompaun kesihatan sebelum kawasan sempat dibersihkan.		pantai, terutama yang tinggal berhampiran kawasan pembangunan pesat	2 Likas, Kg Kalansanan, Kg Rampayan	SDG 11 Bandar dan komuniti mampan SDG 13 Tindakan memerangi perubahan iklim
3.	Kekangan tanah, perumahan dan kemudahan awam	Isu melibatkan tuntutan tanah oleh pihak luar seperti KDCA, penyusutan kawasan perkampungan yang telah digazetkan, ketidaksesuaian syarat pembinaan rumah SMJ dengan topografi berbukit, ketiadaan tapak perkuburan berdekatan, notis perobohan tanpa penyelesaian PPR/PPRT, serta kekeliruan berhubung status “penduduk sah” bagi mangsa kebakaran dan penduduk yang telah dipindahkan.	Sosial	Isi rumah B40, keluarga tanpa rumah mampu milik, mangsa kebakaran/pindahan, penduduk tanpa	Kg Talungan, Kg Unggun, Kg Lawa Mondou, Kg Cenderamata 2 Likas, Kg Kalansanan, Kg Rampayan	SDG 1 Tiada kemiskinan SDG 11 Bandar dan komuniti mampan SDG 16 Keamanan, keadilan dan institusi yang kuat

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		Ketidakpastian status hak milik tanah dan perumahan menjadi kekangan kepada pembangunan serta akses kepada bantuan perumahan kerajaan. Keadaan ini menyebabkan sebahagian keluarga terpinggir daripada bantuan, manakala kekurangan rumah mampu milik turut menyebabkan sesetengah rumah dihuni sehingga tiga generasi.		dokumen sah		
4.	Kekangan sosioekonomi, akses perkhidmatan asas dan keselamatan komuniti	Isu yang dikenal pasti meliputi ketidakstabilan pekerjaan dengan kebergantungan kepada perkhidmatan *e-hailing* dan pekerjaan sambilan, kesukaran mendapatkan pekerjaan dalam kalangan penduduk berusia 40 tahun ke atas, serta tahap pendidikan dewasa yang rendah. Akses kepada perkhidmatan asas seperti klinik, tadika dan sekolah juga terhad akibat kekurangan kemudahan atau jarak yang jauh.	Sosial, Ekonomi	Belia, warga emas tanpa pencen, ibu bapa/pelajar sekolah menengah, penduduk berpendapatan rendah	Kg Pulau Sepanggar, Kg Ruminding, Kg Unggun, Kg Cenderamata 2 Likas, Kg Kalansanan	SDG 1 Tiada kemiskinan SDG 3 Kesihatan yang baik dan sejahtera SDG 4 Pendidikan berkualiti SDG 8 Pekerjaan yang baik dan pertumbuhan ekonomi SDG 16 Keamanan, keadilan dan institusi yang kuat

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		Selain itu, terdapat kebimbangan komuniti terhadap isu PTI, gangsterisme, kecurian dan penyalahgunaan dadah. Keadaan ini mencerminkan kewujudan kemiskinan bandar tersembunyi, jurang pendidikan antara generasi, keterbatasan akses kepada perkhidmatan asas serta kebimbangan terhadap aspek keselamatan dalam komuniti.				

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU

4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu

Jadual 4. Perincian Hasil Dapatan FGD 1

BIL.	ISU	PENERANGAN
FGD 1: Dialog Bersama Komuniti Kg Talungan **Tarikh:** 2 Mac 2026 **Bilangan peserta:** 16 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam tiga kumpulan		
1.	Jalan raya yang belum dinaik taraf	Infrastruktur jalan sedia ada perlu dinaik taraf bagi meningkatkan kemudahan akses penduduk. Ini terutamanya di kawasan penempatan yang dipisahkan oleh beberapa sungai. Keadaan ini turut menjejaskan akses ke tanah milik penduduk yang terletak di kawasan berbukit. Keadaan ini turut menyukarkan urusan harian dan aktiviti ekonomi masyarakat setempat.
2.	Keperluan pembinaan jambatan konkrit untuk laluan kenderaan	Sebahagian kawasan Kampung Talungan terdiri daripada penempatan perumahan yang terletak di seberang sungai, namun masih berada di bawah pentadbiran Kampung Talungan. Oleh sebab tiada akses jalan raya yang menghubungkan kawasan tersebut, penduduk tidak dapat membawa kenderaan terus ke rumah dan terpaksa meletakkan kenderaan di seberang sungai sebelum meneruskan perjalanan dengan berjalan kaki melalui jambatan gantung. Keadaan ini menimbulkan kesukaran khususnya ketika berlaku kecemasan. Terdapat penduduk yang sakit dan memerlukan rawatan segera di hospital. Menurut peserta, pihak pentadbiran sebelum ini telah mengemukakan permohonan untuk pembinaan sebuah jambatan konkrit bagi menggantikan jambatan gantung. Namun cadangan tersebut tidak diluluskan atau status permohonannya tidak dapat dipastikan.
3.	Ketiadaan jalan pertanian	Ketiadaan akses kenderaan secara terus ke kawasan kebun menyebabkan penduduk menghadapi kesukaran untuk mengangkut hasil pertanian atau produk kampung. Semua hasil perlu dibawa secara manual dengan dipikul merentasi sungai sehingga ke lokasi yang boleh diakses oleh kenderaan. Setelah

BIL.	ISU	PENERANGAN
		hasil dikumpulkan di kawasan tersebut, barulah ia dimuatkan ke dalam kenderaan untuk dibawa ke destinasi seterusnya.
4.	Bekalan air bersih tidak stabil dan tiada sistem rawatan air	Khususnya di kawasan seberang sungai, berhadapan dengan masalah bekalan air yang bergantung sepenuhnya kepada sistem air graviti daripada kawasan tadahan di bukit. Semasa musim kemarau, kuantiti air berkurangan sehingga menyebabkan bekalan tidak mencukupi. Ketika musim hujan, bekalan air menjadi keruh akibat gangguan pada kawasan tadahan atau saluran air. Peserta turut menyuarakan kebimbangan terhadap tahap kebersihan sumber air kerana kawasan tadahan terbuka berisiko dicemari oleh haiwan liar atau bahan pencemar lain.
5.	Kemudahan internet masih lemah	Cadangan pembinaan menara telekomunikasi di kawasan kampung pernah dikemukakan, namun tidak dapat diteruskan kerana pemilik tanah tidak memahami tujuan dan manfaat projek yang diterangkan oleh pihak berkaitan. Walaupun pihak berkaitan dan kontraktor telah hadir untuk melaksanakan pembinaan pencawang telekomunikasi, projek tersebut tidak mendapat persetujuan daripada pemilik tanah akibat kekurangan kefahaman mengenai pelaksanaannya. Selain itu, peserta turut menjelaskan bahawa liputan rangkaian telekomunikasi di kampung adalah sangat terhad sehingga menyukarkan penduduk untuk membuat panggilan telefon. Bagi mendapatkan isyarat telefon, penduduk terpaksa bergerak ke kawasan yang lebih tinggi seperti bukit. Keadaan ini menunjukkan bahawa kelemahan liputan telekomunikasi memberi kesan terhadap komunikasi harian dan pengurusan kecemasan di kawasan tersebut.
6.	Keperluan untuk memberi perhatian permohonan kebajikan	Pemimpin kampung memohon agar permohonan yang dihantar diberi perhatian kerana di pihak pemimpin kampung pemilihan pemohon telah ditapis dengan ketelusan dan mengikut keperluan.
7.	Kekangan kewangan dalam	Kampung ini menghadapi kekangan dari segi kewangan untuk melaksanakan usaha mengindahkan kampung kerana ia memerlukan bajet yang mencukupi.

BIL.	ISU	PENERANGAN
	mengindahkan kawasan kampung	Walaupun tenaga kerja dan kerjasama dalam kalangan penduduk kampung adalah baik dan sangat memberangsangkan, namun kekurangan dana menyebabkan pelaksanaan program-program tersebut terbatas.
8.	Ketiadaan pengurusan sisa yang sistematik	Disebabkan ketiadaan tempat pelupusan sampah, penduduk terpaksa melakukan pembakaran sampah termasuk plastik sebagai kaedah pelupusan.
9.	Kawasan gazet kampung yang tidak mencukupi	Kampung ini merupakan kawasan yang berselerak dengan beberapa zon penempatan, termasuk satu kawasan yang telah digazetkan sebagai kawasan perkampungan, manakala kawasan lain pula merupakan tanah persendirian. Kawasan yang digazetkan sebagai perkampungan semakin mengecil dan tidak lagi mencukupi untuk menampung keperluan penduduk.

Jadual 5. Perincian Hasil Dapatan FGD 2

BIL.	ISU	PENERANGAN
FGD 2: Dialog Bersama Komuniti Kg Bantayan Inanam **Tarikh:**3 Mac 2025 **Bilangan peserta:**13 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam tiga kumpulan		
1.	Perparitan yang tidak diselenggara dan impak banjir	Masalah perparitan berlarutan tanpa tindakan walaupun aduan telah dibuat sejak lima tahun lalu. Pembinaan sebuah kilang telah mengubah laluan saliran asal dengan menimbus sungai dan memasang *culvert* bersaiz kecil yang tidak mampu menampung aliran air. Keadaan ini menyebabkan saliran tersumbat dan air tidak dapat mengalir dengan lancer. Keadaan ini menyebabkan banjir di kawasan kampung. Selain itu, kerja penambakan tanah sehingga ke sempadan lot dan pembinaan parit yang sempit turut menyukarkan kerja penyelenggaraan dan pengorekan saliran. Keadaan ini memburukkan lagi masalah banjir.
2.	Lampu jalan yang tidak berfungsi	Lampu jalan, di kampung mengalami masalah pencahayaan yang tidak mencukupi. Keadaan jalan menjadi gelap pada waktu malam apabila memasuki kawasan kampung.
3.	Gangguan bekalan air yang kerap	Bekalan air yang tidak konsisten berlarutan sehingga berbulan-bulan menyebabkan kesukaran besar kepada penduduk. Terdapat keadaan di mana meter air masih berfungsi tetapi bekalan air tidak ada. Walaupun aduan telah dibuat kepada Jabatan Air, tindakan susulan seperti pemeriksaan tidak dilakukan. Selain itu, penduduk turut berdepan dengan bil air yang tinggi walaupun bekalan air tiada dalam tempoh lama. Penghantaran bil yang lambat menyebabkan penduduk menerima notis pemotongan. Keadaan ini menimbulkan ketidakpuasan hati terhadap pengurusan dan penyelenggaraan sistem bekalan air.
4.	Penyelenggaran jalan raya yang tidak berkualiti	Keadaan jalan raya semakin teruk walaupun kerja-kerja penampalan telah dilakukan. Penduduk memaklumkan bahawa tampalan jalan hanya bersifat sementara kerana ianya mudah rosak dalam masa singkat.

BIL.	ISU	PENERANGAN
		Selain itu, permukaan jalan menjadi tidak rata kerana terdapat perbezaan aras antara jalan lama dan kawasan yang ditampal, dengan ada bahagian yang tinggi dan rendah.
5.	Ketiadaan pengurusan sisa yang sistematik	Setiap individu menguruskan pembuangan sampah masing-masing kerana ketiadaan kemudahan atau sistem pengurusan sampah yang berpusat.
6.	Tuntutan tanah oleh pihak KDCA	Penduduk berhadapan dengan tuntutan tanah kampung seluas 30 ekar oleh pihak KDCA yang didakwa menggunakan nama organisasi tersebut untuk tujuan pengambilan tanah. Penduduk memaklumkan bahawa terdapat dakwaan tanah tersebut pernah dikatakan sebagai “hadiah” pada tahun 1988, namun kini isu tersebut telah dibawa ke mahkamah untuk tindakan saman terhadap penduduk. Keadaan ini menimbulkan kebimbangan dalam kalangan masyarakat kampung.

Jadual 6. Perincian Hasil Dapatan FGD 3

BIL.	ISU	PENERANGAN
FGD 3: Dialog Bersama Komuniti Kg Ruminding **Tarikh:** 2 Mac 2025 **Bilangan peserta:**7 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam dua kumpulan		
1.	Jalan raya yang tidak diselenggara	Keadaan jalan raya yang masih tidak mengalami penambahbaikan walaupun perbincangan telah beberapa kali dibuat dan pertukaran wakil rakyat telah berlaku. Penduduk memaklumkan bahawa penyelenggaraan jalan sudah lama tidak dilakukan, dengan kerja terakhir yang diingat mungkin berlaku pada tahun lalu atau lebih lama. Kebanyakan pembaikan hanya dilakukan oleh penduduk sendiri. Keadaan jalan menjadi lebih teruk ketika musim hujan sehingga menyukarkan pergerakan.
2.	Ketiadaan bekalan air bersih dan terawat	Bekalan air tidak mencukupi dan tidak stabil. Walaupun terdapat usaha tadahan air di kawasan bukit dengan bantuan DBKK namun tidak menyelesaikan masalah bekalan air ini. Sistem tersebut masih belum lengkap kerana ketiadaan penapis menyebabkan air yang sampai ke rumah mengandungi pasir. Selain itu, terdapat penduduk yang masih bergantung sepenuhnya kepada air hujan dan sumber anak sungai untuk kegunaan harian kerana ketiadaan sambungan air paip. Keadaan ini menyukarkan kehidupan harian mereka.
3.	Gangguan bekalan elektrik yang tidak stabil	Walaupun bekalan elektrik telah tersedia di kawasan tersebut, gangguan bekalan yang kerap dan tidak menentu masih berlaku. Menurut penduduk, keadaan ini telah menjadi kebiasaan dalam kehidupan seharian dan menjejaskan kelancaran aktiviti harian komuniti.
4.	Ketiadaan sistem pengurusan sampah yang sistematik	Pengurusan sisa pepejal di kampung masih tidak sistematik. Sebahagian penduduk membakar sampah secara sendiri. Bahan seperti tin dan botol dibawa ke Tamparuli untuk dilupuskan. Sebahagian bahan kitar semula seperti tin aluminium turut dikumpulkan untuk dijual.

BIL.	ISU	PENERANGAN
5.	Akses kesihatan yang terhad dan jauh	Ketiadaan klinik kesihatan tetap di kawasan kampung, menyebabkan penduduk mendapatkan rawatan di Kiulu. Untuk kes-kes yang lebih serius penduduk akan ke Tamparuli. Selain itu, perkhidmatan klinik bergerak hanya disediakan sekali sebulan. Perkhidmatan ini tidak mencukupi untuk menampung keperluan kesihatan penduduk secara berkala.
6.	Kos pengangkutan yang tinggi	Kos pengangkutan menggunakan kenderaan sewa *(cater)* tinggi, iaitu sekitar RM300 untuk perjalanan pergi dan balik. Kos ini biasanya dikongsi secara bersama oleh penduduk bagi tujuan membawa hasil pertanian seperti sayur-sayuran.

Jadual 7. Perincian Hasil Dapatan FGD 4

BIL.	ISU	PENERANGAN
FGD 4: Dialog Bersama Komuniti Kg Pulau Sepanggar **Tarikh:** 4 Mac 2026 **Bilangan peserta:** 20 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam dua kumpulan		
1.	Kelemahan infrastruktur dan keselamatan jambatan kampung.	Jambatan di kampung masih belum menerima pembaikan rasmi daripada pihak berwajib. Jambatan tersebut merupakan struktur lama yang dipindahkan dari kawasan resort dan dipasang di kampung bagi kegunaan penduduk. Kerja pemasangan serta penyelenggaraan banyak dilaksanakan secara gotong-royong oleh penduduk tanpa sokongan teknikal yang mencukupi daripada pihak berkaitan. Keadaan ini menyebabkan struktur jambatan kurang kukuh dan aspek keselamatannya tidak terjamin. Keadaan tersebut menjadi lebih kritikal apabila jambatan mengalami keruntuhan akibat kejadian ombak.
2.	Cabaran akses dan penempatan pelajar sekolah menengah	Ibu bapa menghadapi cabaran apabila anak-anak yang tamat Tahun 6 perlu melanjutkan pelajaran ke sekolah menengah di bandar, khususnya disebabkan kemudahan asrama yang terhad. Tidak semua pelajar mendapat penempatan asrama, menyebabkan sebahagian daripada mereka perlu mendapatkan tempat tinggal sendiri atau berdepan kesukaran untuk meneruskan persekolahan. Keadaan ini turut meningkatkan beban kewangan dan tanggungjawab ibu bapa. Sehubungan itu, ibu bapa memohon perhatian pihak berwajib untuk menambah baik kemudahan penempatan serta memastikan akses pendidikan sekolah menengah yang lebih mudah dan sesuai bagi pelajar dari kawasan berkenaan.
3.	Kekurangan sumber bekalan elektrik	Penduduk menghadapi kekurangan bekalan dan kemudahan lampu di kawasan kampung. Penduduk mencadangkan penggunaan lampu solar berskala besar untuk menerangi kawasan kampung kerana sambungan elektrik dari bandar adalah sukar dan tidak praktikal. Pada masa ini, terdapat bantuan solar daripada Amal NGO. Namun bantuan solar ini bersifat kecil dan terhad kepada keperluan asas seperti lampu rumah sahaja. Kemudahan solar ini tidak mampu menampung penggunaan peralatan lain.

BIL.	ISU	PENERANGAN
4.	Keperluan penambahan lampu jalan untuk keselamatan dan kawalan haiwan liar	Penduduk memohon untuk menambah lampu jalan di kawasan kampung bagi tujuan keselamatan. Keadaan gelap mendedahkan penduduk kepada bahaya haiwan liar seperti babi dan ular termasuk ular sawa yang kadang-kadang muncul di kawasan kampung.
5.	Kebergantungan kepada air bukit dan keperluan projek bekalan air terancang	Sumber bekalan air di kampung bergantung kepada air bukit dan sangat dipengaruhi oleh keadaan cuaca. Ketika musim kemarau, bekalan air menjadi berkurangan, manakala ketika hujan pula air boleh melimpah. Walaupun sumber ini boleh digunakan oleh seluruh kampung, penggunaannya masih bersifat individu. Penduduk menyatakan keperluan untuk pelaksanaan projek bekalan air yang lebih terancang dan sistematik bagi memastikan keperluan air kampung dapat dipenuhi dengan lebih baik.
6.	Kesukaran akses pengangkutan dan bebas kos perjalanan	Penduduk sukar untuk bergerak ke bandar kerana kekurangan kemudahan pengangkutan yang sesuai. Penduduk yang mempunyai bot berkuasa tinggi boleh ke bandar, namun yang tidak mempunyai kemudahan tersebut terpaksa menyewa pengangkutan (*cater*) dengan kos yang agak tinggi. Keadaan ini menyebabkan mereka perlu menanggung perbelanjaan tambahan, iaitu sekitar RM70 untuk satu perjalanan dan RM140 untuk pergi balik. Keadaan ini membebankan penduduk dalam urusan harian.
7.	Kekurangan kemudahan sukan dan rekreasi	Kemudahan sukan dan rekreasi di kampung masih tidak mencukupi, termasuk ketiadaan padang bola dan taman permainan yang sebelum ini menjadi tumpuan aktiviti komuniti. Kekurangan fasiliti menyebabkan aktiviti seperti bola sepak, sepak takraw dan bola tampar semakin sukar untuk diteruskan. Keadaan ini mengurangkan penglibatan penduduk, khususnya golongan belia, dalam aktiviti sukan dan rekreasi.
8.	Ketiadaan akses kepada klinik Kesihatan	Penduduk memohon agar klinik kesihatan yang pernah beroperasi di kawasan tersebut dapat dibuka semula. Klinik berkenaan kini tidak lagi berfungsi kerana bangunannya telah mengalami kerosakan dan runtuh akibat tidak digunakan dalam tempoh yang lama, serta terdedah kepada faktor cuaca seperti tiupan angin.

BIL.	ISU	PENERANGAN
9.	Pengurusan sisa pepejal di kawasan berisiko air pasang	Pembuangan sampah di kawasan yang terdedah kepada air pasang menyebabkan sampah mudah dihanyutkan apabila paras air meningkat. Walaupun sebahagian penduduk mempunyai kesedaran untuk menjaga kebersihan, masih terdapat segelintir individu yang tidak bertanggungjawab membuang sampah sesuka hati.

Jadual 8. Perincian Hasil Dapatan FGD 5

BIL.	ISU	PENERANGAN
FGD 5: Dialog Bersama Komuniti Kg Unggun **Tarikh:** 3 Mac 2025 **Bilangan peserta:** 8 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam satu kumpulan		
1.	Kekangan akses dan kapasiti tanah perkuburan	Penduduk berdepan dua cabaran utama berkaitan tanah perkuburan. Pertama, kapasiti kawasan perkuburan sedia ada semakin terhad dan tidak lagi dapat menampung keperluan penduduk. Kedua, lokasi tanah perkuburan yang berada dalam kawasan UiTM menyukarkan urusan pengebumian. Sebelum ini, penduduk menggunakan perahu sebagai laluan ke tanah perkuburan tanpa melalui kawasan UiTM. Namun, keadaan air yang semakin cetek dan kemudahan jeti yang tidak lagi sesuai menyebabkan penduduk terpaksa menggunakan kenderaan. Pada masa yang sama, akses kenderaan melalui kawasan UiTM dijangka ditutup. Sehubungan itu, penduduk memohon agar tapak perkuburan baharu yang lebih dekat dan mudah diakses dari kawasan kampung dapat disediakan.
2.	Peningkatan risiko banjir kilat akibat pembangunan dan kapasiti saliran terhad	Pembangunan pesat di sekitar kampung, termasuk pembinaan jejambat dan deretan kedai, telah meningkatkan risiko berlakunya banjir kilat. Sistem perparitan sedia ada yang dibina sebelum pembangunan tersebut tidak lagi berupaya menampung peningkatan aliran air hujan. Semasa hujan lebat, aliran air dari kawasan pembangunan memasuki parit kampung yang bersaiz kecil. Keadaan ini menyebabkan banjir kilat berlaku dalam tempoh yang singkat.
3.	Ketidakstabilan dan kekurangan bekalan air	Masalah bekalan air merupakan isu berpanjangan yang dihadapi penduduk kampung, khususnya di kawasan tanah tinggi. Bekalan air sering terputus dan tidak menentu. Hanya sesetengah kawasan menerima bekalan sekali atau dua kali seminggu, malah ada yang tidak menerima bekalan selama sebulan. Keadaan menjadi lebih kritikal semasa musim kemarau sehingga penduduk terpaksa mendapatkan bantuan daripada wakil rakyat bagi memastikan bekalan air dapat diperoleh.

BIL.	ISU	PENERANGAN
4.	Sambungan air tidak sah dan gangguan bekalan	Sambungan bekalan air secara tidak sah berlaku di beberapa kawasan setinggan berhampiran kampung. Walaupun aduan telah dibuat kepada Jabatan Air dan tindakan pemotongan pernah dilaksanakan, sambungan tersebut dilaporkan kembali dibuat dalam tempoh yang singkat. Keadaan ini menimbulkan kebimbangan dalam kalangan penduduk kerana keadaan ini boleh menjejaskan kestabilan bekalan air kepada pengguna yang mempunyai sambungan sah.
5.	Kekurangan tanah rizab perkampungan	Keluasan tanah rizab perkampungan sedia ada tidak lagi mencukupi untuk menampung pertambahan penduduk. Kekurangan tanah menyebabkan sebahagian penduduk terpaksa membina rumah di kawasan yang tidak sesuai untuk tujuan perumahan. Sehubungan itu, penduduk memohon agar kerajaan mempertimbangkan penambahan keluasan tanah rizab perkampungan bagi memenuhi keperluan penempatan semasa dan pada masa hadapan.
6.	Kebimbangan keselamatan dan status penghuni kampung berhampiran.	Penduduk menyuarakan kebimbangan terhadap kawasan berhampiran Kampung Unggun yang didakwa dihuni oleh ramai Pendatang Tanpa Izin (PTI).Penduduk memohon agar pihak berkuasa menjalankan pemantauan dan pemeriksaan terhadap status penghuni di kawasan tersebut, memandangkan mereka bukan penduduk Kampung Unggun. Penduduk turut berharap agar penghuni kawasan berkenaan tidak menggunakan alamat Kampung Unggun bagi mengelakkan sebarang kekeliruan. Keadaan ini menimbulkan kebimbangan terhadap reputasi kampung sekiranya berlaku kes jenayah yang dikaitkan dengan alamat tersebut.
7.	Penyalahgunaan dan pengedaran dadah dalam komuniti	Aktiviti penyalahgunaan dadah masih berlaku di kawasan Kg. Lobang, termasuk kewujudan pengedar dan penagih dadah. Walaupun penduduk memaklumkan bahawa kes telah berkurangan berbanding sebelum ini, masalah tersebut masih belum dapat dibendung sepenuhnya dan terus menjadi kebimbangan dalam kalangan komuniti.
8.	Ketidakselarasan syarat tapak	Syarat pembinaan Rumah SMJ yang mengutamakan tapak tanah rata menyukarkan penduduk di kampung yang mempunyai keadaan muka bumi berbukit. Walaupun pembinaan rumah bertiang boleh disesuaikan dengan topografi tersebut, terdapat tapak yang masih tidak memenuhi syarat kelayakan.

BIL.	ISU	PENERANGAN
	pembinaan rumah SMJ	Penduduk memohon agar kerajaan mempertimbangkan kelonggaran terhadap syarat pemilihan tapak bagi membolehkan pembinaan Rumah SMJ dilaksanakan di kawasan yang mempunyai keadaan tanah tidak rata.
9.	Pendangkalan sungai dan peningkatan risiko banjir	Masalah banjir di kampung dikaitkan oleh penduduk dengan keadaan Sungai Unggun yang semakin cetek, yang dipercayai berlaku selepas pembinaan jambatan UiTM. Keadaan tersebut menyebabkan aliran air menjadi perlahan dan kurang lancar ke muara. Keadaan ini meningkatkan risiko banjir ketika hujan. Penduduk turut memaklumkan bahawa kejadian banjir tidak berlaku seteruk keadaan semasa ketika sungai masih lebih dalam seperti dahulu.
10.	Kerosakan laluan bertangga dan aksesibiliti OKU	Laluan bertangga yang digunakan oleh penduduk, termasuk golongan orang kurang upaya (OKU), telah mengalami kerosakan akibat hakisan. Struktur tangga yang sebelum ini rata kini menjadi senget dan tidak stabil. Keadaan ini meningkatkan risiko keselamatan serta menyukarkan pergerakan penduduk, khususnya golongan OKU.

Jadual 9. Perincian Hasil Dapatan FGD 6

BIL.	ISU	PENERANGAN
FGD 6: Dialog Bersama Komuniti Kampung Lawa Mondou **Tarikh:** 5 Mac 2025 **Bilangan peserta:** 6 orang **Kaedah:** Perbincangan dalam satu kumpulan		
1.	Kerosakan dan keperluan naik taraf jalan pertanian	Penduduk Kampung Lawa Mondou yang majoritinya bergantung kepada sektor pertanian menghadapi kesukaran mengangkut hasil tanaman akibat keadaan jalan raya yang rosak dan kurang sesuai digunakan. Walaupun jalan sedia ada telah dibina, kerja naik taraf seperti penurapan *asfalt* atau konkrit diperlukan bagi meningkatkan ketahanan jalan dan memudahkan pengangkutan hasil pertanian ke pasaran. Dalam jangka pendek, penduduk mencadangkan penaburan batu bagi mengurangkan keadaan jalan yang licin dan berlumpur, khususnya ketika musim hujan. Keadaan jalan yang teruk turut menyukarkan pergerakan kenderaan pacuan empat roda (4WD), meningkatkan risiko kerosakan kenderaan serta menjejaskan aktiviti harian dan ekonomi komuniti.
2.	Cabaran terhadap sektor pertanian dan sumber pendapatan komuniti	Majoriti penduduk Kampung Lawa Mondou, iaitu sekitar 90 peratus, bergantung kepada aktiviti pertanian seperti berkebun dan menoreh getah sebagai sumber pendapatan utama. Walau bagaimanapun, komuniti berdepan beberapa cabaran yang menjejaskan produktiviti dan pendapatan iaitu gangguan haiwan perosak seperti tikus dan burung yang merosakkan tanaman, khususnya padi bukit yang pernah diusahakan penduduk. Selain itu, kecurian hasil pertanian dan hasil torehan getah serta peningkatan kos penyelenggaraan kebun turut menjadi cabaran kepada komuniti.
3.	Kekangan kualiti air dan akses bekalan air bersih terhad	Penduduk Kampung Lawa Mondou bergantung sepenuhnya kepada sistem bekalan air graviti sebagai sumber air harian. Walau bagaimanapun, sistem tersebut tidak menjamin kualiti dan keselamatan air kerana penyelenggaraannya bergantung kepada usaha komuniti dan tidak melalui proses rawatan seperti sistem bekalan air kerajaan.

BIL.	ISU	PENERANGAN
		Usaha menambah sumber bekalan air juga turut berdepan kekangan topografi berbukit dan kos pemasangan pam yang tinggi. Penduduk perlu memasak air sebelum diminum atau menggunakan penapis air bagi mengurangkan risiko pencemaran. Penduduk juga turut menyuarakan kebimbangan terhadap risiko penyakit bawaan air seperti *leptospirosis.*
4.	Kekangan pendaftaran kelahiran dan akses dokumen identiti	Terdapat kes dalam komuniti melibatkan penduduk yang berkahwin dengan pasangan bukan warganegara dan menghadapi kesukaran dalam mendaftarkan kelahiran anak. Terdapat anak yang tidak mempunyai sijil kelahiran dan seterusnya tidak dapat memohon kad pengenalan, walaupun adik-beradik yang dilahirkan kemudian berjaya memperoleh sijil kelahiran. Usaha mendapatkan penjelasan daripada pihak berkaitan juga didapati belum memberikan maklumat yang jelas mengenai prosedur penyelesaian, menyebabkan keluarga berdepan ketidakpastian dalam menangani kes tersebut.
5.	Kekangan akses kepada Program Rumah SMJ akibat syarat kelayakan yang ketat	Komuniti Kampung Lawa Mondou menghadapi kesukaran mendapatkan bantuan di bawah Program Rumah SMJ kerana perlu memenuhi beberapa syarat yang ditetapkan. Selain keutamaan kepada pemohon yang berdaftar dalam sistem e-Kasih, pemohon perlu memiliki tapak tanah sendiri yang memenuhi spesifikasi tertentu, termasuk boleh diakses kenderaan serta mempunyai kemudahan asas seperti jalan dan tiang elektrik bagi memudahkan penghantaran bahan binaan. Namun, kebanyakan penduduk memiliki tanah bergeran yang terletak di kawasan kebun atau pedalaman tanpa kemudahan infrastruktur tersebut. Keadaan ini menyebabkan ramai pemohon gagal memenuhi syarat semasa pemeriksaan tapak dan tidak layak menerima bantuan perumahan walaupun mempunyai keperluan ekonomi.
6.	Gangguan bekalan elektrik yang kerap	Penduduk berhadapan dengan gangguan bekalan elektrik yang berlaku secara kerap, khususnya pada waktu petang dan ketika hujan lebat atau angin kencang. Menurut peserta, gangguan bekalan elektrik boleh berlaku sehingga dua atau tiga kali dalam tempoh seminggu apabila cuaca buruk berterusan.

BIL.	ISU	PENERANGAN
7.	Beban kos pengangkutan pendidikan bagi pelajar luar bandar	Penduduk menghadapi cabaran dari segi kos pengangkutan anak-anak ke sekolah, khususnya bagi pelajar yang perlu berulang-alik ke SMK Telipok yang terletak kira-kira 10 kilometer dari kampung. Kos pengangkutan menggunakan perkhidmatan tertentu adalah sekitar RM200 sebulan bagi seorang anak, manakala sedikit pengurangan diberikan sekiranya lebih daripada seorang anak menggunakan perkhidmatan yang sama (sekitar RM160 seorang).

Jadual 10. Perincian Hasil Dapatan FGD 7

BIL.	ISU	PENERANGAN
FGD 7: Dialog Bersama Komuniti Kg Cenderamata 2 Likas **Tarikh:** 5 Mac 2026 **Bilangan peserta:** 14 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam tiga kumpulan		
1.	Cabaran peluang pekerjaan bagi golongan berusia	Penduduk menghadapi kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan, khususnya dalam kalangan individu yang berusia hampir 40 tahun ke atas. Peluang pekerjaan lebih banyak memihak kepada golongan muda kerana majikan cenderung mengutamakan pekerja yang lebih muda. Keadaan ini menjadi lebih mencabar selepas pandemik COVID-19 apabila sebahagian pekerja kehilangan pekerjaan akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan menghadapi kesukaran untuk kembali ke pasaran kerja.
2.	Tekanan kos sara hidup terhadap warga emas	Warga emas menghadapi cabaran peningkatan kos sara hidup yang menyebabkan perbelanjaan harian semakin membebankan. Golongan warga emas yang tidak lagi bekerja terpaksa bergantung kepada bantuan dan sokongan anak-anak untuk menampung keperluan harian. Penduduk menyatakan bahawa pencen yang diterima, khususnya bagi bekas pekerja sektor swasta, adalah terhad berbanding penjawat awam. Keadaan ini mengehadkan kemampuan kewangan mereka dalam menghadapi peningkatan kos barangan dan perkhidmatan.
3.	Kebimbangan keselamatan dan jenayah komuniti	Penduduk berhadapan dengan cabaran keselamatan akibat kes penagihan dadah, kecurian dan pecah rumah yang menimbulkan kebimbangan dalam komuniti. Kejadian tersebut bukan sahaja melibatkan pihak luar, tetapi turut berlaku dalam kalangan individu di kawasan kejiranan sendiri. Keadaan ini menyebabkan penduduk perlu meningkatkan kawalan keselamatan kediaman pada setiap masa, memandangkan kejadian pecah rumah boleh berlaku walaupun pada waktu siang. Selain itu, kes kecurian kabel elektrik turut menyebabkan gangguan kepada kemudahan awam, termasuk menyebabkan kawasan masjid menjadi gelap.

BIL.	ISU	PENERANGAN
4.	Risiko banjir akibat faktor cuaca dan kawasan rendah	Penduduk menghadapi masalah banjir yang berlaku apabila fenomena air pasang berlaku serentak dengan hujan lebat. Keadaan ini menyebabkan paras air meningkat dan melimpah sehingga memasuki kawasan rumah penduduk, termasuk rumah yang bersaiz kecil dan berhampiran kawasan terdedah.
5.	Penyalahgunaan sambungan elektrik dan ketidakstabilan bekalan tenaga	Sebahagian penduduk menghadapi kesukaran mendapatkan sambungan elektrik yang sah. Keadaan ini menyebabkan mereka bergantung kepada perkongsian meter elektrik atau menarik sambungan kabel daripada rumah jiran melalui persetujuan bersama. Kos penggunaan elektrik dikongsi antara beberapa isi rumah berdasarkan persefahaman komuniti. Pada masa yang sama, peserta turut membangkitkan kebimbangan bahawa terdapat pihak yang menggunakan bekalan elektrik tanpa sambungan rasmi dan tidak menanggung kos bil. Keadaan ini menyebabkan penggunaan tenaga elektrik berlebihan seperti penggunaan penghawa dingin.
6.	Ketidakpastian penempatan dan akses terhad kepada bantuan perumahan	Sebahagian penduduk di kawasan tepi sungai menghadapi cabaran kerana kediaman mereka tidak mempunyai lot tanah berdaftar, berbeza dengan kawasan lain yang mempunyai status lot yang jelas. Terdapat kira-kira 60 buah rumah yang didiami oleh penduduk berstatus warganegara tetapi tidak mempunyai lot penempatan yang sah. Penduduk telah menerima notis berkaitan kediaman mereka dan berharap pihak kerajaan dapat menyediakan penyelesaian, termasuk bantuan penempatan alternatif seperti Program Perumahan Rakyat (PPR). Namun, kekurangan pengetahuan mengenai proses permohonan dan keterbatasan dari segi pendidikan menyebabkan sebahagian penduduk tidak mengetahui saluran yang betul untuk mendapatkan bantuan.
7.	Kekangan pendaftaran kelahiran akibat ketiadaan sijil perkahwinan ibu bapa	Penduduk menghadapi cabaran dalam proses pendaftaran dokumen pengenalan diri, khususnya sijil kelahiran anak, apabila ibu bapa tidak mempunyai sijil perkahwinan rasmi. Terdapat kes di mana perkahwinan lama yang berlaku sekitar tahun 1970-an tidak didaftarkan secara formal kerana pada ketika itu kepentingan dokumen perkahwinan tidak begitu diberi perhatian. Walaupun anak-anak telah dilahirkan dan permohonan dokumen telah dibuat, proses pengeluaran sijil kelahiran menjadi tertangguh kerana sijil perkahwinan ibu bapa kini menjadi salah satu dokumen sokongan utama yang diperlukan.

BIL.	ISU	PENERANGAN
8.	Kekurangan ruang tempat meletak kenderaan dan kesesakan kawasan perumahan	Penduduk menghadapi masalah kekurangan ruang tempat meletak kenderaan yang semakin ketara akibat pertambahan jumlah kenderaan penduduk. Kawasan tempat meletak kenderaan di lorong baru adalah terhad dan tidak mampu menampung keperluan penduduk. Keadaan ini menjadi lebih mencabar apabila sesebuah keluarga mempunyai ramai ahli yang memiliki kenderaan, menyebabkan ruang sedia ada tidak mencukupi.

Jadual 11. Perincian Hasil Dapatan FGD 8

BIL.	ISU	PENERANGAN
FGD 8: Dialog Bersama Komuniti Kg Rampayan **Tarikh:** 6 Mac 2026 **Bilangan peserta:** 8 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam tiga kumpulan		
1.	Kejadian banjir berulang yang menjejaskan kehidupan penduduk	Penduduk berhadapan dengan kejadian banjir yang berlaku secara kerap. Banjir ini berlaku terutamanya selepas hujan lebat selama dua hingga tiga jam. Banjir menyebabkan kerosakan harta benda termasuk peralatan dapur dan menjejaskan kehidupan harian penduduk. Peserta turut menjelaskan bahawa banjir tidak hanya berlaku kepada rumah yang berhampiran sungai, malah turut menjejaskan kawasan penempatan lain. Antara punca utama banjir ialah saiz laluan air di bawah jambatan yang terlalu sempit berbanding kapasiti sungai. Keadaan ini menyebabkan aliran air tidak dapat mengalir dengan lancar ketika hujan lebat, lalu air bertakung dan melimpah semula ke kawasan penempatan.
2.	Pendangkalan sungai menjejaskan mata pencarian nelayan	Sungai yang menjadi laluan utama ke laut mengalami pendangkalan dan memerlukan kerja-kerja pengorekan dengan segera. Keadaan sungai yang cetek menghalang bot nelayan daripada keluar ke laut. Keadaan ini menyebabkan sebahagian ahli nelayan tidak dapat menjalankan aktiviti penangkapan ikan selama beberapa bulan. Majoriti nelayan bergantung kepada hasil tangkapan harian sebagai sumber pendapatan utama. Keadaan ini memberi kesan langsung terhadap pendapatan isi rumah dan kelangsungan ekonomi komuniti
3.	Kelemahan organisasi komuniti dan akses kepada modal ekonomi	Terdapat individu yang tampil memimpin dalam komuniti namun tahap penglibatan dan tindakan yang sebenar masih rendah. Selain itu, wanita di kampung mempunyai potensi untuk menjalankan aktiviti ekonomi, namun tiada persatuan atau organisasi yang menghimpunkan mereka.

BIL.	ISU	PENERANGAN
		Keadaan ini menyebabkan mereka sukar mendapatkan maklumat, sokongan dan akses kepada sumber pembiayaan. Ramai tidak mengetahui saluran untuk mendapatkan modal perniagaan selain skim pembiayaan sedia ada seperti AIM.
4.	Kekangan pengurusan sisa pukal dan pembuangan sampah	Sistem pelupusan sisa sedia ada hanya sesuai untuk sisa domestik biasa, manakala sisa pukal seperti kayu, tilam dan barangan bersaiz besar tidak boleh dibuang ke dalam tong sampah awam. Akibat ketiadaan kaedah atau kemudahan pelupusan yang sesuai, sisa-sisa tersebut diletakkan di tepi tong sampah dan dibiarkan terkumpul.
5.	Peningkatan risiko demam denggi akibat persekitaran yang tidak kondusif	Berlaku peningkatan kes demam denggi dalam komuniti yang disebabkan oleh masalah kebersihan persekitaran selepas kejadian banjir. Longgokan sampah serta saliran yang tidak lancar menyebabkan air bertakung. Keadaan ini mewujudkan persekitaran yang sesuai untuk pembiakan nyamuk *Aedes*. Peserta turut berkongsi pengalaman ahli keluarga yang dijangkiti demam denggi selepas kejadian banjir, sedangkan sebelum ini tiada kes dilaporkan.

Jadual 12. Perincian Hasil Dapatan FGD 9

BIL.	ISU	PENERANGAN
FGD 9: Dialog Bersama Komuniti Kg Kalansanan **Tarikh:** 6 Mac 2026 **Bilangan peserta:** 21 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam empat kumpulan		
1.	Pendangkalan sungai dan limpahan air pasang menyebabkan banjir di kawasan penempatan	Kawasan kediaman penduduk sering dilanda banjir ketika air pasang kerana paras air sungai meningkat dan melimpah ke kawasan rumah. Antara punca utama ialah keadaan sungai yang semakin cetek akibat penambakan dan pembangunan di kawasan sekitar. Keadaan ini mengurangkan kapasiti sungai untuk menampung aliran air menyebabkan air tidak dapat mengalir dengan lancar lalu melimpah ke kawasan penempatan, terutama ketika air pasang.
2.	Peningkatan kes demam denggi akibat bencana banjir	Kawasan kampung mencatatkan peningkatan kes demam denggi yang dikaitkan dengan kejadian banjir. Apabila air banjir naik, sampah akan dihanyutkan dan terkumpul di kawasan penempatan. Keadaan ini mewujudkan persekitaran yang kotor serta berpotensi menyebabkan air bertakung, sekali gus menjadi habitat pembiakan nyamuk *Aedes*.
3.	Kekangan pengurusan sisa pepejal dan keselamatan jalan raya	Lokasi tong sampah yang menghalang jarak penglihatan pengguna jalan raya ketika keluar masuk simpang menimbulkan risiko keselamatan. Selain itu, tong sampah sering penuh kerana turut digunakan oleh penduduk dari kawasan berhampiran. Pembuangan sisa pukal seperti kayu dan bahan binaan turut menyebabkan kapasiti tong tidak mencukupi serta menjadikan kawasan sekitar tidak terurus. Pengumpulan sampah yang berterusan juga dikaitkan oleh penduduk dengan peningkatan risiko pembiakan nyamuk *Aedes* dan penularan demam denggi.
4.	Keterbatasan peranan KRT dalam	Peranan KRT di kawasan kampung masih belum berfungsi secara optimum sebagai platform pembangunan komuniti. Antara cabaran yang dikenal pasti ialah tahap komitmen ahli yang rendah, termasuk dari segi penyertaan dan sumbangan kewangan bagi menjayakan aktiviti KRT. Walaupun KRT

BIL.	ISU	PENERANGAN
	pembangunan komuniti	diwujudkan untuk memberi manfaat kepada komuniti melalui pelaksanaan aktiviti seperti sukan, gotong-royong dan program kemasyarakatan, pelaksanaannya masih kurang aktif dan belum dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh penduduk.
5.	Gangguan bunyi dan ketenteraman komuniti	Gangguan bunyi berpunca daripada penggunaan motosikal yang menggunakan ekzos tanpa penyenyap bunyi (*silencer*). Bunyi motosikal yang kuat, khususnya pada waktu malam, mengganggu ketenteraman penduduk dan menyebabkan gangguan terhadap waktu tidur. Keadaan ini berlaku secara berulang dan turut melibatkan beberapa buah motosikal pada satu-satu masa.
6.	Kebimbangan keselamatan akibat kehadiran individu luar komuniti	Penduduk meluahkan rasa kurang selesa terhadap kehadiran individu dari kawasan bersebelahan yang didakwa mengaitkan diri mereka dengan kampung tersebut walaupun bukan merupakan penduduk asal. Keadaan ini menyukarkan komuniti untuk mengenal pasti latar belakang individu yang berada di sekitar kawasan mereka, khususnya apabila berlaku kejadian kecurian atau isu keselamatan. Berbeza dengan penduduk tempatan yang lebih mudah dikenal pasti melalui hubungan kejiranan, kehadiran individu luar yang tidak diketahui tempat tinggal atau statusnya menyukarkan usaha pemantauan komuniti serta menimbulkan kebimbangan terhadap aspek keselamatan setempat.
7.	Gangguan bekalan elektrik yang tidak stabil	Penduduk mengalami gangguan bekalan elektrik secara berkala yang menyebabkan sebahagian kawasan terputus bekalan secara bergilir-gilir. Dalam keadaan tertentu, kerosakan pada sistem bekalan turut menyebabkan keseluruhan kampung mengalami kegelapan. Tempoh gangguan lazimnya berlangsung antara dua hingga tiga jam, namun dalam kes tertentu boleh berlanjutan sehingga enam jam.
8.	Sambungan air tidak sah akibat kekangan akses kepada bekalan air rasmi	Terdapat kejadian sambungan air secara tidak sah oleh sesetengah pihak yang belum mempunyai sambungan air berdaftar atau belum menyelesaikan proses pembayaran. Keadaan ini berlaku apabila individu yang belum mempunyai akses rasmi kepada bekalan air mengambil jalan alternatif dengan membuat sambungan sendiri tanpa kebenaran.

4.2 Pengutamaan Isu

4.2.1 Pengutamaan Isu 1: Bencana banjir

Bencana banjir merupakan antara cabaran alam sekitar dan kesejahteraan komuniti yang berulang di kawasan Parlimen Sepanggar, khususnya di kawasan penempatan seperti Kg Bantayan Inanam, Kg Unggun, Kg Kalansanan, Kg Cenderamata 2 Likas dan Kg Rampayan**.** Kejadian banjir bukan sahaja menjejaskan keselamatan penduduk, malah turut menyebabkan kerosakan harta benda, gangguan pergerakan serta menjejaskan aktiviti ekonomi dan kehidupan harian komuniti.

Berdasarkan hasil pemetaan isu di kawasan berkenaan, kejadian banjir dipengaruhi oleh beberapa faktor yang saling berkaitan, termasuk keadaan sistem perparitan yang tidak sistematik dan kurang diselenggara, aktiviti pendalaman sungai yang perlu dipertingkatkan, serta fenomena air pasang dan hujan lebat yang meningkatkan risiko limpahan air. Bahagian ini akan membincangkan tiga faktor utama yang menyumbang kepada kejadian banjir di kawasan Parlimen Sepanggar**,** dengan memberi tumpuan kepada aspek infrastruktur saliran, pengurusan sungai serta faktor cuaca dan pasang surut.

Infrastruktur perparitan yang tidak sistematik dan tidak memadai

Kejadian banjir di beberapa kawasan Parlimen Sepanggar berpunca daripada sistem perparitan yang tidak sistematik, berkapasiti rendah dan tidak diselenggara secara berkala. Di Kg Bantayan Inanam dan Kg Unggun, sistem perparitan sedia ada didapati tidak lagi sepadan dengan perubahan guna tanah dan peningkatan pembangunan di kawasan sekitar. Keadaan ini menunjukkan bahawa masalah banjir bukan semata-mata disebabkan oleh jumlah hujan yang tinggi, tetapi turut berkait rapat dengan kelemahan perancangan, penyelenggaraan dan keupayaan infrastruktur saliran dalam menampung aliran air semasa hujan lebat.

Di Kg Bantayan Inanam, masalah perparitan telah berlarutan selama beberapa tahun tanpa penyelesaian yang berkesan. Seorang peserta FGD menyatakan bahawa tiada lawatan atau tindakan susulan berkaitan masalah perparitan dalam tempoh kira-kira lima tahun, walaupun perkara tersebut telah dibawa kepada pihak berkaitan.

> *"itulah masalah perparitan. Sejak lima tahun ini tiada lawatan.. Kami panggil YB itu semua pigi tengok sampai sekarang tidak ada tindakan"*
>
> (Penduduk Kg Bantayan Inanam)

Keadaan ini mencerminkan kelemahan dari aspek pemantauan dan penyelenggaraan infrastruktur saliran, khususnya apabila aduan komuniti tidak diterjemahkan kepada tindakan pembaikan yang berterusan. Dalam konteks pengurusan banjir,

penyelenggaraan berkala amat penting bagi memastikan parit tidak tersumbat, aliran air tidak terhalang dan kapasiti saliran kekal berfungsi mengikut keperluan semasa.

Selain isu penyelenggaraan, pembangunan fizikal di sekitar Kg Bantayan Inanam turut dilihat mengubah laluan semula jadi air. Terdapat kawasan yang dahulunya merupakan laluan sungai atau parit besar tetapi telah ditambak dan dibangunkan, termasuk pembinaan jalan serta struktur *culvert* yang didakwa bersaiz kecil dan mudah tersumbat. Lebih membimbangkan, kerja penambakan tanah sehingga hampir ke sempadan lot serta pembinaan parit yang sempit turut menyukarkan kerja-kerja penyelenggaraan dan pengorekan menggunakan jentera. Melalui temu bual yang telah dijalankan:

> *"Di kilang ini ada satu kan dulu itu sungai sekarang dia pasang dia timbulkan buat jalan itu air langsung tidak boleh jalan di bawah. Salah satu masalah dia besar lah. Dulu itu parit besar, parit untuk pembuangan air kampung ikut sungai. Tapi bila dia buat kilang dia buat culvert, tersumbat bah. Sekarang air dia akan pigi tempat kami itu lah bertembung itu air semua banjir dalam lah"*
>
> (Penduduk Kg Bantayan Inanam)

> *"Itu kilang saya tidak tahu apa tapi welding pun ada. Kecil-kecil dia punya culvert untuk khas untuk piping bah. Bukan melimpah air, dia sumbat air balik. Jadi tiada tempat keluar. Tu culvert tidak dapat menampung air banyak jadi tu air stuck lah. Dia akan kembali ke atas lah. Jadi baru dia bertembung di tempat kami. Itu kilang sana kan dia awal bikin dia timbun dia punya tanah dia beli tanah dia timbun dia kasi sampai sempadan tanah dia. Bila yang sebelah lagi dia timbun dia kasi sampai sempadan dia lepas itu dia bikin rumah itu parit. Untuk maintenance itu hitachi ka apa tidak boleh limpas sebab telampau sempit jadi kalau maintenance pengorekan tidak boleh limpas, sempit"*
>
> (Penduduk Kg Bantayan Inanam)

Keadaan ini menyebabkan kapasiti sistem saliran sedia ada tidak lagi mencukupi untuk menampung peningkatan jumlah dan kelajuan aliran air, khususnya ketika hujan lebat. Masalah menjadi lebih ketara apabila *culvert* tersumbat atau mempunyai kapasiti yang terlalu kecil, menyebabkan aliran air menjadi terhad dan air mula bertakung sebelum melimpah ke kawasan kediaman. Jika keadaan ini berterusan, risiko kejadian banjir akan meningkat dan berpotensi menyebabkan kerosakan terhadap rumah serta harta benda, selain mengganggu pergerakan penduduk dan menjejaskan aktiviti ekonomi serta kehidupan harian komuniti.

Di Kg Unggun, masalah banjir kilat dilaporkan semakin ketara seiring dengan perkembangan pembangunan di sekitar kawasan kampung. Pembangunan baharu

seperti kawasan kedai dan projek infrastruktur termasuk *flyover* telah meningkatkan jumlah aliran air yang masuk ke sistem perparitan sedia ada. Sebahagian sistem perparitan tersebut dibina sebelum berlakunya perkembangan pembangunan berkenaan dan mempunyai kapasiti yang lebih kecil. Keadaan ini menyebabkan air dari kawasan pembangunan mengalir ke parit kampung yang tidak direka bentuk untuk menampung peningkatan jumlah aliran air. Ketika hujan lebat, kapasiti saliran yang terhad boleh menyebabkan air melimpah dan mengakibatkan banjir kilat dalam tempoh yang singkat, termasuk dalam masa sekitar satu jam. Melalui temu bual yang telah dijalankan:

> *"masalah sistem perparitan di kampung ini kalau kita tengok pembangunan dulu dengan sekarang pembangunan ini semakin pesat kalau di kawasan-kawasan dekat kampung di mana ada flyover dia pembangunan macam kedai-kedai tepi kampung. Jadi itu air bila ada hujan lebat mesti akan menjadi banjir kilat kawasan kampung. Ini kerana parit yang sebelum ini tidak dapat menampung. Kerna parit yang dibuat sebelum projek fly over atau pembanguan sebelum ini kan paritnya kecil jadi bila air itu turun dari Kawasan ini dia akan terus ke Kawasan parit yang ada di kampung. Kalau begitu dia Cuma satu jam pun akan menjadikan banjir kilat di kampung*"
>
> (Penduduk Kg Unggun)

Secara keseluruhannya, keadaan di kedua-dua kampung menunjukkan terdapat ketidakselarasan antara perkembangan pembangunan fizikal dengan kapasiti infrastruktur saliran sedia ada. Sistem perparitan yang pada asalnya sesuai dengan keadaan guna tanah ketika dibina mungkin tidak lagi mampu menampung peningkatan aliran air apabila kawasan sekitar mengalami pembangunan pesat. Sekiranya pembangunan baharu tidak disertai dengan penilaian terhadap kesan hidrologi serta kapasiti sistem saliran sedia ada, peningkatan aliran air berpotensi memberi beban tambahan kepada kawasan kampung yang lebih rendah dan terdedah kepada banjir. Keadaan ini menyebabkan komuniti setempat turut menanggung kesan daripada keterbatasan sistem saliran dan perancangan infrastruktur di kawasan sekitar.

Aktiviti pendangkalan sungai

Keadaan sungai yang semakin cetek dan tidak mempunyai kapasiti aliran yang mencukupi dikenal pasti sebagai salah satu faktor yang menyumbang kepada kejadian banjir di kawasan Parlimen Sepanggar. Di Kg Unggun dan Kg Kalansanan, proses pendangkalan sungai telah mengurangkan keupayaan sungai untuk menampung dan mengalirkan air, khususnya ketika hujan lebat dan fenomena air pasang. Keadaan ini menjadi lebih kritikal apabila perubahan fizikal di sekitar sungai, termasuk pembangunan dan penambakan tanah, berpotensi menyempitkan laluan air serta mengurangkan kapasiti sungai.

Di Kg Unggun, penduduk membangkitkan isu pendangkalan Sungai Unggun, khususnya di sekitar kawasan pembinaan jambatan UiTM hingga ke bahagian muara. Keadaan sungai yang semakin cetek dipercayai menyebabkan aliran air menjadi kurang lancar dan mengurangkan keupayaan sungai untuk mengalirkan air keluar dari kawasan kampung. Menurut perbandingan yang dibuat oleh komuniti setempat, kejadian banjir pada masa kini didapati lebih kerap berbanding ketika keadaan sungai masih lebih dalam. Perubahan keadaan fizikal sungai tersebut dilihat oleh penduduk sebagai antara faktor yang berkait dengan peningkatan risiko banjir di kawasan kampung. Melalui temu bual yang dijalankan:

> *"kadang-kadang bila JKKK bilang tadi banjir kan sebab bila air cetek air kita tidak berapa jalan. Sekarang ini pembinaan jambatan UiTM dari sana dia sudah cetek. Jadi sampai pergi luar ini di muara"*
>
> (Penduduk Kg Unggun)

> *"Sungai sekarang yang ada di kawasan ini adalah kawasan cetek..sungai unggun"*
>
> (Penduduk Kg Unggun)

Di Kg Kalansanan, sungai yang cetek berkait dengan pembangunan dan aktiviti penambakan tanah di kawasan sekitar sungai. Kewujudan penempatan baru serta aktiviti penimbusan tanah telah mengehadkan laluan aliran sungai dan menyebabkan air tidak dapat mengalir dengan lancar. Keadaan ini menyebabkan air melimpah ke kawasan penempatan penduduk. Masalah ini menjadi lebih ketara ketika air pasang dan apabila paras air sungai meningkat. Melalui temu bual yang telah dijalankan:

> *"Sebab sungai itu sudah cetek. Pasal ada penempatan di sana. Ada penimbusan yang melebihi bah di sana. Jadi air itu muntah ke sini. Jadi kalau air pasang, naik ke sini. Itu yang saya minta untuk membesarkan sungai dalamkan. Bila itu terjadi itu air gustan balik tempat kami yang jadi sasaran."*
>
> (Penduduk Kg Kalansanan)

Keadaan di Kg Kalansanan menunjukkan bahawa isu pendangkalan sungai perlu dilihat bersama aspek pengurusan guna tanah di sepanjang rizab dan koridor sungai. Apabila sungai semakin cetek, pembangunan atau aktiviti penambakan tanah yang dilakukan berhampiran laluan sungai boleh mengehadkan ruang aliran air dan mengurangkan kapasiti sungai untuk menampung lebihan aliran. Keadaan ini menjadi lebih kritikal ketika air pasang apabila paras air sungai meningkat dan kapasiti aliran yang terhad menyebabkan air lebih mudah melimpah ke kawasan daratan.

Secara keseluruhannya, maklum balas komuniti menunjukkan bahawa keadaan sungai yang semakin cetek merupakan antara isu yang perlu diberi perhatian dalam pengurusan risiko banjir di Parlimen Sepanggar. Aktiviti pembangunan, penambakan tanah dan perubahan fizikal di sekitar sungai berpotensi mempengaruhi kapasiti aliran sungai, manakala ketiadaan kerja pemulihan atau pendalaman di lokasi yang kritikal boleh menyebabkan masalah menjadi lebih ketara. Sehubungan itu, pengurusan sungai perlu dilaksanakan secara menyeluruh melalui penilaian tahap pendangkalan, kerja pengorekan atau pendalaman di lokasi yang bersesuaian, pemantauan kawasan muara serta kawalan terhadap aktiviti penambakan dan pembangunan yang berpotensi mengganggu laluan air. Pendekatan bersepadu ini penting bagi mengekalkan kapasiti sungai dan mengurangkan risiko limpahan air kepada kawasan penempatan.

Fenomena air pasang dan hujan lebat

Fenomena air pasang yang berlaku serentak dengan hujan lebat merupakan faktor semula jadi yang meningkatkan risiko dan keterukan banjir di beberapa kawasan Parlimen Sepanggar. Keadaan ini lebih ketara di kawasan penempatan yang berhampiran sungai, kawasan rendah dan kawasan yang mempunyai hubungan langsung dengan sistem saliran menuju ke laut. Apabila hujan lebat berlaku dalam tempoh yang sama dengan air pasang, aliran air dari kawasan daratan menjadi perlahan kerana paras air di sungai dan kawasan hilir meningkat. Keadaan tersebut menyebabkan air sukar dilepaskan dan seterusnya meningkatkan risiko limpahan ke kawasan kediaman.

Di Kg Kalansanan**,** penduduk yang tinggal di kawasan rendah berhadapan dengan risiko kemasukan air ketika fenomena air pasang. Paras air pasang sering meningkat sehingga menghampiri kawasan rumah, menyebabkan penduduk menghadapi kesukaran untuk menghalang air daripada memasuki kediaman. Melalui temu bual yang dijalankan:

> *"Sama seperti teman-teman, air pasang, naik. Saya tinggal di bawah, selalu air pasang dia naik. bagaimana cara dia supaya banjir tidak masuk, pergi ke rumah. Susah kalau musim banjir naik, susah."*
>
> (Penduduk Kg Kalansanan)

Keadaan ini menunjukkan bahawa kedudukan topografi penempatan turut memainkan peranan penting dalam menentukan tahap kerentanan komuniti. Penduduk yang tinggal di kawasan rendah mempunyai risiko yang lebih tinggi apabila berlaku peningkatan paras air, khususnya apabila sistem sungai dan perparitan tidak dapat mengalirkan air keluar dengan pantas.

Situasi yang lebih kritikal di Kg Cenderamata 2 Likas apabila air pasang berlaku serentak dengan hujan lebat. Pertembungan kedua-dua fenomena ini menyebabkan paras air meningkat sehingga melimpah ke kawasan rumah. Keadaan ini menunjukkan bahawa risiko banjir tidak semata-mata bergantung kepada jarak rumah dengan sungai, tetapi turut dipengaruhi oleh kombinasi faktor cuaca, pasang surut dan keupayaan sistem saliran kawasan tersebut. Melalui temu bual yang dijalankan:

> *"Kalau bincang alam itu pula, kalau bertembung air pasang dan hujan, banjir lah sampai lebih di situ air itu. Tapi di sana, di depan rumah sana, rumah ini masuk. Rumah yang pun kecil masuk."*
>
> (Penduduk Kg Cenderamata 2 Likas)

Di Kg Rampayan**,** bencana banjir berlaku secara berulang dan memberikan kesan langsung terhadap harta benda penduduk. Banjir yang berlaku menyebabkan peralatan dapur dan barangan rumah rosak. Keadaan ini menggambarkan bahawa banjir bukan sekadar gangguan sementara kepada penduduk, tetapi turut membawa kerugian ekonomi kepada isi rumah**,** khususnya apabila barangan keperluan harian dan peralatan rumah perlu diganti selepas setiap kejadian banjir. Melalui temu bual yang dijalankan:

> *"Masalah di Kampung Rumpayan ini selalu terlibat banjir. Jadi apabila melibatkan banjir, bayangkan semua peralatan dapur rosak."*
>
> (Penduduk Kg Rampayan)

Keadaan ini ditambah apabila hujan berterusan selama dua hingga tiga jam menyebabkan kawasan kampung boleh mengalami banjir yang serius. Tempoh hujan yang panjang menyebabkan jumlah air yang terkumpul semakin meningkat, sementara sistem saliran yang terhad memerlukan masa yang lebih lama untuk mengalirkan air. Melalui temu bual yang dijalankan:

> *"Kalau sudah hujan dua, tiga jam seberang itu banjir, betul-betul banjir di sini. Ini yang paling susah, sini. Sini paling susah."*
>
> (Penduduk Kg Rampayan)

Secara keseluruhannya, bencana banjir di Kg Kalansanan, Kg Cenderamata 2 Likas dan Kg Rampayan menunjukkan bahawa air pasang dan hujan lebat merupakan faktor yang saling memperkuatkan risiko banjir, khususnya apabila berlaku serentak. Hujan lebat meningkatkan jumlah air yang perlu dialirkan, manakala air pasang mengehadkan keupayaan air untuk keluar melalui sungai dan sistem saliran. Kesannya, air bertakung lebih lama, melimpah ke kawasan kediaman dan menyebabkan kerosakan harta benda serta gangguan terhadap kehidupan penduduk.

Oleh itu, pengurusan risiko banjir di Parlimen Sepanggar perlu mengambil kira faktor pasang surut dan corak hujan secara serentak, termasuk melalui sistem amaran awal, pemantauan paras air, perancangan saliran yang responsif terhadap fenomena pasang surut serta langkah perlindungan khusus bagi komuniti yang tinggal di kawasan rendah dan berisiko.

Jadual 13. Ringkasan Isu 1

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Infrastruktur perparitan yang tidak sistematik dan tidak memadai 2. Aktiviti pendangkalan sungai 3. Fenomena air pasang dan hujan lebat
Cadangan	1. **Jangka Pendek:** Melaksanakan penyelenggaraan dan pembersihan parit, *culvert* serta sungai secara berkala, di samping meningkatkan pemantauan paras air dan sistem amaran awal ketika hujan lebat dan air pasang. 2. **Jangka Sederhana:** Menaik taraf kapasiti sistem perparitan dan *culvert* serta menjalankan kerja pendalaman sungai di kawasan yang dikenal pasti kritikal bagi melancarkan aliran air. 3. **Jangka Panjang:** Mewujudkan pelan pengurusan banjir bersepadu yang mengawal pembangunan, melindungi laluan air semula jadi dan menyediakan infrastruktur tebatan banjir yang lebih berdaya tahan.
Kumpulan Terjejas	Penduduk di kawasan parlimen Sepanggar
Kawasan	Kg Kalansanan, Kg Cenderamata 2 Likas, Kg Rampayan
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	**Sasaran SDG Berkaitan**
SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan	Sasaran 11.3 – Meningkatkan perancangan penempatan yang inklusif dan mampan. Sasaran 11.5 – Mengurangkan jumlah penduduk terjejas dan kerugian ekonomi akibat bencana termasuk banjir.

SDG 13: Tindakan Memerangi Iklim	Sasaran 13.1 – Memperkukuh daya tahan dan keupayaan adaptasi terhadap bahaya berkaitan iklim dan bencana alam. Sasaran 13.3 – Meningkatkan pendidikan, kesedaran dan kapasiti berkaitan adaptasi, pengurangan impak dan amaran awal.

4.2.2 Pengutamaan Isu 2: Ketiadaan pengurusan sisa yang sistematik

Ketiadaan pengurusan sisa yang sistematik merupakan antara isu utama yang dihadapi oleh komuniti di Kg Ruminding, Kg Rampayan dan Kg Kalansanan, Kg Pulau Sepanggar dan Kg Unggun. Pengurusan sisa di kawasan kampung ini masih banyak bergantung kepada inisiatif individu dan komuniti, tanpa sistem kutipan, pelupusan dan pengasingan sisa yang konsisten.

Di Kg Ruminding, penduduk menguruskan sampah secara sendiri, termasuk membakar sampah tertentu dan membawa bahan seperti botol serta tin ke Tamparuli untuk dilupuskan atau dijual. Melalui temu bual yang dijalankan:

> *"kena bakar lah orang kampung membakar-bakar sendiri ja lah kalau yang macam tin-tin yang botol-botol kan bawa pergi Tamparuli dulu baru buang. Bukan buang lah kalau yang macam botol-botol tin-tin lah tapi kalau yang tin aluminium jual lah"*
>
> (Penduduk Kg Ruminding)

Keadaan ini menunjukkan ketiadaan perkhidmatan kutipan sisa yang menyeluruh menyebabkan komuniti mengambil pendekatan alternatif yang tidak mesra alam. Sikap sebahagian masyarakat yang membuang sampah secara tidak bertanggungjawab juga turut menyumbang kepada masalah tersebut.

Ketika air pasang, sampah yang berada di kawasan sekitar turut dihanyutkan keluar. Ini menunjukkan bahawa isu pengurusan sisa mempunyai kaitan dengan keadaan persekitaran dan risiko pencemaran kawasan pesisir. Melalui temu bual yang dijalankan:

> *"di sini ni kalau air pasang memang hanyut keluar semua. Kita tidak boleh cakap dia buang semua kita tidak boleh. Sebab kita sendiri yang ada pikiran kalau kau macam tiada pikiran buang saja sana begitu"*
>
> (Penduduk Kg Pulau Sepanggar)

Di Kg Rampayan, isu utama berkaitan dengan kapasiti dan skop tong sampah yang terhad. Barangan bersaiz besar seperti kayu dan tilam tidak sesuai dibuang ke dalam tong sampah biasa. Ketiadaan mekanisme khusus untuk menguruskan sisa pukal ini

menyebabkan barangan tersebut akhirnya diletakkan atau dilonggokkan di sekitar kawasan rumah sampah. Keadaan ini bukan sahaja menjejaskan kebersihan dan estetika kampung, malah berpotensi menjadi tempat pembiakan serangga dan menimbulkan risiko kesihatan kepada komuniti. Melalui temu bual yang dijalankan:

> *"Tapi saya rasa sampah-sampah ini bukan semua boleh dibuang dalam tong sampah.Kayu tidak boleh. Benda-benda besar tidak boleh. Masalahnya, ia berlumbung di sisi tong sampah."*
>
> (Penduduk Kg Rampayan)

> *"Masalahnya, kita tidak boleh buang tilam di atas tong sampah. Sekarang ada beberapa tilam di sana."*
>
> (Penduduk Kg Rampayan)

Di Kg Kalansanan, penduduk menghadapi masalah tong sampah yang cepat penuh kerana penggunaannya bukan sahaja melibatkan penduduk setempat, tetapi turut menerima pembuangan sisa dari kawasan sekitar. Jenis sisa yang dibuang juga merangkumi bahan pukal seperti kayu dan barangan lain yang sepatutnya mempunyai kaedah pelupusan berbeza. Selain itu, penempatan tong sampah di lokasi tertentu turut mengganggu pandangan dan pergerakan keluar masuk penduduk. Pengurusan sampah yang tidak berkesan ini membawa peningkatan risiko penyakit seperti demam denggi. Melalui temu bual yang dijalankan:

> *"Sampah lagi isu sampah Sampah di luar, macam mana kita apa pasal itu kadang-kadang masalah daripada DBKK sendiri yang meletak tong sampah dia menghalang pengelihatan orang mau keluar masuk-keluar masuk simbang kami itu isu besar"*
>
> (Penduduk Kg Kalansanan

> *"rumah-rumah sampah yang di depan lah dia cepat penuh sebab bukan satu kampung yang buang semua bukan lagi orang sini batu pun di maju kan batu pun di buang semua bila dia buang duit, bila dia buang semua sasa, kayu, semua itu masalah dia"*
>
> (Penduduk Kg Kalansanan)

> "*Masalah sampah dapat diselesaikan lah bagaimana cara dia supaya kurang sikit lah biarpun tidak terlampau tinggi kalau dia naik kan jadi dia sederhana aja naik supaya kurang sikit itu wabak dengi lah sampah tidak ada jadi penyakit dengi itu ada kurang-kurang sikit lah"*
>
> (Penduduk Kg Kalansanan)

Secara keseluruhannya, masalah pengurusan sisa pepejal di ketiga-tiga kampung bukan semata-mata berpunca daripada sikap penduduk. Masalah ini turut berkait dengan faktor struktural seperti keterbatasan perkhidmatan kutipan, kekurangan kemudahan pelupusan, pengurusan sisa pukal yang tidak jelas, kapasiti tong sampah yang terhad serta koordinasi antara pihak berkaitan. Kebergantungan sesetengah penduduk kepada kaedah pembakaran, pelupusan sendiri dan pembuangan sisa di sekitar kawasan tong menunjukkan terdapat jurang antara keperluan komuniti dengan sistem pengurusan sisa yang tersedia.

Pada masa yang sama, aspek tingkah laku dan kesedaran komuniti turut perlu diberi perhatian kerana masih terdapat penduduk yang membuang sisa secara tidak terkawal. Penyelesaian terhadap isu ini tidak boleh hanya tertumpu kepada penambahan bilangan tong sampah, sebaliknya perlu disokong oleh sistem kutipan yang lebih konsisten, kemudahan pelupusan sisa pukal, pengasingan sisa dan aktiviti kitar semula, pendidikan komuniti serta pemantauan secara bersama dengan pihak berkuasa tempatan.

Keadaan ini menunjukkan keperluan untuk mewujudkan sistem pengurusan sisa pepejal yang lebih tersusun, inklusif dan bersesuaian dengan konteks komuniti setempat. Pendekatan tersebut amat penting bagi kawasan yang mempunyai kekangan akses serta terdedah kepada faktor persekitaran seperti air pasang, yang boleh memburukkan kesan daripada pengurusan sisa yang tidak teratur.

Jadual 14. Ringkasan Isu 2

Permasalahan berkaitan dengan Isu	Ketiadaan pengurusan sisa yang sistematik
Cadangan	1. **Jangka pendek:** Tingkatkan kutipan sampah berkala, tambah tong sampah di lokasi sesuai dan laksanakan gotong-royong komuniti. 2. **Jangka sederhana:** Wujudkan kutipan khas untuk sisa pukal seperti tilam dan kayu serta galakkan pengasingan dan kitar semula. 3. **Jangka panjang:** Bangunkan sistem pengurusan sisa komuniti yang bersepadu melalui jadual kutipan tetap, kitar semula dan pemantauan bersama pihak berkuasa tempatan.
Kumpulan Terjejas	Penduduk rumah atas air, penduduk di luar perkadaran

Kawasan	Kg Bantayan Inanam, Kg Ruminding, Kg. Rampayan
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	**Sasaran SDG Berkaitan**
SDG 3: Kesihatan Baik dan Kesejahteraan	Sasaran 3.9: Mengurangkan penyakit dan kematian akibat pencemaran serta pencemaran udara, air dan tanah.
SDG 6: Air Bersih dan Sanitasi	Sasaran 6.3: Meningkatkan kualiti air dengan mengurangkan pencemaran dan pembuangan sisa.
SDG 11: Bandar dan Komuniti yang Selamat, Tahan Lasak dan Mampan	Sasaran 11.6: Mengurangkan kesan alam sekitar bandar melalui pengurusan sisa pepejal yang lebih baik.
SDG 12: Penggunaan dan Pengeluaran yang Bertanggungjawab	Sasaran 12.5: Mengurangkan penjanaan sisa melalui pencegahan, pengurangan, kitar semula dan guna semula.

4.2.3 Pengutamaan Isu 3: Cabaran ekonomi dan keusahawanan komuniti pinggir bandar

Cabaran ekonomi dan keusahawanan komuniti pinggir bandar merupakan antara isu yang memberi kesan terhadap kesejahteraan sosioekonomi masyarakat di kawasan Parlimen Sepanggar. Kedudukan Sepanggar yang merangkumi kawasan pesisir, penempatan pinggir bandar dan komuniti yang bergantung kepada aktiviti ekonomi tidak formal menjadikan sebahagian penduduk berhadapan dengan keterbatasan peluang pekerjaan serta sumber pendapatan yang stabil. Keadaan ini turut memberi kesan kepada golongan nelayan dan penduduk yang bergantung kepada aktiviti ekonomi berskala kecil untuk kelangsungan hidup.

Sehubungan itu, bahagian ini akan membincangkan dua subtopik utama, iaitu keterbatasan sumber pendapatan bagi nelayan dan isu pengangguran dalam kalangan masyarakat pinggir bandar**,** yang mencerminkan cabaran ekonomi dan keusahawanan yang dihadapi oleh komuniti di kawasan Parlimen Sepanggar.

Keterbatasan sumber pendapatan dalam sektor pertanian dan perikanan

Sektor pertanian dan perikanan merupakan antara sumber pendapatan utama bagi penduduk di beberapa kampung yang terlibat dalam pemetaan komuniti. Namun, kebergantungan kepada sektor ini tidak disokong oleh akses infrastruktur, kemudahan pengangkutan, perlindungan hasil pertanian serta keadaan persekitaran yang kondusif. Kekangan ini bukan sahaja meningkatkan kos dan beban pengeluaran, malah mengehadkan keupayaan komuniti untuk memasarkan hasil dan mengekalkan sumber pendapatan secara berterusan.

Di Kg Talungan, keterbatasan pendapatan daripada aktiviti pertanian berkait rapat dengan masalah akses ke kawasan pertanian dan pengangkutan hasil. Penduduk perlu menyeberangi sungai dan memikul hasil pertanian secara manual sehingga ke lokasi yang boleh diakses oleh kenderaan sebelum hasil tersebut dapat dikumpulkan dan dibawa keluar. Melalui temu bual yang dijalankan:

> *"untuk orang kampung bawa hasil, kita susah semua perlu seberang sungai. Tapi kalau sekarang mereka hantar pakai...kita paksa pikul. Pikul pergi tempat yang ada kenderaan. Barulah mereka kumpul di situ dulu barulah kereta kenderaan itu angkat lah"*
>
> (Penduduk Kg Talungan)

> *"mereka mengalami kesukaran untuk membawa asli pertanian. Mereka terpaksa gunakan tenaga lebih. Mereka terpaksa gunakan babo (mengangkat)"*
>
> (Penduduk Kg Talungan)

> *"jadi penduduk kampung menghadapi masalah untuk akses ke tanah pertanian. Jadi yang menjadi keperluan kami di sini adalah tanah pertanian jalan raya yang membolehkan kami akses ke kawasan-kawasan pertanian"*
>
> (Penduduk Kg Talungan)

Keadaan ini menunjukkan bahawa kekurangan akses jalan raya bukan sekadar isu mobiliti, tetapi turut menjadi faktor yang meningkatkan beban fizikal dan kos tidak langsung kepada pengusaha pertanian. Kekangan ini berpotensi mengehadkan jumlah hasil yang boleh dibawa keluar dan seterusnya menjejaskan kecekapan pemasaran serta pendapatan isi rumah.

Di Kg Lawa Mondou, pergantungan komuniti terhadap sektor pertanian adalah lebih ketara apabila kira-kira 90 peratus penduduk bergantung kepada aktiviti berkebun dan menoreh getah sebagai sumber pendapatan. Melalui temu bual yang telah dijalankan:

> *"di sini lebih kurang 90% bergantung harap kepada berkebun dan menorah getah. Pertanian"*
>
> (Penduduk Kg Lawa Mondou)

Namun, kebergantungan yang tinggi ini turut terdedah kepada beberapa risiko. Bagi aktiviti penanaman padi bukit yang pernah dijalankan oleh penduduk, gangguan haiwan seperti tikus dan burung menjadi antara cabaran yang menjejaskan hasil pertanian. Pada masa yang sama, komuniti turut berdepan isu kecurian hasil kebun dan torehan getah serta kos penyelenggaraan kebun. Melalui temu bual yang dijalankan:

> *"walaupun di kampung lawa mondou ini tiada padi sawah tapi sebelum ini ada juga penduduk menanam padi bukit jadi keluhan mereka atau pun cabaran mereka dari segi gangguan-gangguan daripada haiwan-haiwan yang seperti tikus dan burung-burung"*
>
> (Penduduk Kg Lawa Mondou)

> *"hasil torehan kita lagi. Kes sosial maksudnya ada kecurian. Yes kecurian itulah cabaran komuniti kampung ini dari segi kebun pun ada mencuri dan juga kos-kos maintenance"*
>
> (Penduduk Kg Lawa Mondou)

Keadaan ini menggambarkan bahawa pendapatan daripada pertanian bukan sahaja dipengaruhi oleh produktiviti tanaman, tetapi turut terdedah kepada kehilangan hasil, kos operasi dan faktor luaran yang sukar dikawal oleh petani.

Di Kg Rampayan, keterbatasan sumber pendapatan dapat dilihat melalui kebergantungan penduduk kepada aktiviti perikanan sebagai sumber mata pencarian harian. Nelayan bergantung kepada hasil tangkapan untuk menyara kehidupan, sebagaimana digambarkan melalui konsep "kais pagi makan pagi, kais petang makan". Namun, keadaan sungai yang cetek telah menyebabkan sebahagian nelayan tidak dapat turun ke laut selama beberapa bulan. Penduduk turut mengemukakan keperluan supaya sungai dikorek bagi memulihkan akses nelayan ke kawasan perairan. Melalui temu bual yang telah dijalankan:

> "*Kami sebagai ahli nelayan lah mohon jasa baik pihak yang berkenaan untuk menyelesaikan lah apa yang telah kita nampak sungai itu. untuk dikorek cepatlah.*"
>
> (Penduduk Kg Rampayan)

> *"Itulah mata pencarian orang nelayan yang kais pagi makan pagi kais petang makan. Jadi untuk makluman juga kepada pihak yang berkaitan, beberapa bulan sudah ahli nelayan tidak dapat pergi laut kerana tempat cetek."*
>
> (Penduduk Kg Rampayan)

Situasi ini menunjukkan bahawa gangguan terhadap akses fizikal ke kawasan perikanan boleh memberi kesan secara langsung kepada pendapatan harian komuniti, khususnya bagi isi rumah yang tidak mempunyai sumber pendapatan alternatif.

Secara keseluruhannya, dapatan di ketiga-tiga kampung menunjukkan bahawa keterbatasan pendapatan dalam sektor pertanian dan perikanan bukan hanya dipengaruhi oleh keupayaan pengeluaran komuniti, tetapi turut berkait dengan beberapa faktor lain seperti keterbatasan infrastruktur asas, akses ke kawasan pengeluaran, kos pengangkutan dan penyelenggaraan, kehilangan hasil akibat kecurian serta gangguan haiwan, dan kekangan untuk mengakses kawasan perikanan. Kebergantungan yang tinggi kepada sektor primer tanpa sokongan infrastruktur dan mekanisme perlindungan hasil yang mencukupi menyebabkan pendapatan komuniti menjadi lebih tidak menentu dan terdedah kepada pelbagai risiko.

Sehubungan itu, isu ini perlu ditangani secara menyeluruh dengan memperkukuh akses fizikal ke kawasan pertanian dan perikanan, mengurangkan beban logistik dalam pengangkutan hasil, meningkatkan perlindungan terhadap hasil pertanian serta memperluas peluang kepada sumber pendapatan alternatif. Pendekatan ini dapat membantu mengurangkan kebergantungan komuniti kepada satu-satu aktiviti ekonomi dan mewujudkan sumber pendapatan yang lebih stabil serta berdaya tahan. Dengan sokongan infrastruktur dan peluang ekonomi yang bersesuaian, aktiviti pertanian dan perikanan berpotensi diperkukuh bukan sahaja sebagai sumber sara hidup, tetapi juga sebagai sumber pendapatan yang lebih mampan kepada komuniti.

Pengangguran pinggir bandar

Pengangguran dalam komuniti pinggir bandar, khususnya di Kg Cenderamata 2, Likas, memperlihatkan wujudnya ketidaksepadanan antara peluang pekerjaan yang tersedia dengan keupayaan sebahagian penduduk untuk kembali memasuki pasaran buruh. Walaupun kawasan ini berada dalam lingkungan bandar, faktor usia dan pengalaman terputus daripada pasaran pekerjaan menjadi antara kekangan utama yang mempengaruhi kebolehpasaran penduduk.

Golongan pekerja yang lebih berusia, khususnya mereka yang menghampiri usia 40 tahun, menghadapi kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan berbanding golongan muda. Keadaan ini menjadi lebih ketara selepas tempoh Perintah Kawalan Pergerakan

(PKP), apabila sebahagian penduduk terpaksa berhenti daripada pekerjaan. Apabila peluang pekerjaan kembali tersedia, golongan muda dilihat lebih diutamakan oleh majikan, menyebabkan individu yang lebih berusia sukar untuk kembali ke pasaran pekerjaan. Melalui temu bual yang telah dijalankan:

> "*Soal pekerjaan, ada rumit sikitlah. Kalau pekerjaan ini lebih kepada yang muda. Kalau yang berusia ini, Sukar dapatkan pekerjaan. Sebab gara-garan PKP kan kami terbehenti jadi bila berhenti tu bila mau masuk balik golongan muda lebih diutamakan lah..kalau yang mau dekat 40 sudah ni kan susah sudah mau dapat kerja*"
>
> (Penduduk Kg Cemderamata 2 Likas)

Keadaan ini menunjukkan bahawa kesan kehilangan pekerjaan akibat gangguan ekonomi bukan semestinya berakhir apabila aktiviti ekonomi kembali pulih. Sebaliknya, sebahagian pekerja yang telah terkeluar daripada pasaran buruh terus berdepan halangan untuk mendapatkan pekerjaan semula. Keadaan tersebut berpotensi mewujudkan pengangguran berpanjangan dalam kalangan golongan pertengahan umur, khususnya apabila peluang pekerjaan lebih cenderung memihak kepada tenaga kerja yang lebih muda.

Dari sudut yang lebih kritikal, isu ini bukan sekadar berkaitan kekurangan peluang pekerjaan, tetapi turut melibatkan akses yang tidak seimbang kepada peluang pekerjaan berdasarkan faktor usia. Keadaan ini boleh menjejaskan kestabilan pendapatan isi rumah dan meningkatkan kerentanan ekonomi golongan yang sukar kembali bekerja. Oleh itu, intervensi bagi menangani pengangguran pinggir bandar perlu mengambil kira keperluan pekerja pertengahan umur melalui peningkatan kemahiran, latihan semula dan padanan pekerjaan yang bersesuaian dengan pengalaman serta keupayaan mereka.

Secara keseluruhannya, dapatan di Kg Cenderamata 2 menunjukkan bahawa pemulihan ekonomi selepas PKP belum semestinya memberikan manfaat yang sama kepada semua kumpulan tenaga kerja. Golongan yang lebih berusia memerlukan sokongan khusus untuk kembali ke pasaran pekerjaan agar mereka tidak terus terpinggir daripada peluang ekonomi yang tersedia di kawasan pinggir bandar.

Jadual 15. Ringkasan Isu 3

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Keterbatasan sumber pendapatan dalam sektor pertanian dan perikanan 2. Pengangguran pinggir bandar
Cadangan	1. **Jangka pendek:** Program padanan pekerjaan dan latihan kemahiran untuk golongan pertengahan umur. 2. **Jangka sederhana:** Perluasan latihan semula dan sokongan keusahawanan. 3. **Jangka panjang:** Mewujudkan peluang pekerjaan inklusif melalui kerjasama kerajaan dan majikan.
Kumpulan Terjejas	Petani, nelayan, ketua isi rumah, penduduk pinggir bandar
Kawasan	Kg Cenderamata 2 Likas
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	**Sasaran SDG Berkaitan**
SDG 8 Pekerjaan Layak dan Pertumbuhan Ekonomi	Sasaran 8.5: Mencapai pekerjaan penuh dan produktif serta pekerjaan yang layak untuk semua, termasuk golongan berusia. Sasaran 8.6: Mengurangkan kadar belia yang tidak bekerja, tidak belajar atau mengikuti latihan.
SDG 10 Mengurangkan Ketidaksamaan	Sasaran 10.2: Menggalakkan keterangkuman sosial dan ekonomi semua golongan tanpa mengira usia.

5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN

Terdapat tiga (3) projek utama telah dikenalpasti bagi Parlimen Sepanggar bagi menyelesaikan beberapa isu yang berbangkit.

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
Tajuk Projek	Program Pemerkasaan Belia, Kerjaya, Digital & Ekonomi Komuniti Sepanggar 2026	Program Cinta Kampung Budaya Kita, Kampung Bersih, Masyarakat Sihat	Sistem Air Bersih Komuniti Bersepadu
SDG Berkaitan	SDG 1, 4, 8, 9, 10	SDG 3, 11, 12	SDG 1, 3, 6 dan 11
Objektif	• Meningkatkan kemahiran dan kapasiti belia, graduan, ibu tunggal dan komuniti B40 melalui latihan praktikal model 7 Teras Pemerkasaan Ekonomi Komuniti (KHAIZ). • Meningkatkan kebolehpasaran peserta melalui kemahiran pentadbiran, kewangan, operasi, jualan, pemasaran digital dan teknologi. • Membuka peluang pekerjaan dan menjana pendapatan dengan membimbing peserta ke arah pekerjaan formal, ekonomi gig (*freelance*) atau perniagaan mikro.	• Meningkatkan kesedaran dan amalan kebersihan dalam kalangan penduduk. • Mengurangkan pencemaran dan masalah sampah di Kampung Kalansanan. • Menggalakkan kitar semula dan penghasilan produk daripada bahan terbuang. • Mewujudkan pengurusan sampah komuniti yang berterusan. • Meningkatkan kesihatan, kesejahteraan dan kerjasama komuniti.	• Menyediakan akses kepada bekalan air bersih dan selamat kepada penduduk Kampung Pulau Sepanggar. • Mengurangkan kebergantungan penduduk kepada air mineral dan sumber air tidak dirawat, sekali gus mengurangkan beban kos isi rumah. • Meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan penduduk melalui penggunaan air yang lebih bersih dan berkualiti. • Mewujudkan sistem pengurusan air berasaskan komuniti melalui penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Air Kampung.

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
	• Mewujudkan ekosistem digital komuniti melalui pembangunan Portal Khas Digital Komuniti Sepanggar sebagai direktori bakat dan perkhidmatan komuniti. • Memastikan kelestarian pendapatan peserta melalui bimbingan, mentoring dan pemantauan selama 6 bulan selepas tamat latihan		• Memastikan kelestarian sistem bekalan air melalui latihan, penyelenggaraan berkala dan tabung penyelenggaraan komuniti.
Hasil Jangkaan	• 10 peserta berjaya menamatkan latihan dan menguasai 7 Teras Pemerkasaan Ekonomi Komuniti (KHAIZ). • 10 peserta mempunyai portfolio kemahiran, resume digital serta saluran komunikasi profesional seperti *WhatsApp Business* dan media sosial. • Sekurang-kurangnya 6 peserta mula menjana pendapatan melalui perniagaan komuniti atau ekonomi gig (*freelance*).	• Kawasan Kampung Kalansanan lebih bersih, ceria dan selesa. • 150 penduduk terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan dan kebersihan. • Peningkatan kesedaran dan amalan pengurusan sampah serta kitar semula. • Penubuhan Jawatankuasa pengurusan sampah di peringkat kampung. • Penghasilan produk bernilai tambah daripada bahan kitar semula.	• Sistem bekalan air bersih komuniti berjaya dibangunkan dengan kapasiti sehingga 5,000 liter air bersih untuk kegunaan harian. • Sekurang-kurangnya 90% penduduk (72 buah rumah) mendapat akses kepada bekalan air yang lebih selamat dan berkualiti. • Bekalan air dapat digunakan sehingga 12 jam sehari. • Pengurangan kebergantungan kepada pembelian air mineral

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
	• Sekurang-kurangnya 3 peserta B40 mencapai pendapatan tambahan yang stabil, dengan sasaran melebihi RM300 sebulan. • Terhasil Portal Khas Digital Komuniti Sepanggar sebagai direktori bakat dan perkhidmatan mikro komuniti. • Penghasilan 10 siri dokumentasi kisah transformasi peserta sebagai bukti impak projek. • Peserta mendapat pemantauan, mentoring dan sokongan selama 6 bulan selepas tamat latihan bagi memastikan kelestarian hasil projek	• Pengurangan pencemaran dan risiko pembiakan nyamuk Aedes. • Terbentuk budaya kebersihan dan kerjasama komuniti yang berterusan	dan sumber air yang tidak dirawat. • Pengurangan kos sara hidup penduduk berkaitan keperluan mendapatkan air bersih. • Bekalan air menjadi lebih stabil semasa musim kemarau atau gangguan cuaca. • Jawatankuasa Pengurusan Air Kampung ditubuhkan dan mempunyai kemahiran untuk mengurus serta menyelenggara sistem secara berkala.
Organisasi	Khaiz Empire	JKKK Kampung Kalansanan	Pertubuhan Ikhwan Sabah
Aktiviti	• Pembangunan Diri & Disiplin Kendiri serta Profiling Peserta • Pentadbiran & Admin serta Sistem Pengurusan Kerjaya • Pengurusan Kewangan & Simpanan Mikro • Operasi & Produktiviti Digital Komuniti	• Kempen kesedaran pengurusan sampah dan kebersihan • Pemasangan perangkap sampah di kawasan kritikal • Gotong-royong membersihkan kawasan kampung	• Penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Air Kampung serta pembahagian tugas. • Lawatan teknikal untuk mengenal pasti sumber air, laluan paip dan lokasi tangki. • Perolehan bahan dan peralatan sistem bekalan air.

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
	• Penyediaan Bahan Visual Operasi Komuniti • Jualan & Khidmat Pelanggan Profesional • Pemasaran & Digital Komuniti • Penulisan Iklan & Pengurusan Aplikasi Komunikasi • Cabaran Pasaran & *First Income Challenge* – mendapatkan tugasan *freelance*, pekerjaan gig atau jualan pertama. • Kerjaya, Peluang Pendapatan & Pendedahan Agensi – termasuk pendedahan kepada MYFutureJobs, TVET/JPK, TEKUN, INSKEN, MDEC dan SME Corp. • *Showcase* Komuniti "Misi Kerjaya & Pendapatan Sepanggar" & Penilaian Akhir.	• Kempen sifar sampah, pengasingan sampah dan kompos • Kempen kesedaran bersama kanak-kanak dan belia • Kursus kemahiran kitar semula • Penghasilan produk daripada bahan kitar semula • Penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Sampah • Penilaian impak projek • Pameran produk dan pencapaian projek sebagai aktiviti penutupan.	• Penyediaan tapak dan pembinaan struktur asas sistem bekalan air. • Pemasangan tangki, sistem penapisan dan rangkaian paip utama. • Penyambungan paip ke rumah penduduk dan kawasan komuniti. • Ujian fungsi, pemeriksaan kebocoran dan kualiti air. • Latihan operasi dan penyelenggaraan kepada jawatankuasa komuniti. • Program kesedaran penggunaan air secara berhemah dan kebersihan. • Pemantauan prestasi sistem serta pengumpulan maklum balas penduduk. • Penilaian akhir dan penyerahan sistem kepada Jawatankuasa Pengurusan Air Kampung.
Jumlah (RM)	RM40,000	RM40,000	RM40,000

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
Lokasi	Alam Mesra, Sepanggar, Kota Kinabalu	Kg. Kalansanan, Sepanggar	Kg. Pulau Sepanggar, Karambunai Sepanggar
Tempoh	4 bulan fasa aktif + 6 bulan fasa pemantauan	4 bulan fasa aktif + 6 bulan fasa pemantauan	4 bulan fasa aktif + 6 bulan fasa pemantauan

6.0 RUJUKAN

Jabatan Perangkaan Malaysia. P.171 Sepanggar. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). P.171 Sepanggar: Kawasanku. OpenDOSM. Last updated October 31, 2025. Accessed June 20, 2026. https://open.dosm.gov.my/dashboard/kawasanku/Sabah/parlimen/P.171%20Sepanggar.

K.K.I.P. Sdn. Bhd. “Industrial Park.” KKIP. Accessed June 20, 2026. https://kkip.com.my/industrial.

Ministry of Finance Malaysia. “Expansion of Sepanggar Bay Container Port Set to Generate Nine ICP Initiatives.” Press Citations, March 4, 2022. Accessed June 20, 2026. https://www.mof.gov.my/portal/en/news/press-citations/expansion-of-sepanggar-bay-container-port-set-to-generate-nine-icp-initiatives.

Parliament of Malaysia. “Profile Ahli Dewan: YB Datuk Mustapha Sakmud.” Portal Rasmi Parlimen Malaysia. Accessed June 20, 2026. https://www.parlimen.gov.my/profile-ahli.html?uweb=dr&id=4210.

BAHAGIAN A

LAPORAN LAWATAN PEMETAAN ISU **79 – 94**

BAHAGIAN B

1.0 PENGENALAN **98 – 102**

1.1 Geografi/Topografi 98

1.2 Komposisi Penduduk 99

1.3 Kegiatan Ekonomi Utama 100

1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan 101

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN **103 – 106**

2.1 Pendekatan Kajian 103

2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan 105

2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan 105

2.4 Keterbatasan Kajian 105

3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG **107 – 110**

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU **111 – 183**

4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-Isu 111

4.2 Pengutamaan Isu 171

5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN **184**

6.0 RUJUKAN **189**

BAHAGIAN A

Laporan Lawatan Pemetaan Isu

P.185 Batu Sapi

LAWATAN PEMETAAN ISU 2026 - BATU SAPI

19 - 22 MEI 2026
(SELASA - JUMAAT)

DENGAN SOKONGAN DARIPADA

AHLI PARLIMEN BATU SAPI, YB DATUK KHAIRUL FIRDAUS AKBAR KHAN



TEMPAT-TEMPAT YANG TELAH DILAWATI

HARI 1 (19/05/2026)

1. FGD 1: Sesi Dialog bersama Komuniti Kg Pulau Shanghai
2. FGD 2: Sesi Dialog bersama Komuniti Kg Trong Lit
3. Lawatan Tapak 1 Sekitar Kg Trong Lit
4. FGD 3: Sesi Dialog bersama Komuniti Kg Terusan Lama

HARI 2 (20/05/2026)

5. FGD 3: Sesi Dialog bersama Komuniti Kg Ruminding
6. FGD 4: Sesi Dialog bersama Komuniti Kg Bokara
7. FGD 5: Sesi Dialog bersama Komuniti Kg Karamunting Bukit Nenas
8. Lawatan Tapak 2 sekitar Kg Karamunting Bukit Nenas
9. FGD 6: Sesi Dialog bersama Komuniti Kg Gelam Combo Bukit

HARI 3 (21/05/2026)

10. FGD 7: Sesi Dialog bersama Komuniti Kg Bambangan
11. FGD 8: Sesi Dialog bersama Komuniti Kg Segaliud

HARI 4 (22/05/2026)

12. Lawatan Tapak 3 ke Pusat Pemuliharaan Orang Utan Sepilok
13. Lawatan Tapak 4 ke Rumah Agnes Keith
14. FGD 9: Sesi Dialog bersama NGO, Persatuan dan Koperasi

PASUKAN PENYELIDIK



Mc Jeanet Lempisik @ Marx
Ketua Penyelidik




Nor Amirul Pukin



Mohd Ikram Arman



Dr. Teo Sue Ann



Dr Sitti Aisyah Orlando
Penyelaras Tempatan

GERAK KERJA LAWATAN PEMETAAN ISU SEPANGGAR

01




26 Januari 2026
Mesyuarat Awalan

02



14 April 2026
Kunjungan Hormat ke
Majlis Perbandaran Sandakan (MPS)

03



7 Mei 2026
Mesyuarat Koordinasi bersama
Pejabat Pusat Parlimen

04



19 Mei 2026
FGD 1: Sesi Dialog bersama
Komuniti Kg Pulau Shanghai

05



19 Mei 2026
FGD 2: Sesi Dialog bersama
Komuniti Kg Trong Lit

06



19 Mei 2026
Lawatan Tapak 1 Sekitar Kg Trong Lit

07



19 Mei 2026
FGD 3: Sesi Dialog bersama
Komuniti Kg Terusan Lama

08



20 Mei 2026
FGD 4: Sesi Dialog bersama
Komuniti Kg Bokara

09



20 Mei 2026
FGD 5: Sesi Dialog bersama
Komuniti Kg Karamunting Bukit Nenas

10



20 Mei 2026
Lawatan Tapak 2
sekitar Kg Karamunting Bukit Nenas

11



20 Mei 2026
FGD 6: Sesi Dialog bersama
Komuniti Kg Gelam Combo Bukit

12



21 Mei 2026
FGD 7: Sesi Dialog bersama
Komuniti Kg Bambangan

13



21 Mei 2026
FGD 8: Sesi Dialog bersama
Komuniti Kg Segaliud

14



22 Mei 2026
Lawatan Tapak 3 ke Pusat
Pemuliharaan Orang Utan Sepilok

15



22 Mei 2026
Lawatan Tapak 4 ke
Rumah Agnes Keith

16



22 Mei 2026
FGD 9: Sesi Dialog bersama NGO,
Persatuan dan Koperasi

26/01/2026 MESYUARAT AWALAN





Satu mesyuarat awalan telah diadakan bersama YB Datuk Khairul Firdaus Akbar Khan, Ahli Parlimen Batu Sapi merangkap Timbalan Menteri Sumber Manusia. Mesyuarat ini turut dihadiri oleh SUSK, En. Azman Azra, dan Pn. Melisa. Pihak APPGM-SDG pula diwakili oleh Cik Mc Jeanet, Pn. Nur Farah Ezzaty, Pn. Nurul Syaza, En. Paniirselvam dan Dr. Fatihah. Dalam mesyuarat tersebut, YB Datuk menyatakan sokongan penuh terhadap inisiatif ini serta merakamkan penghargaan atas pemilihan Batu Sapi sebagai lokasi pelaksanaan gerak kerja APPGM-SDG bagi tahun ini. YB Datuk juga menyatakan kesediaan untuk menyokong pelaksanaan program di peringkat lapangan. Sehubungan itu, lawatan tapak dan sesi dialog bersama komuniti dicadangkan untuk dilaksanakan sebelum bulan Ramadan.


14/04/2026 KUNJUNGAN HORMAT KE MAJLIS PERBANDARAN SANDAKAN (MPS)






Pasukan APPGM-SDG Wilayah Sabah telah mengadakan satu kunjungan hormat ke Majlis Perbandaran Sandakan (MPS) sebagai sebahagian daripada gerak kerja pemetaan isu di Parlimen Batu Sapi. Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh Tn. Irman Tajuddin Edy, Setiausaha Perbandaran, dan turut dihadiri oleh beberapa pegawai daripada Majlis Perbandaran Sandakan, Unit Pemimpin Pembangunan Masyarakat (UPPM) Kawasan N.53 Sekong, serta wakil daripada Pejabat Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Batu Sapi. Pihak MPS menyatakan sokongan penuh dan kesediaan untuk membantu pelaksanaan inisiatif ini, khususnya dalam aspek penyelarasan mesyuarat antara agensi serta pelaksanaan program pembangunan kapasiti pada masa akan datang. Selain itu, dengan kehadiran pegawai daripada Pejabat Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Batu Sapi dan UPPM DUN Sekong, satu perbincangan ringkas turut diadakan berkaitan pelaksanaan lawatan tapak dan sesi dialog bersama komuniti.

07/05/2026 MESYUARAT KOORDINASI BERSAMA PEJABAT PUSAT PARLIMEN





Pasukan APPGM-SDG Wilayah Sabah telah mengadakan satu mesyuarat koordinasi bagi pelaksanaan Pemetaan Isu Batu Sapi bersama Pejabat Pusat Khidmat Parlimen Batu Sapi. Dalam mesyuarat tersebut, tarikh pelaksanaan program pemetaan isu telah ditetapkan pada 19 hingga 22 Mei 2026. Selain itu, lokasi bagi sesi *Focus Group Discussion* (FGD) turut dikenal pasti berdasarkan kumpulan sasaran peserta yang terlibat. Pemetaan Isu Batu Sapi ini turut menerima sokongan penuh daripada Pejabat Pusat Khidmat Parlimen Batu Sapi, termasuk bantuan dalam penyelarasan bersama pemimpin tempatan serta penglibatan secara langsung bersama pasukan APPGM-SDG di lapangan sepanjang pelaksanaan pemetaan ini.

19/05/2026 FGD 1: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI KG PULAU SHANGHAI










FGD 1 melibatkan komuniti Kg. Pulau Shanghai. Antara isu yang dibincangkan adalah **(1)** penduduk bergantung sepenuhnya kepada aktiviti perikanan sebagai sumber pendapatan utama. Pendapatan nelayan adalah tidak tetap dan dipengaruhi oleh faktor cuaca serta keadaan enjin bot. Purata pendapatan bulanan dianggarkan sekitar RM1,000 sebulan. Nelayan juga bergantung kepada bantuan sara hidup nelayan dan bantuan berkaitan bot. Malah, **(2)** ketiadaan dokumen pengenalan diri oleh sebahagian penduduk menyukarkan mereka untuk menguruskan dokumen pengenalan diri anak. Ini ialah susulan ketiadaan sijil nikah dan buku pink ibu mengandung yang diperlukan untuk pendaftaran sijil kelahiran. Situasi ini turut dipengaruhi oleh perkahwinan antara penduduk tempatan dan warga bukan tempatan. Ketiadaan dokumen menyebabkan keciciran pendidikan, dengan anggaran 40 hingga 50 kanak-kanak tidak dapat didaftarkan ke sekolah. Disebabkan **(3)** ketiadaan bekalan air terawat, penduduk bergantung kepada air hujan dan air mineral untuk kegunaan harian. Dianggarkan sekitar RM300 sebulan dibelanjakan untuk membeli air mineral. Selain itu, penduduk perlu membeli air dari Kampung Bahagia pada kadar 20 sen bagi 40 liter gelen dan mengangkut air menggunakan perahu setiap hari, yang mengambil masa sekitar 10 minit perjalanan. Kampung ini juga **(4)** masih belum menerima bekalan elektrik. Penduduk hanya bergantung kepada generator berasaskan petrol yang dikongsi antara dua hingga tiga buah rumah. Kos petrol bagi penggunaan generator dianggarkan sekitar RM300 sebulan. **(5)** Ketiadaan sistem pengurusan sampah yang sistematik telah menyebabkan penduduk membuang sampah ke laut dan akan mengutip semula sampah tersebut apabila air surut sebelum dibakar di darat, biasanya sekali dalam sebulan. **(6)** Cabaran dalam pendidikan apabila ibu bapa berdepan dengan kos pengangkutan yang tinggi untuk menghantar anak ke sekolah. Selain itu, terdapat pelajar yang tidak dapat hadir ke sekolah kerana apabila ibu bapa keluar awal pagi ke laut, mereka tiada pengangkutan untuk ke sekolah.

19/05/2026 FGD 2: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI KG TRONG LIT



FGD 2 telah diadakan bersama komuniti Kg. Trong Lit. Antara isu yang diutarakan adalah **(1)** ketiadaan bekalan elektrik. Walaupun tiang dan kabel elektrik telah dipasang sejak tahun 2018, proses penyambungan bekalan elektrik masih belum diselesaikan. Penduduk kini bergantung kepada generator yang menggunakan petrol sebagai sumber tenaga utama. Penggunaan petrol dianggarkan sebanyak 6 liter setiap malam dengan kos sekitar RM12 sehari atau anggaran RM400 sebulan. **(2)** Ketiadaan bekalan air terawat menyebabkan penduduk bergantung kepada air hujan, air perigi dan air yang dibeli dari Kampung Bahagia untuk kegunaan harian. Walaupun terdapat sumber air perigi, pengorekan yang lebih dalam diperlukan bagi mendapatkan bekalan air yang lebih baik. Selain itu, penduduk turut membeli air mineral dengan anggaran 15 kotak sebulan pada harga sekitar RM10 sekotak. **(3)** Penduduk bergantung kepada aktiviti perikanan sebagai sumber pendapatan utama. Namun, pendapatan nelayan adalah tidak menentu kerana dipengaruhi oleh faktor cuaca, jenis bot dan penggunaan peralatan menangkap ikan yang masih tradisional. Nelayan juga berdepan dengan kos petrol yang tinggi, dengan anggaran penggunaan sekitar 8 liter bagi setiap kali turun ke laut. **(4)** Ketiadaan sistem pengurusan sampah yang sistematik menyebabkan penduduk membuang sampah terus ke laut dan tidak mengamalkan pembakaran sampah kerana bimbang risiko kebakaran hutan. **(5)** Akses kepada perkhidmatan kesihatan adalah terhad apabila penduduk hanya menerima perkhidmatan klinik bergerak setiap tiga bulan sekali. **(6)** Masih terdapat penduduk yang tidak mempunyai dokumentasi akibat proses pengurusan yang rumit dan memerlukan kos yang tinggi. Penduduk juga perlu menyediakan sehingga 11 jenis dokumen bagi tujuan permohonan berkaitan.

19/05/2026 LAWATAN TAPAK 1 SEKITAR KG TRONG LIT





Pasukan penyelidik dan penduduk kampung telah melawat perigi terbiar yang menjadi sumber air alternatif bagi penduduk namun kini perigi tersebut telah terbiar dan memerlukan pendalaman perigi bagi memastikan ianya dapat berfungsi semula.

19/05/2026 FGD 3: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI KG TERUSAN LAMA



FGD 3 telah diadakan bersama komuniti Kg. Terusan Lama. Antara isu yang dibincangkan ialah **(1)** ketiadaan bekalan air bersih dan terawat yang menyebabkan penduduk bergantung kepada air mineral untuk kegunaan memasak dan minuman harian. Harga bagi satu kotak air mineral dianggarkan sekitar RM10. **(2)** Bekalan elektrik juga tiada yang menyebabkan penduduk terpaksa bergantung kepada generator dengan anggaran perbelanjaan sekitar RM450 sebulan bagi kos bahan api. Projek solar yang dimulakan pada tahun 2018 telah terhenti pada tahun 2024 walaupun dianggarkan telah siap sekitar 70%. Ada juga **(3)** cabaran dalam sektor perikanan apabila nelayan berdepan dengan kos petrol yang tinggi, dengan anggaran penggunaan sekitar 20 liter bagi setiap kali turun ke laut. Pendapatan nelayan juga tidak menentu kerana dipengaruhi oleh keadaan cuaca dan keupayaan capaian bot nelayan. **(4)** Status Kg. Terusan Lama masih dalam proses penggazetan. Menurut Pengerusi JKKK, seluas 10 ekar kawasan telah diluluskan untuk tujuan penggazetan kampung. Penduduk menghadapi **(5)** gangguan hidupan liar apabila monyet yang sering memasuki rumah, merosakkan barangan dapur serta mencuri makanan. Walaupun laporan telah dibuat kepada pihak berkuasa, tindakan masih terhad kerana kekurangan perangkap untuk menangkap haiwan tersebut. **(6)** Aktiviti penorehan getah dijalankan oleh empat orang penoreh getah yang masing-masing mengusahakan kawasan seluas 15 ekar merupakan satu cabaran. Hasil getah biasanya dikumpulkan dalam tempoh empat hingga lima bulan sebelum dijual. Penoreh getah perlu mengangkut hasil menggunakan bot selama kira-kira 30 minit untuk dipasarkan di Telupid.

20/05/2026 FGD 4: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI KG BOKARA



FGD 4 telah diadakan bersama komuniti Kg. Bokara. Antara isu yang diketengahkan adalah penduduk menghadapi **(1)** gangguan bekalan air yang kerap di mana proses pemulihan bekalan boleh mengambil masa sehingga tiga hari dalam seminggu. Walaupun terdapat empat buah perigi sebagai sumber alternatif, hanya satu perigi yang masih berfungsi. **(2)** Ketiadaan kemudahan awam seperti dewan serbaguna dan kawasan permainan di kawasan kampung untuk kegunaan komuniti. Walaupun terdapat kawasan yang berpotensi digunakan, tanah tersebut telah mempunyai geran pemilikan. Terdapat **(3)** isu dokumentasi dan pengenalan diri apabila sebahagian penduduk menghadapi masalah mendapatkan dokumen pengenalan diri akibat ketiadaan sijil perkahwinan serta perkahwinan dengan warga bukan tempatan. Situasi ini menyukarkan proses pengurusan dokumen pengenalan diri anak-anak. Ada **(4)** keperluan menaik taraf jambatan perhubungan apabila terdapat tujuh jambatan yang menjadi laluan utama ke rumah atas air dan memerlukan kerja naik taraf bagi memastikan keselamatan serta kemudahan penduduk. **(5)** Limitasi peluang latihan dan kursus apabila peluang mengikuti kursus kemahiran lebih tertumpu kepada penduduk yang tersenarai dalam sistem e-Kasih. Selain itu, sebahagian peserta yang menerima latihan masih belum memanfaatkan kemahiran tersebut secara sepenuhnya. **(6)** Jalan raya yang sempit dan sehala hanya mampu memuatkan satu kenderaan pada satu masa. Ramai belia kampung mempunyai bakat dan kemahiran dalam sukan bola tampar, namun berdepan **(7)** kekangan untuk mendapatkan latihan secara profesional dan pembangunan bakat yang lebih tersusun. **(8)** Pengurusan sampah yang kurang berkesan Walaupun rumah sampah telah disediakan, hanya sekitar 20% penduduk menggunakannya. Kebanyakan penduduk yang tinggal di rumah atas air masih membuang sampah terus ke laut kerana lebih mudah. Usaha penyediaan tong sampah di rumah juga masih belum menunjukkan perubahan ketara akibat tahap kesedaran yang rendah. **(9)** Ketiadaan kawasan parkir kenderaan Kedudukan kampung yang berhampiran laut menyebabkan penduduk meletakkan kenderaan di bahu jalan. Keadaan ini menyukarkan laluan kenderaan kecemasan seperti jentera bomba sekiranya berlaku kebakaran. **(10)** Kekurangan aktiviti ekonomi setempat Kekangan keluasan kawasan dan kekurangan tanah menghadkan aktiviti ekonomi penduduk. Penduduk mencadangkan agar potensi sumber sedia ada seperti aktiviti perikanan diperkasakan, namun usaha tersebut masih kurang dilaksanakan di kampung ini.

20/05/2026 FGD 5: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI KG KARAMUNTING BUKIT NENAS







FGD 5 telah diadakan bersama komuniti Kg. Karamunting Bukit Nenas. Antara isu yang dibincangkan ialah **(1)** status tanah yang belum digazetkan merangkumi kawasan kampung seluas 34 ekar, di mana permohonan tersebut difahamkan baru sahaja dibentangkan di peringkat Majlis. Penduduk juga sering menghadapi **(2)** gangguan bekalan air yang menjejaskan aktiviti harian mereka. Selain itu, terdapat **(3)** keperluan mendesak bagi bekalan elektrik memandangkan hanya sekitar 30% penduduk mempunyai sambungan meter sah hasil bantuan wakil rakyat terdahulu; status tanah yang belum digazetkan menyukarkan permohonan baharu, memaksa sebahagian penduduk membuat sambungan elektrik haram dari rumah jiran yang berisiko tinggi mencetuskan litar pintas dan kebakaran. Komuniti turut berdepan **(4)** isu dokumentasi dan pengenalan diri ekoran ketiadaan sijil nikah rasmi bagi perkahwinan kampung atau perkahwinan campur dengan warga asing, yang akhirnya merumitkan pendaftaran dokumen keluarga dan anak-anak. Isu sosioekonomi lain termasuklah **(5)** peluang pekerjaan yang terhad bagi golongan belia sehingga memaksa mereka berhijrah; malah sektor pekerjaan di bandar Sandakan kebanyakannya sekadar menawarkan gaji harian di bawah kadar gaji minimum. Bagi aspek persekitaran, terdapat **(6)** keperluan untuk penguatkuasaan pengurusan sampah yang lebih ketat kerana masih ada segelintir penduduk membuang sisa pukal seperti kayu di rumah sampah yang tidak dipungut oleh pihak berkuasa tempatan, justeru pemasangan papan tanda peringatan dicadangkan bagi meningkatkan kesedaran komuniti. Akhir sekali, terdapat **(7)** cabaran kebajikan golongan ibu tunggal di mana daripada keseluruhan 35 orang ibu tunggal di kampung tersebut, hanya 15 orang yang mempunyai dokumen lengkap untuk menerima bantuan sewajarnya.

20/05/2026 LAWATAN TAPAK 2 SEKITAR KG KARAMUNTING BUKIT NENAS





Pasukan penyelidik telah meninjau kawasan rumah sampah yang menurut majoriti penduduk sering dipenuhi sampah termasuk kayu-kayu yang tidak dipungut oleh Majlis Perbandaran Sandakan. Penduduk turut mencadangkan agar papan tanda pemakluman dipasang di kawasan rumah sampah tersebut bagi meningkatkan kesedaran dan pemantauan. Selain itu, pasukan penyelidik juga meninjau kawasan pembakaran sampah oleh penduduk yang dilakukan di hadapan rumah masing-masing.

20/05/2026 FGD 6: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI KG GELAM COMBO BUKIT



FGD 6 telah diadakan bersama komuniti Kg. Gelam Combo Bukit. Antara isu yang dibincangkan ialah **(1)** kesukaran permohonan pemasangan elektrik ekoran cabaran penduduk dalam melengkapkan dokumen bagi urusan pemasangan, justeru mereka memohon agar proses birokrasi ini dipermudahkan demi akses utiliti asas. Selain itu, terdapat **(2)** isu dokumentasi dalam kalangan belia akibat kelewatan pendaftaran pengenalan. Malah dalam sesi FGD, dianggarkan 5 daripada 10 belia lelaki yang hadir didapati tidak mempunyai dokumen lengkap. Masalah ini membawa rantaian **(3)** cabaran peluang pekerjaan di mana ketiadaan pengenalan diri menyekat keupayaan belia untuk menembusi pasaran kerja formal dan memperoleh peluang ekonomi yang stabil. Ketiadaan dokumen ini turut memberikan **(4)** cabaran dalam sektor pendidikan sehingga menyebabkan sebahagian penduduk terpaksa menamatkan persekolahan di peringkat sekolah rendah sahaja. Seterusnya, penduduk berdepan kekangan **(5)** akses kepada perkhidmatan kesihatan apabila mereka jarang mendapatkan rawatan di klinik berikutan kos perubatan dan perbelanjaan sampingan lain yang membebankan kewangan mereka. Dari segi pembangunan prasarana setempat, terdapat **(6)** keperluan menaik taraf fasiliti sukan dan rekreasi melalui penyediaan pagar, pembesaran kawasan, serta pemasangan lampu demi keselamatan aktiviti belia. Akhir sekali, komuniti turut menekankan **(7)** keperluan penambahbaikan akses laluan pejalan kaki di dalam kampung bagi menjamin keselesaan serta keselamatan pergerakan penduduk, khususnya golongan warga emas.

21/05/2026 FGD 7: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI KG BAMBANGAN



FGD 7 telah diadakan bersama komuniti Kg. Bambangan. Antara isu yang dibincangkan ialah **(1)** cabaran pelaksanaan eko-pelancongan komuniti di mana penduduk berdepan persaingan agensi luar yang memintas pengurusan setempat sehingga menjejaskan kualiti perkhidmatan dan reputasi produk tempatan, selain pemain industri memerlukan latihan pembangunan kapasiti bagi memperkukuhkan pengurusan pelancongan berasaskan komuniti. Masalah infrastruktur asas turut dibangkitkan seperti **(2)** ketiadaan sistem pengurusan sampah yang sistematik dan tanpa penyediaan rumah sampah, penduduk terpaksa menanam atau membakar sisa buangan, serta isu **(3)** lampu jalan yang pernah disediakan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia sudah tidak berfungsi dan menyebabkan jalan utama gelap dan mengundang risiko kemalangan. Sektor ekonomi utama berdepan **(4)** cabaran aktiviti perikanan dan peraturan laut yang ketat berikutan sekatan zon tangkapan tidak melebihi dua hingga tiga batu nautika serta larangan aktiviti penternakan ikan dan penghasilan hasil laut berhampiran kampung. Malah, ditambah juga dengan bebanan pelbagai lesen perikanan (seperti lesen bubu, tangsi, pancing, pukat hanyut dan pukat tenggelam atau akan didenda sehingga RM1,800), larangan pinjaman bot (atau didenda RM150–RM300), dan isu enjin bot rosak yang menyebabkan mereka terpaksa mendayung untuk turun ke laut. Isu prasarana juga merangkumi **(5)** keperluan penambahbaikan infrastruktur jambatan yang kini usang dan membahayakan keselamatan murid sekolah. Dari sudut ekonomi, wujud **(6)** cabaran belia dalam mendapatkan pekerjaan terutamanya untuk menembusi sektor perkilangan, menyebabkan sebahagiannya terpaksa menjadi nelayan tradisional tanpa enjin dengan pendapatan bawah RM50 sehari, yang diburukkan lagi dengan **(7)** kebimbangan terhadap agihan bantuan enjin bot yang kurang bersasar kerana menggunakan sistem cabutan undi. Akhir sekali, komuniti berdepan **(8)** cabaran pemasaran produk tempatan berasaskan hasil laut yang terhenti akibat kekangan akses pasaran luar, sekali gus menyumbang kepada **(9)** kerapuhan ekonomi nelayan yang tiada simpanan kecemasan kerana pendapatan hanya sekadar cukup makan.

21/05/2026 FGD 8: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI KG SEGALIUD



FGD 8 telah diadakan bersama komuniti Kg. Segaliud. Antara isu yang dibincangkan ialah **(1)** kesan pembinaan Loji Rawatan Air Garinono yang menjejaskan ekonomi dan ekosistem setempat; nelayan kerugian masa sekitar 30 minit untuk menunggu pembukaan dan penutup pintu laluan bot, selain berdepan risiko bot karam akibat arus kuat. Pembinaan loji ini turut merosakkan ekosistem hulu sungai yang sebelum ini bergantung kepada kitaran unik enam bulan air tawar dan enam bulan air masin, sehingga menjejaskan sumber perikanan, meningkatkan populasi buaya akibat laluan bakau tertutup, serta menyebabkan sungai semakin cetek dan tebing runtuh. Projek loji ini juga dikaitkan dengan **(2)** masalah banjir yang kini semakin kerap melanda kampung. Keadaan ini memburukkan lagi **(3)** konflik hidupan liar seperti gangguan monyet yang merosakkan rumah dan infrastruktur kampung serta ancaman buaya yang sangat berisiko tinggi terhadap keselamatan penduduk. Walaupun aduan telah dibuat kepada pihak berkaitan, tindakan yang diambil masih terhad disebabkan kekurangan sangkar perangkap. Selain itu, komuniti mengalami kekangan **(4)** akses kepada perkhidmatan kesihatan yang jauh di mana mereka perlu ke Hospital Kinabatangan (48 km) dengan implikasi kos pengangkutan pergi-balik mencecah RM60 hingga RM150 (waktu kecemasan), manakala khidmat klinik bergerak pula hanya diperoleh dua kali setahun. Isu utiliti dan penempatan semula turut timbul menerusi **(5)** ketiadaan bekalan elektrik yang membelenggu sekitar 20 buah rumah mangsa pemindahan, kesan daripada jajaran Pan Borneo Highway akibat status penyambungan bekalan yang masih terperangkap dalam fasa menunggu. Isu alam sekitar setempat melibatkan **(6)** ketiadaan sistem pengurusan sampah ekoran kegagalan rundingan cadangan lokasi rumah sampah bersama MPS yang terlalu jauh, menyebabkan penduduk terpaksa melupuskan sisa dengan membuangnya ke sungai atau melakukan pembakaran terbuka. Akhir sekali, infrastruktur ekonomi kampung didapati sangat kritikal dengan **(7)** keperluan pembinaan jeti khas memandangkan jeti sedia ada berhampiran sekolah kurang sesuai untuk memunggah hasil perikanan dan pertanian seperti buah-buahan, serta **(8)** ketiadaan jalan pertanian yang menyukarkan pekebun untuk mengangkut dan memasarkan hasil pertanian mereka ke pasaran luar.

22/05/2026 LAWATAN TAPAK 3 KE PUSAT PEMULIHARAAN ORANG UTAN SEPILOK





Pasukan APPGM-SDG telah mengadakan lawatan ke Pusat Pemuliharaan Orang Utan Sepilok bagi memahami usaha pemuliharaan dan rehabilitasi orang utan di Sabah. Sepanjang lawatan, pasukan diberikan penerangan mengenai proses pemulihan orang utan yang diselamatkan bermula daripada kemasukan, pemeriksaan kesihatan, kuarantin, pra pelepasan sehingga pelepasan semula ke habitat semula jadi. Pasukan turut didedahkan dengan program penjagaan seperti Baby Nursery, Indoor Nursery dan Forest School yang membantu orang utan mempelajari kemahiran hidup di hutan. Lawatan ini memberi kesedaran mengenai kepentingan pemeliharaan biodiversiti, cabaran pemuliharaan hidupan liar serta usaha berterusan dalam memastikan kelangsungan spesies orang utan sejajar dengan prinsip pembangunan lestari.

22/05/2026 LAWATAN TAPAK 4 KE RUMAH AGNES KEITH





Pasukan APPGM-SDG telah mengadakan lawatan ke Rumah Agnes Keith bagi meninjau nilai sejarah dan warisan yang terdapat di rumah bekas penulis terkenal Agnes Keith. Lawatan ini memberikan pendedahan mengenai sejarah Sandakan semasa era kolonial, kehidupan masyarakat pada ketika itu serta sumbangan Agnes Keith melalui penulisan yang memperkenalkan Sabah kepada dunia luar. Pasukan turut melihat koleksi bahan sejarah, struktur rumah warisan dan maklumat berkaitan peristiwa penting yang pernah berlaku di kawasan tersebut. Lawatan ini memberi kefahaman tentang kepentingan pemeliharaan warisan sejarah dan budaya sebagai sebahagian daripada identiti serta aset pelancongan negeri Sabah.

22/05/2026 FGD 9: SESI DIALOG BERSAMA NGO, PERSATUAN DAN KOPERASI







Sesi libat urus bersama seramai 11 wakil daripada pelbagai NGO, persatuan dan koperasi di kawasan Batu Sapi telah membincangkan beberapa isu utama yang dihadapi oleh organisasi komuniti setempat. Antara isu yang dibangkitkan ialah kekangan kewangan dalam melaksanakan program dan aktiviti persatuan walaupun permohonan dana telah dibuat, namun terdapat pandangan bahawa sokongan politik sering menjadi faktor penting dalam kelulusan bantuan. Selain itu, Persatuan Bomba Sukarelawan turut menghadapi cabaran seperti kerosakan enjin pam dan jentera bomba, kekurangan dana operasi serta keperluan menubuhkan komuniti bomba di setiap kampung susulan kejadian kebakaran besar yang kerap berlaku antara satu hingga lima kali. Cadangan pembinaan balai bomba di Batu Sapi juga dibangkitkan namun berdepan isu ketiadaan tanah yang sesuai, di samping cadangan pemberian elaun kepada petugas sukarela. Dalam aspek sosial, terdapat persatuan yang memberi fokus kepada kesihatan mental wanita termasuk suri rumah dan ibu tunggal yang mengalami tekanan akibat masalah rumah tangga dan ekonomi, selain peningkatan kes perceraian dalam kalangan golongan muda yang dikaitkan dengan tekanan ekonomi semasa. Wakil turut menyatakan bahawa cabaran mendapatkan kerjasama penduduk kampung serta pergolakan politik tempatan menjadi antara faktor yang mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan aktiviti NGO, persatuan dan koperasi di kawasan tersebut.

BAHAGIAN B

Laporan Pemetaan Isu

P.185 Batu Sapi

Senarai Jadual

Jadual 1. Komposisi Penduduk mengikut Kaum Parlimen Batu Sapi (P.185) 100
Jadual 2. Program Kajian Lapangan Pemetaan Isu Parlimen Batu Sapi 104
Jadual 3. Rangkuman Isu Rentas SDG.....107
Jadual 4. Perincian Hasil Dapatan FGD 1 111
Jadual 5. Perincian Hasil Dapatan FGD 2 118
Jadual 6. Perincian Hasil Dapatan FGD 3 125
Jadual 7. Perincian Hasil Dapatan FGD 4 136
Jadual 8. Perincian Hasil Dapatan FGD 5 142
Jadual 9. Perincian Hasil Dapatan FGD 6 148
Jadual 10. Perincian Hasil Dapatan FGD 7 154
Jadual 11. Perincian Hasil Dapatan FGD 8 160
Jadual 12. Perincian Hasil Dapatan FGD 9 166
Jadual 13. Ringkasan Isu 1 176
Jadual 14. Ringkasan Isu 2 179
Jadual 15. Ringkasan Isu 3 182

Senarai Singkatan

SDG	*Sustainable Development Goals*
FGD	*Focus Group Discussion*
DUN	Dewan Undangan Negeri
PKS	Perusahan Kecil dan Sederhana
PKS	Perusahan Kecil dan Sederhana
KK	Klinik Kesihatan
KD	Klinik Desa
PATI	Pendatang Asing Tanpa Izin
PDK	Pemulihan Dalam Komuniti
JPS	Jabatan Pengairan dan Saliran
MPS	Majlis Perbandaran Sandakan
DOSM	Jabatan Perangkaan Malaysia
PGA	Pasukan Gerakan Am
AADK	Agensi Antidadah Kebangsaan
PDRM	Polis Diraja Malaysia
TEKUN	Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga
STB	*Sabah Tourism Board*
LKIM	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia
NGO	*Non-governmental Organization*
JPN	Jabatan Pendaftaran Negara
CoBT	*Community-Based Tourism*
OKU	Orang Kurang Upaya
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia

1.0 PENGENALAN



YB Datuk Khairul Firdaus bin Akbar Khan

Parlimen Batu Sapi (P.185) merupakan salah satu kawasan parlimen di negeri Sabah yang terletak di daerah Sandakan. Parlimen ini meliputi kawasan bandar, pesisir pantai serta beberapa pulau yang mempunyai kepelbagaian latar belakang sosial, ekonomi dan budaya masyarakatnya. Nama "Batu Sapi" dipercayai berasal daripada sebuah pembentukan batuan yang menyerupai bentuk seekor lembu (sapi) yang suatu ketika dahulu menjadi mercu tanda di kawasan pesisir Sandakan. [6] Nama tersebut kemudiannya digunakan sebagai identiti kawasan dan kekal sehingga hari ini sebagai nama rasmi kawasan parlimen.

Daripada segi pentadbiran pilihan raya, Parlimen Batu Sapi diwujudkan hasil persempadanan semula kawasan pilihan raya pada tahun 2003 dan mula dipertandingkan dalam Pilihan Raya Umum Ke-11 pada tahun 2004. Pada masa ini, Parlimen Batu Sapi diwakili oleh Yang Berhormat Datuk Khairul Firdaus Akbar Khan**,** yang memenangi kerusi tersebut dalam Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) pada tahun 2022. [7] Selain berkhidmat sebagai Ahli Parlimen Batu Sapi, beliau turut memegang jawatan sebagai Timbalan Menteri Sumber Manusia di peringkat kerajaan persekutuan.

1.1 Geografi/Topografi

Parlimen Batu Sapi terletak di daerah Sandakan yang berada di bahagian timur wilayah Sabah. Ia merupakan salah satu daripada tiga kawasan parlimen dalam daerah tersebut selain Libaran (P.184) dan Sandakan (P.186). Kawasan parlimen ini merangkumi sebahagian kawasan bandar Sandakan, penempatan pinggir bandar, perkampungan pesisir pantai serta beberapa buah pulau yang berpenghuni. Kedudukan geografinya yang menghadap Laut Sulu menjadikan Batu Sapi sebagai kawasan strategik yang mempunyai hubungan rapat dengan aktiviti maritim, termasuk perikanan, perdagangan, pengangkutan laut dan pelancongan. Selain itu, lokasi Batu Sapi yang berhampiran pusat bandar Sandakan turut menyumbang kepada perkembangan aktiviti ekonomi dan perkhidmatan, di samping menjadi pintu masuk kepada beberapa kawasan pulau dan perkampungan pesisir di pantai timur Sabah. [8]

---

[6] Malaysia Post, "Batu Sapi Asalnya Dari Lembu Berkaki Tiga," *Malaysia Post*, 10 Oktober 2020, diakses 19 Julai 2026, https://malaysiapost.com.my/2020/10/10/batu-sapi-asalnya-dari-lembu-berkaki-tiga/

[7] ElectionData.MY, "P.185 Batu Sapi, Sabah," diakses 19 Julai 2026, https://electiondata.my/ms-MY/seats/parlimen/p185-batu-sapi-sabah/

[8] Majlis Perbandaran Sandakan, "Sandakan," diakses 19 Julai 2026, https://mps.sabah.gov.my/sandakan.htm

Daripada aspek topografi, Parlimen Batu Sapi merangkumi sebahagian besar kawasan tanah pamah pantai yang rendah, pesisir berlumpur, muara sungai serta kawasan pulau yang dipengaruhi oleh pasang surut air laut. Bentuk muka bumi ini mewujudkan ekosistem bakau yang luas dan menjadi habitat penting bagi sumber biodiversiti marin. Ia juga menyokong aktiviti ekonomi masyarakat setempat, khususnya sektor perikanan dan akuakultur. Walau bagaimanapun, keadaan topografi yang rendah dan berhampiran laut menyebabkan beberapa kawasan di Batu Sapi terdedah kepada risiko banjir pasang surut, hakisan pantai serta kesan perubahan iklim. Ciri-ciri fizikal tersebut turut mempengaruhi corak penempatan penduduk, pembangunan infrastruktur dan perancangan guna tanah di kawasan parlimen ini, yang memerlukan pendekatan pembangunan mampan bagi memastikan keseimbangan antara pembangunan ekonomi dan pemeliharaan alam sekitar.

1.2 Komposisi Penduduk

Berdasarkan data Jabatan Perangkaan Malaysia 2020, Parlimen Batu Sapi mempunyai jumlah penduduk seramai 119,698 orang, yang terdiri daripada 85,136 orang warganegara (71.1 peratus) dan 34,562 orang bukan warganegara (28.9 peratus**).** Komposisi ini menunjukkan bahawa hampir satu pertiga daripada keseluruhan penduduk di kawasan ini merupakan bukan warganegara, dan kerana itu menggambarkan ciri demografi yang unik berbanding kebanyakan kawasan parlimen lain di Malaysia. Keadaan ini berkait rapat dengan kedudukan geografi Batu Sapi sebagai kawasan pesisir dan pusat ekonomi di pantai timur Sabah yang menjadi tumpuan aktiviti perikanan, perladangan, pembinaan serta sektor perkhidmatan, yang secara tradisinya menarik kemasukan tenaga kerja asing dan komuniti migran.

Daripada segi komposisi jantina, Batu Sapi mempunyai 62,508 orang lelaki dan 57,190 orang perempuan, dengan nisbah jantina sebanyak 109 lelaki bagi setiap 100 perempuan. Daripada aspek etnik dalam kalangan warganegara, majoriti penduduk terdiri daripada etnik Bumiputera (75.9 peratus)**,** diikuti oleh Cina (22.1 peratus)**,** lain-lain etnik (1.7 peratus) dan India (0.3 peratus). Kepelbagaian komposisi etnik ini mencerminkan masyarakat majmuk yang menjadi identiti kawasan Sandakan sejak sekian lama. Keadaan ini turut membentuk kepelbagaian budaya, bahasa dan aktiviti ekonomi masyarakat setempat.

Daripada sudut struktur umur, Batu Sapi mempunyai populasi yang didominasi oleh penduduk usia bekerja (15–64 tahun) sebanyak 70.5 peratus**,** diikuti oleh kanak-kanak berumur 0–14 tahun (23.5 peratus) dan warga emas berumur 65 tahun ke atas (5.9 peratus). Seramai 69.7 peratus daripada penduduk berumur 18 tahun ke atas**,** menunjukkan potensi tenaga kerja dan penyertaan ekonomi yang tinggi. Daripada segi taburan penduduk, kawasan ini mencatatkan kepadatan penduduk sebanyak 264 orang

bagi setiap kilometer persegi**,** yang menggambarkan Batu Sapi sebagai kawasan berkepadatan sederhana hingga tinggi.

Jadual 1. Komposisi Penduduk mengikut Kaum Parlimen Batu Sapi (P.185)

BIL.	KAUM	PERATUSAN (%)
1.	Bumiputera	75.9
2.	Cina	22.1
3.	India	0.3
4.	Lain-lain	1.7
	Jumlah Keseluruhan	**100**

1.3 Kegiatan Ekonomi Utama

Parlimen P.185 Batu Sapi mempunyai struktur ekonomi yang banyak dipengaruhi oleh kedudukan geografinya sebagai kawasan pesisir pantai di daerah Sandakan serta kedudukannya yang berhampiran dengan pusat bandar Sandakan. Antara kegiatan ekonomi utama yang menjadi sumber pendapatan masyarakat setempat ialah sektor perikanan dan aktiviti berkaitan sumber marin. Kawasan pesisir dan pulau-pulau di sekitar Batu Sapi menyediakan sumber perikanan yang penting, termasuk penangkapan ikan, penternakan hasil laut serta perusahaan berkaitan seperti pemprosesan makanan laut. Aktiviti ini menjadi mata pencarian utama bagi sebahagian komuniti pesisir, khususnya masyarakat yang bergantung kepada sumber laut sebagai sumber ekonomi harian. Sektor perikanan juga merupakan antara subsektor penting dalam ekonomi Sabah yang menyumbang kepada pengeluaran makanan serta rantaian bekalan industri makanan laut negeri.[9]

Selain perikanan, sektor perkhidmatan, perdagangan dan perniagaan kecil turut menjadi antara penggerak utama ekonomi di kawasan Batu Sapi. Kedudukannya yang berdekatan dengan bandar Sandakan membolehkan penduduk terlibat dalam pelbagai aktiviti ekonomi seperti perniagaan runcit, perusahaan makanan, perkhidmatan pengangkutan, logistik, perhotelan serta aktiviti perdagangan tempatan. Pusat bandar Sandakan yang berperanan sebagai salah satu pusat ekonomi utama di pantai timur Sabah turut memberi kesan limpahan kepada kawasan Parlimen Batu Sapi melalui peluang pekerjaan dan aktiviti ekonomi sokongan. Perkembangan sektor perkhidmatan ini selaras dengan arus ekonomi Sabah yang kini semakin bergantung kepada sektor perkhidmatan. Ini termasuk perdagangan dan pelancongan sebagai penyumbang utama ekonomi negeri.

[9] Kerajaan Negeri Sabah, “Ekonomi Sabah,” Portal Rasmi Kerajaan Negeri Sabah, diakses 19 Julai 2026, https://sabah.gov.my/index.php/ms/ekonomi

Di samping itu, sektor pelancongan berasaskan komuniti dan ekopelancongan semakin berkembang sebagai salah satu potensi ekonomi baru di Batu Sapi. Keunikan kawasan ini yang mempunyai kawasan pesisir, hutan bakau, pulau serta hubungan dengan destinasi pelancongan utama Sandakan memberikan peluang kepada pembangunan aktiviti seperti pelancongan alam semula jadi, *homestay*, *river cruise*, aktiviti rekreasi laut dan produk pelancongan komuniti. Sebagai contoh, pembangunan pelancongan berasaskan komuniti (*community-based tourism*, CoBT) di Kampung Bambangan, Batu Sapi menunjukkan usaha memperkukuhkan penglibatan komuniti tempatan dalam rantaian ekonomi pelancongan melalui aktiviti seperti pengalaman budaya, perikanan, aktiviti memancing dan penerokaan ekosistem bakau.[10] Secara keseluruhannya, ekonomi Batu Sapi mempunyai gabungan antara ekonomi tradisional berasaskan sumber marin dengan sektor moden seperti perdagangan dan pelancongan, yang memerlukan pendekatan pembangunan mampan bagi memastikan manfaat ekonomi dapat dinikmati secara menyeluruh oleh masyarakat setempat.

1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan

Lokasi Fizikal

Daripada segi lokasi fizikal, Parlimen Batu Sapi mempunyai kedudukan strategik di kawasan pesisir pantai timur Sabah yang meliputi kawasan bandar, perkampungan pesisir dan beberapa buah pulau. Ciri geografi ini mempengaruhi pembangunan ekonomi, akses kepada kemudahan asas dan pengurusan sumber semula jadi. Keadaan ini berkait dengan ***SDG 9 (Industri, Inovasi dan Infrastruktur), SDG 11 (Bandar dan Komuniti Mampan)*** serta ***SDG 14 (Hidupan di Bawah Air)*** melalui usaha untuk memperkukuhkan infrastruktur, meningkatkan daya tahan komuniti pesisir dan memastikan pembangunan kawasan dilaksanakan secara mampan.

Keadaan Ekonomi Tempatan

Daripada segi keadaan ekonomi tempatan, Parlimen Batu Sapi mempunyai hubungan dengan kerangka SDG melalui aktiviti ekonomi utama seperti perikanan, perdagangan, perkhidmatan dan pelancongan. Konteks ini berkait dengan ***SDG 1 (Tiada Kemiskinan)***, ***SDG 8 (Pekerjaan Layak dan Pertumbuhan Ekonomi)*** dan ***SDG 10 (Mengurangkan Ketidaksamaan)*** dalam usaha meningkatkan pendapatan, peluang pekerjaan serta keterangkuman ekonomi masyarakat. Pembangunan ekonomi tempatan perlu memberi tumpuan kepada pengukuhan ekonomi komuniti, peningkatan kemahiran dan penciptaan peluang ekonomi mampan bagi memastikan kesejahteraan penduduk Batu Sapi.

[10] Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC), "Majlis Pelancaran Destinasi Pelancongan Berasaskan Komuniti (CoBT) Kampung Bambangan, Batu Sapi, Sandakan, Sabah," diakses 19 Julai 2026, https://www.motac.gov.my/majlis-pelancaran-destinasi-pelancongan-berasaskan-komuniti-cobt-kampung-bambangan-batu-sapi-sandakan-sabah/

Kepelbagaian Budaya Tempatan

Daripada segi budaya, Parlimen Batu Sapi mempunyai hubungan dengan kerangka SDG melalui kepelbagaian etnik, warisan budaya dan amalan komuniti tempatan yang menjadi identiti kawasan tersebut. Kepelbagaian masyarakat seperti Bumiputera, Cina dan komuniti pesisir menyumbang kepada kekayaan budaya, tradisi serta potensi pelancongan berasaskan komuniti. Aspek ini berkait dengan ***SDG 11 (Bandar dan Komuniti Mampan)*** dan ***SDG 10 (Mengurangkan Ketidaksamaan)*** melalui usaha memelihara warisan budaya, memperkukuhkan keterangkuman sosial serta memastikan pembangunan komuniti menghargai kepelbagaian budaya tempatan.

Kehidupan Sosial dan Tahap Kualiti Hidup

Daripada segi sosial, Parlimen Batu Sapi mempunyai hubungan dengan kerangka SDG melalui kepelbagaian demografi penduduk, keperluan kemudahan asas serta kesejahteraan komuniti setempat. Cabaran seperti akses kepada pendidikan, kesihatan, perumahan, utiliti asas dan peluang sosial berkait rapat dengan ***SDG 3 (Kesihatan dan Kesejahteraan), SDG 4 (Pendidikan Berkualiti), SDG 6 (Air Bersih dan Sanitasi)*** serta ***SDG 11 (Bandar dan Komuniti Mampan).*** Oleh itu, pembangunan sosial di Batu Sapi perlu menekankan pendekatan inklusif bagi meningkatkan kualiti hidup, mengurangkan jurang ketidaksamaan dan memperkukuhkan kesejahteraan masyarakat.

Nilai Sejarah

Daripada segi nilai sejarah, Parlimen Batu Sapi mempunyai hubungan dengan kerangka SDG melalui pemeliharaan warisan, identiti komuniti dan sejarah tempatan sebagai sebahagian daripada pembangunan mampan. Kedudukan Batu Sapi yang merupakan sebahagian daripada kawasan Sandakan yang mempunyai sejarah panjang sebagai pusat perdagangan dan pelabuhan di pantai timur Sabah. Kawasan ini kaya dengan warisan budaya dan sejarah masyarakatnya. Ciri-ciri ini berkait dengan ***SDG 11 (Bandar dan Komuniti Mampan)*** melalui usaha memelihara warisan sejarah, memperkukuhkan identiti komuniti serta menggalakkan pembangunan pelancongan berasaskan warisan yang memberi manfaat kepada masyarakat setempat.

Keunikan Sosial Kawasan

Parlimen Batu Sapi terdiri daripada gabungan unsur geografi pesisir, kepelbagaian komuniti, sumber marin dan potensi pelancongan. Konteks keunikannya yang melibatkan kawasan bandar, perkampungan pesisir serta pulau-pulau yang memainkan pengaruh besar dalam mendorong perkembangan budaya, ekonomi dan ekosistem semula jadi Parlimen Batu Sapi menjadikan kawasan ini unik berbanding parlimen lain. Keadaan ini berkait dengan ***SDG 11 (Bandar dan Komuniti Mampan), SDG 14 (Hidupan di Bawah Air)*** dan ***SDG 17 (Kerjasama untuk Mencapai Matlamat)*** melalui usaha

memelihara alam sekitar, memperkasakan komuniti tempatan serta membangunkan potensi ekonomi berasaskan sumber setempat secara mampan.

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN

Data yang digunakan dalam laporan ini diperoleh melalui pelbagai kaedah kualitatif dan kuantitatif bagi memastikan ketepatan dan kebolehpercayaan maklumat yang dikumpul. Antara kaedah yang dilaksanakan termasuk perbincangan awal dan pembentukan profil kawasan, mesyuarat pra-lawatan bersama Majlis Perbandaran Sandakan (MPS), serta mesyuarat susulan bersama pegawai daripada Pejabat Pusat Khidmat Parlimen Batu Sapi. Selain itu, kajian lapangan dan lawatan tapak telah dijalankan untuk mendapatkan gambaran secara langsung terhadap keadaan fizikal dan sosial di kawasan kajian. Bagi tujuan pemetaan isu-isu tempatan yang sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), sesi temu bual serta perbincangan kumpulan fokus (FGD) turut dilaksanakan. Aktiviti ini melibatkan penyertaan pelbagai pihak berkepentingan termasuk agensi kerajaan, pertubuhan masyarakat sivil, dan komuniti setempat.

Selain itu, metodologi yang digunakan dalam kajian ini juga adalah analisis dokumen yang diperoleh melalui platform e-Statistik yang disediakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Platform ini menyediakan pelbagai data sekunder yang merangkumi statistik demografi, ekonomi, sosial, dan pembangunan setempat. Data yang dimuat turun ini dianalisis untuk memperoleh maklumat sokongan berkaitan profil penduduk, tahap sosio-ekonomi, serta perkembangan infrastruktur di kawasan parlimen yang dikaji. Penggunaan sumber ini membolehkan penyelidik mengenal pasti trend dan corak yang berkaitan dengan isu-isu setempat.

2.1 Pendekatan Kajian

Proses pemetaan isu di kawasan Parlimen Batu Sapi telah dimulakan dengan satu mesyuarat awalan bersama Ahli Parlimen Batu Sapi, Yang Berhormat Datuk Khairul Firdaus Akbar Khan, yang berlangsung pada 26 Januari 2026 di Parlimen Malaysia. Mesyuarat tersebut telah melibatkan wakil daripada pihak APPGM-SDG iaitu Cik Mc Jeanet Lempisik (Ketua Wilayah Sabah, APPGM-SDG), Puan Nur Farah Ezzaty (Pengarah Jabatan Pengurusan Projek, APPGM-SDG), Puan TPr. Nurul Syaza Mazelan (Timbalan Pengarah & Ketua Zon Tengah, APPGM-SDG), Encik Paniirselvam Jayaraman (Pengarah Jabatan Solusi Dasar, APPGM-SDG) dan Dr. Nur Fatihah binti Tajul Arifin (Pegawai Solusi Dasar, APPGM-SDG). Pada masa yang sama, mesyuarat pembentukan profik kawasan parlimen turut dijalankan pada 26 Januari 2026 bagi mendapatkan profil dan data awalan kawasan, membincangkan hala tuju dan pendekatan kajian secara lebih terperinci. Sebagai persediaan sebelum pelaksanaan kajian lapangan, satu mesyuarat pra-lawatan turut dijalankan bersama Encik Irman Tajuddin Edy, Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Sandakan (MPS) pada 14 April 2026. Selain itu, satu mesyuarat susulan

bersama pegawai Pusat Khidmat Rakyat Parlimen P.185 Batu Sapi telah dijalankan pada 7 Mei 2026 bagi menyelaraskan persediaan logistik dan penglibatan komuniti. Berdasarkan kesemua mesyuarat tersebut, jadual lawatan penyelidikan telah dirangka dan dipersetujui bagi pelaksanaan kajian di lapangan. Butiran lawatan diringkaskan dalam Jadual 2:

Jadual 2. Program Kajian Lapangan Pemetaan Isu Parlimen Batu Sapi

TARIKH	SESI DIALOG/FGD
19 Mei 2025 (Tuesday)	• **Sesi Dialog 1**: Komuniti Kg Pulau Shanghai • **Sesi Dialog 2**: Komuniti Kg Trong Lit • **Lawatan Tapak 1**: Kg Trong Lit • **Sesi Dialog 3**: Komuniti Kg Terusan Baru
20 Mei 2025 (Wednesday)	• **Sesi Dialog 4**: Komuniti Kg Bokara • **Sesi Dialog 5**: Komuniti Kg Karamunting Bukit Nenas • **Lawatan Tapak 2:** Kg Karamunting Bukit Nenas • **Sesi Dialog 6**: Komuniti Kg Gelam Combo Bukit
21 Mei 2025 (Thursday)	• **Sesi Dialog 7**: Komuniti Kg Bambangan • **Sesi Dialog 8**: Komuniti Kg Segaliud
22 Mei 2025 (Friday)	• **Lawatan Tapak 3**: Pusat Pemuliharaan Orang Utan Sepilok • **Lawatan Tapak 4**: Rumah Agnes Keith • **Sesi Dialog 9**: NGO, Persatuan Dan Koperasi

Pasukan APPGM-SDG yang menjalankan kajian lapangan pemetaan isu SDG di kawasan Parlimen Batu Sapi terdiri daripada ahli-ahli berikut:

1. Cik Mc Jeanet Lempisik @ Marx : Ketua Penyelidik Parlimen Sepanggar
2. Encik Nor Amirul bin Pukin : Pegawai Pengurusan Projek Wilayah Sabah
3. Encik Mohd Ikram bin Arman : Pegawai Solusi Dasar Wilayah Sabah
4. Dr. Teo Sue Ann : Pengarah Jabatan Advokasi Dasar Parlimen
5. Dr. Sitti Aisyah Orlando : Penyelaras Tempatan Lahad Datu

2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan

Bagi menjalankan kajian lapangan di Parlimen Batu Sapi yang melibatkan sesi dialog berkumpulan bersama penduduk kampung, penyelidik telah mengambil langkah-langkah etika yang sewajarnya bagi memastikan integriti kajian terpelihara dan hak peserta dihormati. Kebenaran awal telah diperoleh daripada pemimpin komuniti setempat termasuk ketua kampung sebagai tanda hormat terhadap struktur kepimpinan tempatan. Setiap peserta diberi taklimat berkenaan objektif kajian, bentuk penglibatan mereka, serta jaminan kerahsiaan terhadap maklumat yang dikongsi. Persetujuan dimaklumkan atau diperoleh secara lisan dengan mengambil kira latar belakang sosio-budaya peserta.

Ketua penyelidik mendapatkan persetujuan daripada peserta terlebih dahulu untuk merekodkan suara dan diambil video dan gambar. Sekiranya, peserta FGD tidak bersetuju apa yang dikatakan untuk direkod dan melarang mengambil gambarnya, maka penyelidikan ini tidak boleh mengambil kira perkara tersebut untuk dilaporkan dan dikongsikan di mana-mana platform. Namun begitu, bagi kajian pemetaan isu di Parlimen Batu Sapi, tiada apa-apa halangan daripada pihak peserta.

Sepanjang sesi, penyelidik juga memastikan suasana dialog yang selamat, terbuka dan inklusif, dengan memberi ruang kepada semua peserta untuk bersuara tanpa tekanan atau paksaan. Etika juga dititikberatkan dalam aspek dokumentasi dan penggunaan data, di mana nama sebenar peserta tidak didedahkan dan maklumat yang diperoleh digunakan hanya untuk tujuan akademik. Penyelidik turut mengamalkan pendekatan sensitif budaya dengan menghormati adat, bahasa dan norma komuniti setempat.

2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan

Sepanjang pelaksanaan kajian lapangan, pasukan penyelidik tidak berhadapan dengan sebarang kekangan yang signifikan. Hal ini disebabkan oleh penyelarasan yang baik daripada pegawai Pusat Khidmat Parlimen Batu Sapi dalam menyusun jadual perjalanan, mengatur sesi lawatan serta menghubungi pemimpin-pemimpin tempatan. Kerjasama yang diberikan telah memastikan kehadiran dan kesediaan komuniti setempat untuk menerima kehadiran pasukan penyelidik serta mengambil bahagian secara aktif dalam perbincangan kumpulan fokus (*Focus Group Discussion*, FGD). Semu aini melancarkan proses pengumpulan data di lapangan.

2.4 Keterbatasan Kajian

Salah satu keterbatasan utama yang dihadapi dalam pelaksanaan kajian lapangan pemetaan isu di Parlimen Batu Sapi adalah kesukaran dalam memperoleh data profil kawasan parlimen yang terkini. Kekurangan kajian terdahulu yang mencukupi juga membatasi ketersediaan data sekunder yang diperlukan untuk analisis awal. Keadaan ini

menyukarkan pasukan penyelidik dalam mendapatkan gambaran terkini yang menyeluruh tentang keadaan sosio-ekonomi di kawasan Parlimen Batu Sapi yang seterusnya menghalang usaha untuk membuat penilaian yang lebih tepat terhadap isu-isu yang dihadapi oleh komuniti.

Di samping itu, pasukan penyelidik juga berdepan dengan keterbatasan dalam memasuki kesemua kampung di kawasan parlimen Batu Sapi. Faktor logistik, kewangan, serta kekangan masa telah membataskan keupayaan untuk melibatkan setiap kampung dalam kajian ini. Walaupun usaha telah dilakukan untuk menghubungi dan melibatkan sebanyak mungkin kampung, beberapa kawasan yang seharusnya diberi perhatian tidak dapat dijelajahi sepenuhnya. Kekangan ini seterusnya menyukarkan usaha untuk memperoleh data yang lebih lengkap dan mencirikan gambaran seluruh kawasan Parlimen Batu Sapi.

3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG

Jadual 3. Rangkuman Isu Rentas SDG

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
1.	Akses kepada pendidikan dan ketiadaan dokumen rasmi	Anggaran 30 peratus penduduk tidak memiliki sijil lahir, menyebabkan anak-anak tidak dapat mendaftar di sekolah formal. Sekolah terdekat terletak jauh dengan kesukaran pengangkutan harian, menyebabkan 40-50 anak tidak hadir ke sekolah.	Sosial Tadbir Urus	Kanak-kanak dan keluarga tanpa dokumen rasmi, komuniti berpendapatan rendah	Kg Pulau Shanghai, Batu Sapi	SDG 4 Pendidikan berkualiti SDG 5 Kesaksamaan gender SDG 10 Mengurangkan ketaksamaan
2.	Krisis air bersih dan tekanan ekonomi isi rumah	Bekalan air bersih tidak stabil. Penduduk bergantung pada air hujan dan membeli air dari Kg Bahagia. Kos air mineral boleh mencecah RM300 sebulan (20 sen per gelen 20-liter), menyebabkan beban kewangan berkelanjutan terhadap isi rumah.	Sosial Ekonomi	Keluarga pulau dengan pendapatan rendah, terutama ibu rumah tangga	Pulau-pulau di Batu Sapi (Kg Pulau Shanghai, Kg Bahagia, Kg Gas)	SDG 1 Tiada kemiskinan SDG 6 Air bersih dan sanitasi SDG 12 Penggunaan dan pengeluaran yang bertanggungjawab

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
3.	Ketiadaan bekalan elektrik stabil dan beban kos utiliti	Bekalan elektrik tidak stabil dengan gangguan kuasa yang kerap. Penduduk menggunakan penjana sendiri dengan kos operasi tinggi. Ini menambah beban kewangan keluarga yang telah kekurangan sumber.	Ekonomi Tadbir Urus	Semua isi rumah pulau, terutama keluarga berpendapatan rendah	Kawasan pulau-pulau	SDG 1 Tiada kemiskinan SDG 7 Tenaga mampu milik dan bersih SDG 13 Tindakan iklim
4.	Kebergantungan sumber kewangan pada kerajaan dan sokongan politik	Organisasi komuniti menghadapi kesukaran mendapatkan dana kerajaan untuk operasi. Akses kepada bantuan dan perhatian bergantung pada hubungan dan sokongan politik, menyebabkan NGO tanpa hubungan politik menghadapi diskriminasi dalam perolehan dana.	Tadbir Urus	Organisasi komuniti, NGO tempatan, pasukan bomba sukarela	Seluruh Kawasan Batu Sapi	SDG 5 Kesaksamaan gender SDG 16 Keamanan, keadilan dan institusi yang teguh SDG 17 Perkongsian untuk mencapai matlamat
5.	Kesihatan mental dan kemerosotan taraf hidup berhadapan tekanan ekonomi	Terdapat kes bunuh diri dalam komuniti yang berkaitan dengan tekanan emosi, konflik rumah tangga dan masalah ekonomi. Kadar perceraian meningkat dalam kalangan pasangan muda dengan faktor ekonomi sebagai	Sosial Ekonomi	Wanita muda, pasangan baru, keluarga berpendapatan rendah	Kg Pulau Shanghai, seluruh Batu Sapi	SDG 1 Tiada kemiskinan SDG 3 Kesihatan dan kesejahteraan yang baik SDG 5 Kesetaraan gender

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		punca utama yang menjejaskan kesejahteraan institusi keluarga.				
6.	Keciciran pendidikan dan ketiadaan peluang ekonomi bagi belia	Pelajar berhenti sekolah kerana kekurangan wang tambang dan keperluan membantu menyara keluarga. Tekanan ekonomi menyebabkan belia tidak meneruskan pendidikan dan terjebak dalam kitaran kemiskinan. Akses kepada peluang pekerjaan berkemahiran juga terbatas.	Sosial Tadbir Urus	Pelajar dari keluarga berpendapatan rendah, belia, kanak-kanak tidak sekolah	Seluruh Batu Sapi	SDG 1 Tiada kemiskinan SDG 4 Pendidikan berkualiti SDG 8 Pekerjaan yang baik dan pertumbuhan ekonomi
7.	Infrastruktur kritikal yang tidak mampan	Infrastruktur utiliti asas tidak memadai dengan gangguan kuasa yang kerap dan bekalan air yang tidak stabil. Sistem infrastruktur yang sedia ada tidak dirancang untuk memenuhi keperluan komuniti pulau dengan kebergantungan pada sumber air hujan. Gangguan ini menyebabkan kehidupan harian terganggu,	Sosial Tadbir Urus	Semua penduduk pulau, terutama keluarga dengan tanggungjawab yang besar, pelajar, pekerja	Semua kawasan pulau Batu Sapi (Kg Pulau Shanghai, Kg Bahagia, Kg Gas dan pulau-pulau lain)	SDG 6 Air bersih dan sanitasi SDG 7 Tenaga mampu milik dan bersih SDG 9 Industri, inovasi dan infrastruktur SDG 11 Bandar dan komuniti mampan SDG 13 Tindakan iklim

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		produktiviti berkurangan, dan darurat kesihatan. Kekurangan peralatan (seperti pam) dan kemudahan penyelenggaraan menambah kesukaran operasi dan meningkatkan kos pembaikan.				

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU

4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu

Jadual 4. Perincian Hasil Dapatan FGD 1

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
FGD 1: Dialog Bersama Komuniti Kg Pulau Shanghai **Tarikh:** 19 Mei 2026 **Bilangan peserta:** 16 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam empat kumpulan			• Jabatan Pendidikan Daerah • Jabatan Air Negeri Sabah • Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) • Majlis Perbandaran Sandakan
1.	Ketiadaan dokumen menjadi kekangan mendapatkan pendidikan	Kampung Pulau Shanghai menghadapi krisis pendidikan yang serius kerana kekurangan dokumen rasmi. Anggaran 30 peratus daripada penduduk tidak mempunyai sijil lahir, yang menyebabkan anak-anak mereka tidak dapat mendaftar di sekolah formal. Sekolah terdekat terletak di "Sebrang" dengan jarak yang memaksa anak-anak menghadapi kesukaran pengangkutan harian. Dianggarkan 40-50 anak tidak pergi ke sekolah disebabkan masalah dokumentasi ini.	**Jabatan Pendidikan Daerah:** Terdapat dua kategori murid yang berbeza, iaitu murid bukan warganegara dan murid tanpa dokumen. Murid bukan warganegara yang mempunyai ibu bapa berdokumen masih boleh bersekolah tertakluk kepada syarat pendaftaran dan bayaran tahunan yang ditetapkan. Murid tanpa dokumen, termasuk ibu bapa yang tidak mempunyai dokumen pengenalan diri, tidak dapat didaftarkan dalam sistem persekolahan walaupun memenuhi syarat tertentu. Keadaan ini turut mengehadkan akses mereka kepada bantuan kerajaan kerana bantuan pendidikan lazimnya disalurkan kepada murid yang berstatus warganegara.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
2.	Kekurangan bekalan air bersih dan peningkatan kos sara hidup	Bekalan air bersih merupakan cabaran utama yang dihadapi oleh penduduk, khususnya di kawasan pulau. Ini kerana mereka tidak mempunyai akses kepada bekalan air paip yang stabil. Penduduk bergantung kepada dua sumber utama, iaitu air hujan dan air yang dibeli dari Kampung Bahagia. Manakala semasa musim kemarau mereka terpaksa membeli air secara berterusan untuk memenuhi keperluan harian. Keadaan ini menyebabkan peningkatan kos sara hidup apabila perbelanjaan untuk membeli air mineral dan air bersih boleh mencecah sekitar RM300 sebulan. Ianya memaksa isi rumah mengurus perbelanjaan dengan lebih berjimat. Selain itu, penduduk turut membeli air dalam gelen berkapasiti 20-liter pada kadar 20 sen setiap gelen, dan pembelian tersebut perlu dilakukan hampir setiap hari. Permasalahan bekalan air ini bukan sahaja menjejaskan kesejahteraan hidup	**Jabatan Air Negeri Sabah:** Jabatan Air sedang melaksanakan kerja pembaikan di dua kawasan takungan air bagi meningkatkan kapasiti bekalan. Air daripada kawasan takungan tersebut akan disalurkan ke loji rawatan untuk dirawat sebelum diagihkan kepada kawasan perkampungan. Jabatan Air turut menjalankan kerja penggantian kerosakan, kajian serta penyelenggaraan di kawasan yang memerlukan pembaikan. Dalam tempoh terdekat, pengorekan sumber air menjadi antara langkah yang boleh dilaksanakan bagi menambah bekalan air. Walau bagaimanapun, penambahbaikan infrastruktur dan kapasiti bekalan masih diperlukan bagi memastikan bekalan air kepada kawasan perkampungan lebih stabil.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		penduduk, malah turut memberikan beban kewangan yang berterusan kepada isi rumah akibat ketiadaan sistem bekalan air bersih yang mampan.	
3.	Ketiadaan bekalan elektrik stabil dan beban kos penggunaan *generator*	Bekalan elektrik turut menjadi antara cabaran utama yang dihadapi oleh penduduk apabila kebanyakan isi rumah masih bergantung kepada *generator* persendirian sebagai sumber tenaga harian. Kos penyediaan elektrik ditanggung sendiri oleh penduduk melalui perkongsian penggunaan *generator*. Sebuah *generator* lazimnya membekalkan elektrik kepada sekitar empat buah rumah. Penduduk berkongsi kos pembelian petrol untuk mengurangkan beban kewangan, Namun perbelanjaan tersebut masih mencecah sekitar RM300 sebulan bagi setiap kumpulan pengguna. Selain itu, penggunaan *generator* memerlukan kira-kira 5 liter petrol setiap malam. Ini menjadikan kos operasi semakin tinggi susulan kenaikan harga bahan api.	Tiada maklum balas daripada agensi berkaitan.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
4.	Pendapatan nelayan yang tidak stabil	Penduduk yang bekerja sebagai nelayan berdepan dengan pendapatan yang tidak menentu kerana aktiviti penangkapan ikan bergantung kepada keadaan cuaca dan laut. Faktor cuaca yang tidak menentu menyebabkan hasil tangkapan dan pendapatan berubah-ubah. Kebanyakan nelayan memperoleh pendapatan sekitar RM1,000 atau kurang sebulan. Walaupun ada masa pendapatan melebihi RM1,000, jumlah tersebut jarang mencapai RM2,000. Ini memberi kesan kepada kestabilan ekonomi dan kehidupan mereka.	**Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM):** Pendapatan nelayan dipengaruhi oleh keadaan ekonomi, hasil tangkapan dan kos operasi. Bagi membantu meringankan beban nelayan, terdapat bantuan sara hidup sebanyak RM300 sebulan kepada penerima yang layak serta subsidi kepada nelayan berdaftar. Di Parlimen Batu Sapi, seramai 706 nelayan berdaftar dengan persatuan nelayan, dengan 299 orang menerima elaun sara hidup dan 543 orang menerima subsidi. Selain bantuan sara hidup dan subsidi, terdapat program peningkatan pendapatan yang menyasarkan nelayan, wanita nelayan dan belia yang terlibat dalam sektor perikanan. Bantuan boleh merangkumi penyediaan peralatan, bangsal serta latihan dan kursus keusahawanan. Pemohon perlu berdaftar dalam kumpulan atau persatuan nelayan dan permohonan akan dinilai berdasarkan potensi aktiviti yang dicadangkan. Golongan belia yang terlibat dalam sektor perikanan turut mempunyai akses kepada program bantuan berbentuk geran sekali bayar sehingga RM20,000, khususnya dalam bentuk peralatan. Selain itu, terdapat bantuan peralatan penangkapan kepada nelayan bagi membantu meningkatkan keupayaan menjalankan aktiviti perikanan

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
			dan pada masa yang sama membolehkan manfaat bantuan disalurkan kepada lebih ramai penerima. Bantuan peralatan seperti pukat, jaket keselamatan dan peralatan berkaitan disalurkan berdasarkan keperluan serta hasil siasatan terhadap pemohon. Pendekatan pemberian peralatan secara individu membolehkan peruntukan tahunan dimanfaatkan oleh lebih ramai nelayan. Bagi Parlimen Batu Sapi, seramai 32 orang telah menerima bantuan melalui program berkenaan. Sokongan turut diberikan kepada anak-anak nelayan, khususnya pelajar yang cemerlang serta mereka yang melanjutkan pendidikan dan tinggal di asrama. Bantuan merangkumi bantuan persekolahan dan bantuan sekali bayar bagi meringankan beban keluarga nelayan. Nelayan yang mengalami bencana atau kerosakan ketika menjalankan aktiviti di laut boleh memohon bantuan bagi meringankan beban. Bantuan tidak semestinya meliputi keseluruhan kos kerugian. Sebaliknya, penilaian akan dibuat oleh jawatankuasa teknikal di kawasan kejadian untuk menentukan bentuk dan jumlah bantuan yang bersesuaian berdasarkan keadaan kerosakan serta keupayaan peruntukan yang tersedia.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
5.	Ancaman keselamatan penduduk	Penduduk meluahkan kebimbangan terhadap keselamatan mereka akibat kewujudan buaya di kawasan perairan berhampiran kampung. Ketika musim air pasang, terdapat penduduk yang sering berada di kawasan jambatan menghadapi risiko berbahaya kerana buaya kerap muncul di sekitar kawasan tersebut. Penduduk memaklumkan bahawa kejadian kemunculan buaya bukan perkara baharu dan pernah berlaku insiden berkaitan, termasuk melihat buaya timbul di kawasan daratan dan laut. Keadaan ini menimbulkan risiko kepada keselamatan penduduk, khususnya mereka yang menjalankan aktiviti harian berhampiran sungai atau kawasan perairan.	Tiada maklum balas daripada agensi berkaitan.
6.	Ketiadaan kemudahan klinik kesihatan berdekatan	Penduduk sebelum ini mempunyai akses kepada kemudahan klinik khas di Kg. Trong Lit. Namun klinik tersebut kini telah dihentikan atau tidak lagi beroperasi.	Tiada maklum balas daripada agensi berkaitan.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Keadaan ini menyebabkan penduduk terpaksa mendapatkan rawatan di bandar, termasuk membawa anak-anak untuk mendapatkan pemeriksaan atau rawatan. Perubahan ini menyukarkan penduduk kerana jarak perjalanan menjadi lebih jauh berbanding sebelum ini apabila kemudahan kesihatan masih tersedia berhampiran kampung.	
7.	Ketiadaan pengurusan sisa yang sistematik	Pengurusan sampah di kampung ini tidak teratur. Sampah dibuang terus ke laut atau dibuang di rumah tanpa ada kaedah pengumpulan yang rasmi. Difahamkan tidak ada inisiatif daripada Majlis Perbandaran Sandakan untuk mengumpulkan atau mengelola sampah di kampung.	**Majlis Perbandaran Sandakan:** Perkhidmatan pengangkutan sisa pepejal dari kawasan pulau ke tanah besar Sandakan masih belum tersedia. Keadaan ini menyukarkan proses pengumpulan dan pengurusan sisa pepejal yang dihasilkan di kawasan pulau. Majlis Perbandaran Sandakan sedang mengusahakan cadangan kutipan sampah di kawasan pesisir pantai melalui penyediaan kertas kerja bersama pihak berkaitan. Cadangan tersebut masih dalam proses dan status pelaksanaannya belum dapat dipastikan. Perkara ini turut dibincangkan melalui jawatankuasa berkaitan sebagai usaha untuk meningkatkan pengurusan sisa pepejal di kawasan pesisir dan pulau.

Jadual 5. Perincian Hasil Dapatan FGD 2

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
FGD 2: Dialog Bersama Komuniti Kg Trong Lit **Tarikh:**3 Mac 2025 **Bilangan peserta:**18 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam empat kumpulan			• Jabatan Air Negeri Sabah • Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) • Jabatan Hidupan Liar • Majlis Perbandaran Sandakan (MPS)
1.	*Kelewatan penyambungan bekalan elektrik dan beban kos penggunaan generator*	Kemudahan asas untuk bekalan elektrik sebenarnya telah tersedia, termasuk pemasangan tiang dan wayar elektrik. Namun sambungan elektrik masih belum dilaksanakan sehingga kini walaupun kemudahan tersebut telah lama dibina. Keadaan ini menyebabkan penduduk terus bergantung kepada penggunaan *generator* sebagai sumber elektrik harian. Penggunaan *generator* pula memerlukan kos bahan api yang tinggi. Penduduk perlu mengeluarkan perbelanjaan yang besar setiap malam kerana penggunaan minyak yang banyak. Keadaan ini menambah beban kewangan penduduk, terutama apabila harga bahan api semakin meningkat.	Tiada maklum balas daripada agensi berkaitan.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
2.	Kekurangan sumber air bersih	Penduduk menghadapi kesukaran mendapatkan bekalan air kerana perlu menggunakan bot untuk mengambil air melalui sungai. Sebelum ini akses kepada sumber air lebih mudah. Penduduk turut bergantung kepada sebuah perigi lama yang telah wujud sejak dahulu. Namun saiznya kecil dan kini semakin kering. Walaupun jumlah penduduk melebihi 300 orang, mereka masih bergantung kepada sumber air yang terhad tersebut untuk kegunaan harian.	**Jabatan Air Negeri Sabah:** Jabatan Air sedang melaksanakan kerja pembaikan di dua kawasan takungan air bagi meningkatkan kapasiti bekalan. Air daripada kawasan takungan tersebut akan disalurkan ke loji rawatan untuk dirawat sebelum diagihkan kepada kawasan perkampungan. Jabatan Air turut menjalankan kerja penggantian kerosakan, kajian serta penyelenggaraan di kawasan yang memerlukan pembaikan. Dalam tempoh terdekat, pengorekan sumber air menjadi antara langkah yang boleh dilaksanakan bagi menambah bekalan air. Walau bagaimanapun, penambahbaikan infrastruktur dan kapasiti bekalan masih diperlukan bagi memastikan bekalan air kepada kawasan perkampungan lebih stabil.
3.	Kemerosotan sumber pendapatan nelayan	Kemerosotan sumber pendapatan nelayan merupakan antara cabaran utama yang menjejaskan kesejahteraan ekonomi komuniti pesisir. Penduduk memaklumkan bahawa hasil tangkapan ikan semakin berkurangan berbanding sebelum ini akibat pertambahan bot dan kapal yang beroperasi di kawasan	**Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM):** Pendapatan nelayan dipengaruhi oleh keadaan ekonomi, hasil tangkapan dan kos operasi. Bagi membantu meringankan beban nelayan, terdapat bantuan sara hidup sebanyak RM300 sebulan kepada penerima yang layak serta subsidi kepada nelayan berdaftar. Di Parlimen Batu Sapi, seramai 706 nelayan berdaftar dengan persatuan nelayan, dengan 299 orang menerima elaun sara hidup dan 543 orang menerima subsidi.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		perairan sehingga mengehadkan ruang serta peluang nelayan kecil untuk menangkap ikan. Keadaan tersebut menyebabkan sebahagian nelayan terpaksa menjual bot mereka kerana hasil yang diperoleh tidak lagi mampu menampung kos operasi. Selain itu, nelayan turut berdepan dengan masalah kerosakan enjin sangkut yang kerap berlaku. Ini mengganggu aktiviti menangkap ikan dan meningkatkan kos penyelenggaraan. Gabungan faktor persaingan di kawasan perairan, hasil tangkapan yang semakin berkurangan serta kos penyelenggaraan peralatan yang tinggi memberi kesan langsung terhadap pendapatan dan kelangsungan mata pencarian nelayan kecil di kawasan tersebut.	Selain bantuan sara hidup dan subsidi, terdapat program peningkatan pendapatan yang menyasarkan nelayan, wanita nelayan dan belia yang terlibat dalam sektor perikanan. Bantuan boleh merangkumi penyediaan peralatan, bangsal serta latihan dan kursus keusahawanan. Pemohon perlu berdaftar dalam kumpulan atau persatuan nelayan dan permohonan akan dinilai berdasarkan potensi aktiviti yang dicadangkan. Golongan belia yang terlibat dalam sektor perikanan turut mempunyai akses kepada program bantuan berbentuk geran sekali bayar sehingga RM20,000, khususnya dalam bentuk peralatan. Selain itu, terdapat bantuan peralatan penangkapan kepada nelayan bagi membantu meningkatkan keupayaan menjalankan aktiviti perikanan dan pada masa yang sama membolehkan manfaat bantuan disalurkan kepada lebih ramai penerima. Bantuan peralatan seperti pukat, jaket keselamatan dan peralatan berkaitan disalurkan berdasarkan keperluan serta hasil siasatan terhadap pemohon. Pendekatan pemberian peralatan secara individu membolehkan peruntukan tahunan dimanfaatkan oleh lebih ramai nelayan. Bagi Parlimen Batu Sapi, seramai 32 orang telah menerima bantuan melalui program berkenaan.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
			Sokongan turut diberikan kepada anak-anak nelayan, khususnya pelajar yang cemerlang serta mereka yang melanjutkan pendidikan dan tinggal di asrama. Bantuan merangkumi bantuan persekolahan dan bantuan sekali bayar bagi meringankan beban keluarga nelayan. Nelayan yang mengalami bencana atau kerosakan ketika menjalankan aktiviti di laut boleh memohon bantuan bagi meringankan beban. Bantuan tidak semestinya meliputi keseluruhan kos kerugian. Sebaliknya, penilaian akan dibuat oleh jawatankuasa teknikal di kawasan kejadian untuk menentukan bentuk dan jumlah bantuan yang bersesuaian berdasarkan keadaan kerosakan serta keupayaan peruntukan yang tersedia.
4.	Kekangan tapak kemudahan kesihatan	Penduduk berdepan masalah ketiadaan klinik kesihatan di kawasan kampung. Usaha telah dibuat melalui pihak Jabatan Kesihatan untuk mendapatkan tapak bagi pembinaan klinik. Namun, proses tersebut menghadapi halangan berkaitan status tanah apabila pemilik tanah telah menggunakan khidmat peguam dan menetapkan syarat tertentu termasuk bayaran bagi tapak klinik.	Tiada maklum balas daripada agensi berkaitan.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Keadaan ini menyebabkan usaha penyediaan kemudahan kesihatan menjadi sukar dan tertangguh. Hasilnya, ia menjejaskan akses penduduk kepada perkhidmatan kesihatan yang lebih dekat.	
5.	Ketiadaan sistem pengurusan sisa pepejal	Penduduk tidak mempunyai kemudahan tong sampah atau sistem pelupusan sampah yang teratur. Ia menyebabkan mereka memilih untuk membuang sampah ke laut sebagai kaedah pelupusan. Penduduk juga mengelakkan kaedah pembakaran kerana bimbang api boleh merebak dan menyebabkan kebakaran di kawasan daratan. Keadaan ini menunjukkan ketiadaan kaedah pengurusan sisa pepejal yang selamat dan berkesan. Kesannya adalah pencemaran alam sekitar, khususnya kawasan perairan.	**Majlis Perbandaran Sandakan:** Perkhidmatan pengangkutan sisa pepejal dari kawasan pulau ke tanah besar Sandakan masih belum tersedia. Keadaan ini menyukarkan proses pengumpulan dan pengurusan sisa pepejal yang dihasilkan di kawasan pulau. Majlis Perbandaran Sandakan sedang mengusahakan cadangan kutipan sampah di kawasan pesisir pantai melalui penyediaan kertas kerja bersama pihak berkaitan. Cadangan tersebut masih dalam proses dan status pelaksanaannya belum dapat dipastikan. Perkara ini turut dibincangkan melalui jawatankuasa berkaitan sebagai usaha untuk meningkatkan pengurusan sisa pepejal di kawasan pesisir dan pulau.
6.	Gangguan hidupan liar (monyet)	Hidupan liar seperti monyet mengganggu ketenteraman penduduk. Monyet akan memasuki rumah, mencuri makanan dan merosakkan harta benda penduduk setempat.	**Jabatan Hidupan Liar:** Gangguan monyet berlaku di kawasan yang mempunyai sumber makanan. Jabatan Hidupan Liar menyediakan perangkap pukat bagi menangkap monyet yang mengganggu penduduk. Tiga perangkap tambahan telah

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
			disediakan dan setiap perangkap boleh memuatkan sehingga 30 ekor. Namun, kaedah perangkap tidak sesuai untuk semua spesis kerana terdapat spesies yang tidak turun ke kawasan tanah. Bagi keadaan tersebut, tindakan melalui unit penyelamat diperlukan. Jabatan Hidupan Liar tidak mempunyai bot sendiri untuk menjalankan operasi di kawasan tertentu dan perlu bergantung kepada bot penduduk. Selain itu, terdapat kes perangkap yang diletakkan di kawasan kampung telah dicuri. Keadaan ini menjejaskan pelaksanaan operasi dan memerlukan kerjasama penduduk dalam memantau serta menjaga peralatan yang disediakan. Jabatan Hidupan Liar merancang melaksanakan program kesedaran berkaitan hidupan liar di sekolah dan seterusnya di kawasan kampung. Program ini bertujuan meningkatkan pengetahuan penduduk mengenai keselamatan, jenis hidupan liar serta tindakan yang perlu diambil sekiranya berlaku gangguan.
7.	Pencerobohan nelayan asing	Masalah utama yang dihadapi Kampung Tronglit adalah pencerobohan nelayan dari luar kawasan yang datang pada waktu malam dan siang.	Agensi berkaitan tidak hadir memberikan maklum balas.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Mereka menangkap ikan di kawasan yang di luar sempadan mereka, dan kadang-kadang membawa perkakas berbahaya seperti parang dan mengancam penduduk tempatan. Dulu terdapat pegawai keselamatan (PGA) yang mengawal. Tetapi kerana sekarang sudah tiada, mereka bertindak lebih berani.	

Jadual 6. Perincian Hasil Dapatan FGD 3

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
FGD 3: Dialog Bersama Komuniti Terusan Baru **Tarikh:** 2 Mac 2025 **Bilangan peserta:** 26 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam empat kumpulan			• Jabatan Air Negeri Sabah • Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) • Jabatan Pendidikan Daerah • Jabatan Hidupan Liar • Majlis Perbandaran Sandakan
1.	Ketiadaan bekalan air bersih dan terawat	Kampung Terusan Baru menghadapi masalah air yang serius. Kampung tidak ada bekalan air bersih yang mencukupi. Penduduk terpaksa membeli air mineral dengan harga RM10 sekotak, di mana satu keluarga dapat menghabiskan 3 kotak setiap 3 hari atau 8 kotak sebulan hanya untuk keperluan minum. Sumber air tempatan seperti kolam dan mata air sudah keruh, kotor dan tidak dapat digunakan. Air dari Pulau Timbang juga jauh dan sukar diakses. Alternatif lain ialah mengambil air jernih dari sungai untuk memasak dan keperluan isi rumah. Ada mata air di kawasan sini tetapi	**Jabatan Air Negeri Sabah:** Kawasan perkampungan dikenal pasti mengalami kekurangan sumber air dan bekalan air yang tidak stabil. Keadaan ini memerlukan penambahan kapasiti sumber air serta penyelenggaraan terhadap kemudahan sedia ada. Jabatan Air sedang melaksanakan kerja pembaikan di dua kawasan takungan air bagi meningkatkan kapasiti bekalan. Air daripada kawasan takungan tersebut akan disalurkan ke loji rawatan untuk dirawat sebelum diagihkan kepada kawasan perkampungan. Jabatan Air turut menjalankan kerja penggantian kerosakan, kajian serta penyelenggaraan di kawasan yang memerlukan pembaikan. Dalam tempoh terdekat, pengorekan sumber air menjadi antara langkah yang boleh dilaksanakan bagi menambah

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		perlu penggalian lebih dalam untuk mendapatkan air bersih yang mencukupi.	bekalan air. Walau bagaimanapun, penambahbaikan infrastruktur dan kapasiti bekalan masih diperlukan bagi memastikan bekalan air kepada kawasan perkampungan lebih stabil.
2.	Ketiadaan jalan raya darat	Kampung Terusan Baru sangat memerlukan pembangunan jalan raya untuk menghubungkan ke bandar. Penduduk mohon jalan dari hutan simpan menuju Batu 24 (kilometer bertanda 24) untuk mempermudah akses ke bandar. Lokasi kampung dikelilingi hutan simpan dan estet di sebelah, yang menjadikan pembangunan jalan lebih kompleks. Jalan melalui hutan simpan juga memerlukan persetujuan daripada Jabatan Perhutanan. Ada cadangan untuk membuat jalan dari arah lain melalui estet. Jarak yang jauh dan topografi berbukit-bukit menjadi cabaran. Kampung ini juga mengharapkan pembangunan infrastruktur kampung lain seperti jambatan dan sekolah.	Agensi berkaitan tidak memberikan maklum balas.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
3.	Projek bekalan elektrik yang tertangguh	Isu kelewatan penyiapan projek bekalan elektrik solar terus memberi kesan kepada kesejahteraan penduduk apabila projek yang telah dimulakan sejak 2008 masih belum siap sepenuhnya. Berdasarkan dapatan FGD, pembinaan projek tersebut dilaporkan telah mencapai kira-kira 70% sebelum kerja-kerja dihentikan pada tahun 2024, namun sehingga kini tiada perkembangan lanjut mengenai penyiapannya. Kelewatan ini menyebabkan penduduk terus bergantung kepada *generator* persendirian bagi mendapatkan bekalan elektrik, sekali gus menanggung kos penggunaan yang tinggi sehingga sekitar RM450 sebulan bagi penggunaan pada waktu malam sahaja. Keadaan ini meningkatkan beban kewangan isi rumah. Ia turut menimbulkan persoalan terhadap keberkesanan pelaksanaan dan pemantauan projek pembangunan infrastruktur asas.	Agensi berkaitan tidak memberikan maklum balas.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
4.	Ketidakstabilan pendapatan nelayan	Pendapatan nelayan kecil bergantung kepada keadaan hasil tangkapan dan faktor nasib. Ini menyebabkan jumlah pendapatan harian dan bulanan sukar dijangka. Penduduk memaklumkan bahawa hasil tangkapan boleh berubah secara ketara, contohnya memperoleh sekitar RM100 dalam satu hari, namun pada hari berikutnya hanya sekitar RM10 hingga RM20, bergantung kepada keadaan laut dan rezeki. Secara purata, pendapatan bulanan nelayan kecil dianggarkan sekitar RM800 ke RM1,000, yang dianggap tidak mencukupi memandangkan mereka turut berdepan dengan peningkatan kos operasi seperti minyak, penyelenggaraan bot dan peralatan menangkap ikan. Penduduk mencadangkan agar bantuan rasmi seperti penyediaan peralatan sangkar, benih ikan dan sokongan kepada aktiviti akuakultur diperluaskan sebagai langkah	**Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia:** Pendapatan nelayan dipengaruhi oleh keadaan ekonomi, hasil tangkapan dan kos operasi. Bagi membantu meringankan beban nelayan, terdapat bantuan sara hidup sebanyak RM300 sebulan kepada penerima yang layak serta subsidi kepada nelayan berdaftar. Di Parlimen Batu Sapi, seramai 706 nelayan berdaftar dengan persatuan nelayan, dengan 299 orang menerima elaun sara hidup dan 543 orang menerima subsidi. Selain bantuan sara hidup dan subsidi, terdapat program peningkatan pendapatan yang menyasarkan nelayan, wanita nelayan dan belia yang terlibat dalam sektor perikanan. Bantuan merangkumi penyediaan peralatan, bangsal serta latihan dan kursus keusahawanan. Pemohon perlu berdaftar dalam kumpulan atau persatuan nelayan dan permohonan akan dinilai berdasarkan potensi aktiviti yang dicadangkan. Golongan belia yang terlibat dalam sektor perikanan turut mempunyai akses kepada program bantuan berbentuk geran sekali bayar sehingga RM20,000, khususnya dalam bentuk peralatan. Selain itu, terdapat bantuan peralatan penangkapan kepada nelayan bagi membantu meningkatkan keupayaan menjalankan aktiviti perikanan

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		mempelbagaikan sumber pendapatan serta meningkatkan daya tahan ekonomi komuniti nelayan..	dan pada masa yang sama membolehkan manfaat bantuan disalurkan kepada lebih ramai penerima. Bantuan peralatan seperti pukat, jaket keselamatan dan peralatan berkaitan disalurkan berdasarkan keperluan serta hasil siasatan terhadap pemohon. Pendekatan pemberian peralatan secara individu membolehkan peruntukan tahunan dimanfaatkan oleh lebih ramai nelayan. Bagi Parlimen Batu Sapi, seramai 32 orang telah menerima bantuan melalui program berkenaan. Nelayan yang mengalami bencana atau kerosakan ketika menjalankan aktiviti di laut boleh memohon bantuan bagi meringankan beban. Bantuan tidak semestinya meliputi keseluruhan kos kerugian. Sebaliknya, penilaian akan dibuat oleh jawatankuasa teknikal di kawasan kejadian untuk menentukan bentuk dan jumlah bantuan yang bersesuaian berdasarkan keadaan kerosakan serta keupayaan peruntukan yang tersedia.
5.	Ketiadaan klinik kesihatan	Akses kepada kemudahan kesihatan merupakan antara keperluan mendesak yang dibangkitkan oleh penduduk, khususnya bagi komuniti di kawasan pulau. Ketiadaan klinik kesihatan di kawasan penempatan memaksa penduduk	Agensi berkaitan tidak memberikan maklum balas.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		mendapatkan rawatan di lokasi yang lebih jauh. Ia meningkatkan kos pengangkutan dan menyukarkan akses kepada perkhidmatan kesihatan. Keadaan ini memberi kesan yang lebih besar kepada golongan rentan seperti ibu mengandung, warga emas dan individu kurang upaya atau mempunyai masalah penglihatan. Mereka perlu menggunakan bot untuk mendapatkan rawatan.	
6.	Kos bahan bakar yang meningkat	Peningkatan harga minyak, terutamanya bagi bahan api tanpa subsidi, telah meningkatkan kos perjalanan harian dan menjejaskan keupayaan penduduk untuk mendapatkan bekalan keperluan asas serta mengakses perkhidmatan di tanah besar. Bagi nelayan, kos pembelian minyak turut menjadi beban utama kerana hasil tangkapan yang diperoleh sering kali tidak mampu menampung perbelanjaan operasi.	**Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia:** Pendapatan nelayan dipengaruhi oleh keadaan ekonomi, hasil tangkapan dan kos operasi. Bagi membantu meringankan beban nelayan, terdapat bantuan sara hidup sebanyak RM300 sebulan kepada penerima yang layak serta subsidi kepada nelayan berdaftar. Di Parlimen Batu Sapi, seramai 706 nelayan berdaftar dengan persatuan nelayan, dengan 299 orang menerima elaun sara hidup dan 543 orang menerima subsidi.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Ini menyebabkan keuntungan yang diterima semakin berkurangan atau mengalami kerugian. Penduduk berharap kerajaan dapat mempertimbangkan penambahbaikan kadar subsidi atau bantuan bahan api bagi mengurangkan beban kos sara hidup dan memastikan kelangsungan aktiviti ekonomi komuniti pesisir.	
7.	Akses kepada pendidikan yang baik	Ketiadaan sekolah menengah di kawasan penempatan menyebabkan pelajar yang melanjutkan pelajaran ke tingkatan satu perlu berpindah dan tinggal di asrama di kawasan bandar. Keadaan ini mewujudkan cabaran kepada keluarga kerana anak-anak terpaksa berjauhan daripada ibu bapa. Ia juga menimbulkan kebimbangan terhadap keselamatan dan kebajikan mereka. Kebimbangan ini semakin meningkat susulan pelbagai isu sosial seperti kes buli yang berlaku di persekitaran sekolah berasrama.	**Jabatan Pendidikan Daerah:** Kemudahan asrama disediakan bagi membantu keluarga yang menghadapi kekangan kewangan, khususnya dalam menanggung kos pengangkutan, makanan dan tempat tinggal pelajar. Walau bagaimanapun, penggunaan kemudahan asrama masih belum mencapai kapasiti yang disediakan. Kapasiti asrama SMK Batu Sapi adalah 200 orang, namun hanya 147 orang pelajar ditempatkan di asrama. Bagi SMK Batu Sapi 2 pula, daripada kapasiti 200 orang, hanya 85 permohonan diterima. Keadaan ini menunjukkan kemudahan asrama yang tersedia masih belum dimanfaatkan sepenuhnya oleh pelajar yang menghadapi masalah jarak dan kos pendidikan.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
			Kemudahan asrama dapat mengurangkan cabaran tersebut dengan menyediakan tempat tinggal, makanan dan akses yang lebih dekat kepada sekolah. Namun, terdapat pelajar dan keluarga yang tidak memilih untuk menggunakan kemudahan asrama atas faktor tidak mahu berjauhan daripada keluarga. Murid yang tidak dapat bersekolah pula tertakluk kepada peraturan pendidikan yang sedang berkuat kuasa.
8.	Gangguan hidupan liar	Penduduk memaklumkan bahawa gangguan monyet berlaku secara meluas dan menjejaskan hampir keseluruhan kawasan penempatan. Keadaan ini berpotensi memberi kesan kepada keselamatan penduduk, kebersihan persekitaran serta aktiviti harian komuniti, termasuk kemungkinan kerosakan terhadap tanaman atau harta benda.	**Jabatan Hidupan Liar:** Jabatan Hidupan Liar menyediakan perangkap pukat bagi menangkap monyet yang mengganggu penduduk. Tiga perangkap tambahan telah disediakan dan setiap perangkap boleh memuatkan sehingga 30 ekor. Namun, kaedah perangkap tidak sesuai untuk semua spesies kerana terdapat spesies yang tidak turun ke kawasan tanah. Bagi keadaan tersebut, tindakan melalui unit penyelamat diperlukan. Jabatan Hidupan Liar juga tidak mempunyai bot sendiri untuk menjalankan operasi di kawasan tertentu dan perlu bergantung kepada bot penduduk. Selain itu, terdapat kes perangkap yang diletakkan di kawasan kampung telah dicuri. Keadaan ini menjejaskan pelaksanaan operasi dan memerlukan kerjasama penduduk dalam memantau serta menjaga peralatan yang disediakan.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
			Jabatan Hidupan Liar merancang melaksanakan program kesedaran berkaitan hidupan liar di sekolah dan seterusnya di kawasan kampung. Program ini bertujuan meningkatkan pengetahuan penduduk mengenai keselamatan, jenis hidupan liar serta tindakan yang perlu diambil sekiranya berlaku gangguan.
9.	Ketiadaan dokumen identiti rasmi	Terdapat kebimbangan dalam kalangan penduduk berkaitan individu yang tidak memiliki dokumen pengenalan diri seperti kad pengenalan (IC). Ia menyebabkan mereka menghadapi kesukaran untuk mendapatkan pengiktirafan sebagai penduduk serta mengakses kemudahan tertentu. Keadaan ini turut memberi kesan kepada generasi seterusnya apabila status dokumentasi ibu bapa boleh mempengaruhi proses pendaftaran dan pengesahan identiti anak-anak.	Agensi berkaitan tidak memberikan maklum balas.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
10.	Penambahbaikan akses kepada bantuan	Penduduk berpandangan bahawa mekanisme penyampaian bantuan perlu mengambil kira tahap kesusahan serta keadaan sebenar golongan yang memerlukan. Ini agar proses mendapatkan bantuan tidak menambah beban sedia ada. Kos yang perlu ditanggung bagi menguruskan permohonan, termasuk perbelanjaan perjalanan dan urusan berkaitan, dilihat sebagai halangan kepada penduduk untuk mendapatkan manfaat bantuan yang disediakan.	Agensi berkaitan tidak memberikan maklum balas.
11.	Ketiadaan pengurusan sisa yang sistematik	Penduduk menghadapi kesukaran untuk menghantar sisa buangan ke bandar kerana faktor jarak dan kebergantungan kepada pengangkutan bot, sekali gus menyebabkan proses pelupusan sampah menjadi rumit dan memerlukan kos tambahan. Penduduk turut mempersoalkan penyelesaian jangka panjang sekiranya sampah hanya disimpan di rumah tanpa	**Majlis Perbandaran Sandakan:** Perkhidmatan pengangkutan sisa pepejal dari kawasan pulau ke tanah besar Sandakan masih belum tersedia. Keadaan ini menyukarkan proses pengumpulan dan pengurusan sisa pepejal yang dihasilkan di kawasan pulau. Majlis Perbandaran Sandakan sedang mengusahakan cadangan kutipan sampah di kawasan pesisir pantai melalui penyediaan kertas kerja bersama pihak berkaitan. Cadangan tersebut masih dalam proses dan status

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		mekanisme kutipan yang jelas daripada pihak bertanggungjawab.	pelaksanaannya belum dapat dipastikan. Perkara ini turut dibincangkan melalui jawatankuasa berkaitan sebagai usaha untuk meningkatkan pengurusan sisa pepejal di kawasan pesisir dan pulau.

Jadual 7. Perincian Hasil Dapatan FGD 4

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
FGD 4: Dialog Bersama Komuniti Kg Bokara **Tarikh:** 20 Mei 2026 **Bilangan peserta:** 15 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam empat kumpulan			• Jabatan Air Negeri Sabah • Jabatan Bomba dan Penyelamat • Majlis Perbandaran Sandakan
1.	Gangguan bekalan air	Penduduk memaklumkan bahawa bekalan air sering terhenti secara tiba-tiba walaupun baru dipulihkan dalam tempoh yang singkat. Ini menyebabkan mereka sentiasa berdepan dengan ketidakpastian dalam memenuhi keperluan harian. Keadaan ini memberi kesan yang lebih besar kepada golongan warga emas yang terpaksa meluangkan banyak masa untuk menadah dan menyimpan air apabila bekalan kembali pulih.	**Jabatan Air Negeri Sabah:** Jabatan Air sedang melaksanakan kerja pembaikan di dua kawasan takungan air bagi meningkatkan kapasiti bekalan. Air daripada kawasan takungan tersebut akan disalurkan ke loji rawatan untuk dirawat sebelum diagihkan kepada kawasan perkampungan. Jabatan Air turut menjalankan kerja penggantian kerosakan, kajian serta penyelenggaraan di kawasan yang memerlukan pembaikan. Dalam tempoh terdekat, pengorekan sumber air menjadi antara langkah yang boleh dilaksanakan bagi menambah bekalan air. Walau bagaimanapun, penambahbaikan infrastruktur dan kapasiti bekalan masih diperlukan bagi memastikan bekalan air kepada kawasan perkampungan lebih stabil.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
2.	Ketiadaan sistem pengurusan sisa pepejal dan pengurusan kebersihan persekitaran	Wakil komuniti memaklumkan bahawa masalah pembuangan sampah di kawasan bawah rumah atau ke laut masih berlaku dan telah menjadi amalan dalam kalangan sebahagian penduduk. Keadaan ini berpunca daripada ketiadaan sistem pengurusan sisa yang berkesan serta kesedaran masyarakat yang masih rendah terhadap amalan pelupusan sampah secara lestari. Pembuangan sampah ke kawasan bawah kolong bukan sahaja mencemarkan alam sekitar, malah berpotensi menjejaskan kesihatan awam, ekosistem marin dan kualiti hidup komuniti setempat.	**Majlis Perbandaran Sandakan:** Majlis Perbandaran Sandakan sedang mengusahakan cadangan kutipan sampah di kawasan pesisir pantai melalui penyediaan kertas kerja bersama pihak berkaitan. Cadangan tersebut masih dalam proses dan status pelaksanaannya belum dapat dipastikan. Perkara ini turut dibincangkan melalui jawatankuasa berkaitan sebagai usaha untuk meningkatkan pengurusan
3.	Ancaman bencana kebakaran	Penduduk memaklumkan bahawa ketiadaan kemudahan atau aset Jabatan Bomba yang dapat memberikan tindak balas melalui laluan laut menyukarkan usaha pemadaman kebakaran apabila insiden berlaku. Komuniti mengutarakan bahawa kawasan tersebut telah mengalami dua kejadian	**Jabatan Bomba dan Penyelamat:** Sumber dan akses air serta kemudahan sokongan kecemasan di kawasan perkampungan terbatas. Keadaan ini khususnya berlaku di kampung air dan kawasan tepi laut. Bekalan air bergantung kepada sistem sedia ada dan boleh terjejas sekiranya bekalan air dihentikan oleh

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		kebakaran**,** sekali gus menunjukkan tahap kerentanan penempatan terhadap risiko bencana.	Jabatan Air. Keadaan ini boleh menimbulkan kesukaran sekiranya berlaku kecemasan seperti kebakaran. Cadangan yang dikemukakan adalah menyediakan tempat penyimpanan air sebagai sumber simpanan kecemasan. Selain itu, akses fizikal ke kawasan kampung air dan penempatan lama adalah terhad, terutama bagi kenderaan agensi yang memerlukan akses ke lokasi kecemasan. Keadaan jalan yang sempit serta kekangan tempat letak kenderaan menyukarkan pergerakan dan bantuan agensi. Penambahbaikan serta peluasan jalan perlu dipertimbangkan berdasarkan keperluan dan peruntukan yang tersedia bagi meningkatkan akses ke kawasan tersebut.
4.	Kesesakan lalu lintas di jalan kampung	Penduduk memaklumkan bahawa laluan masuk ke kampung masih menggunakan jalan sehala. Ini menyebabkan kesesakan sering berlaku, khususnya apabila berlaku peningkatan aliran kenderaan dari kawasan pelabuhan.	**Majlis Perbandaran Sandakan:** Kesesakan berlaku akibat kenderaan yang diletakkan di sepanjang laluan sehingga menghalang pergerakan trafik. Laluan asal merupakan jalan dua lorong dengan aliran dua hala. Namun, keadaan parkir yang berlebihan menyebabkan ruang laluan menjadi terhad dan mengganggu kelancaran trafik.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Selain itu, masalah kenderaan rosak yang dibiarkan di kawasan parkir awam turut mengurangkan ruang parkir dan menyumbang kepada kesesakan lalu lintas di dalam kampung. Penduduk turut menekankan kepentingan meningkatkan kesedaran dalam kalangan pemilik kenderaan agar tidak meletakkan atau meninggalkan kenderaan yang tidak lagi digunakan di kawasan awam. Kesesakan yang berlaku bukan sahaja berpunca daripada kapasiti jalan yang terhad, malah turut dipengaruhi oleh pengurusan parkir dan penggunaan ruang awam yang kurang teratur.	Perubahan aliran laluan kepada dua lorong sehala telah dilaksanakan bagi mengurangkan kesan kesesakan akibat kenderaan yang diparkir. Namun, masalah kesesakan masih berpotensi berlaku sekiranya kenderaan terus diletakkan di bahu atau ruang laluan jalan. Pada masa ini, tiada cadangan pembangunan untuk meluaskan jalan tersebut kerana jaringan jalan sedia ada di kawasan berdekatan telah mempunyai kapasiti empat lorong dua hala. Oleh itu, pengurusan dan kawalan parkir merupakan langkah utama yang perlu diberi perhatian.
5.	Ketiadaan dokumentasi pengenalan diri	Terdapat penduduk yang memiliki sijil kelahiran tetapi masih gagal memperoleh kad pengenalan. Ini kerana kesilapan kecil pada maklumat peribadi, seperti kesalahan satu huruf pada nama. Penduduk memaklumkan bahawa mereka berulang kali diminta membuat pembetulan dokumen. Namun proses tersebut	Tiada maklum balas daripada agensi berkaitan.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		berlarutan sehingga bertahun-tahun tanpa penyelesaian, walaupun kesilapan tersebut bukan berpunca daripada mereka. Keadaan ini menyebabkan sebahagian individu masih tidak memiliki kad pengenalan walaupun mempunyai sijil kelahiran yang sah.	
6.	Penyalahgunaan dan pengedaran dadah	Penduduk memaklumkan bahawa telah berlaku kes berkaitan dadah yang melibatkan tindakan penguatkuasaan oleh AADK dan PDRM, sehingga membawa kepada pertuduhan terhadap individu yang terlibat. Penduduk turut berpandangan bahawa aktiviti pengedaran dadah bukan sahaja melibatkan individu dari luar kawasan, malah dipercayai mempunyai rangkaian atau pihak yang membantu pengedarannya di komuniti setempat. Perkara ini telah direkodkan dalam saluran aduan kampung sebagai isu yang memerlukan perhatian serius.	Tiada maklum balas daripada agensi berkaitan.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
7.	Kekurangan ruang tanah perkuburan Islam	Tanah perkuburan sedia ada dilaporkan telah mencapai kapasiti maksimum dan tidak lagi mampu menampung keperluan komuniti setempat. Penduduk memaklumkan bahawa kekurangan ruang ini turut dipengaruhi oleh penggunaan tanah perkuburan oleh individu dari luar kawasan. Ia mempercepatkan kekangan kapasiti yang dihadapi. Selain itu, ketiadaan pagar di kawasan perkuburan menyebabkan orang luar bebas keluar masuk. Ini menimbulkan kebimbangan terhadap pengurusan dan keselamatan kawasan tersebut. Penduduk memohon agar kerajaan mempertimbangkan penyediaan tanah wakaf baharu bagi menampung keperluan perkuburan komuniti serta membina pagar di kawasan perkuburan sedia ada bagi memastikan pengurusan yang lebih teratur, menjaga kesucian kawasan perkuburan dan mengelakkan berulangnya isu sama.	Tiada maklum balas daripada agensi berkaitan.

Jadual 8. Perincian Hasil Dapatan FGD 5

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
FGD 5: Dialog Bersama Komuniti Kg Karamunting Bukit Nenas **Tarikh:** 20 Mei 2025 **Bilangan peserta:** 20 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam empat kumpulan			• Majlis Perbandaran Sandakan • Jabatan Air Negeri Sabah • Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) • Sabah Tourism Board (STB)
1.	Bekalan air yang tidak konsisten dan kelewatan penyambungan perkhidmatan air	Penduduk telah mengemukakan permohonan sambungan bekalan air sejak tahun 2024**.** Namun, masih belum menerima sebarang penyelesaian selepas hampir dua tahun. Selain itu, walaupun bekalan air secara umumnya tersedia, gangguan bekalan masih berlaku dari semasa ke semasa, dengan tempoh gangguan lazimnya antara 1 hingga 3 hari sebelum pulih semula.	**Jabatan Air Negeri Sabah:** Kawasan perkampungan dikenal pasti mengalami kekurangan sumber air dan bekalan air yang tidak stabil. Keadaan ini memerlukan penambahan kapasiti sumber air serta penyelenggaraan terhadap kemudahan sedia ada. Jabatan Air sedang melaksanakan kerja pembaikan di dua kawasan takungan air bagi meningkatkan kapasiti bekalan. Air daripada kawasan takungan tersebut akan disalurkan ke loji rawatan untuk dirawat sebelum diagihkan kepada kawasan perkampungan. Jabatan Air turut menjalankan kerja penggantian kerosakan, kajian serta penyelenggaraan di kawasan yang memerlukan pembaikan. Dalam tempoh terdekat, pengorekan sumber air menjadi antara langkah yang boleh dilaksanakan bagi menambah bekalan air. Walau bagaimanapun, penambahbaikan

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
			infrastruktur dan kapasiti bekalan masih diperlukan bagi memastikan bekalan air kepada kawasan perkampungan lebih stabil.
2.	Akses kepada bekalan elektrik	Mengikut pandangan komuniti, hanya sekitar 30 peratus daripada kediaman mempunyai sambungan elektrik bermeter yang sah. Manakala selebihnya masih bergantung kepada sambungan elektrik secara tidak rasmi. Keadaan ini menunjukkan bahawa masih terdapat jurang dalam penyediaan infrastruktur utiliti asas yang menyebabkan sebahagian penduduk tidak menikmati bekalan elektrik yang selamat, stabil dan terjamin.	Tiada maklum balas daripada agensi yang berkaitan.
3.	Status tanah yang belum digazetkan	Kawasan penempatan tersebut masih belum diwartakan sebagai kampung rasmi dan sebahagian besar terletak di atas tanah persendirian. Ia menyukarkan urusan pembangunan serta penyediaan kemudahan asas oleh pihak berkuasa. Penduduk memaklumkan bahawa kawasan tersebut pada asalnya merupakan kebun	Tiada maklum balas daripada agensi yang berkaitan.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		persendirian yang mula ditinggalkan sekitar tahun 1990-an sebelum dibersihkan dan dijadikan penempatan secara berperingkat. Dari semasa ke semasa, pembinaan rumah terus berkembang sehingga meliputi kawasan lereng bukit tanpa perancangan penempatan yang formal.	
4.	Fenomena banjir kilat	Banjir berlaku apabila paras air sungai meningkat dengan cepat akibat aliran air dari kawasan hulu. Ini menyebabkan air melimpah ke kawasan penempatan dan jalan raya. Penduduk memaklumkan bahawa semasa hujan lebat, arus air menjadi deras sehingga kenderaan sukar atau tidak dapat melalui laluan yang terjejas, sekali gus mengganggu pergerakan penduduk serta akses kepada perkhidmatan dan aktiviti harian.	Tiada maklum balas daripada agensi yang berkaitan.
5.	Sampah berselerak dan gangguan anjing liar	Walaupun kemudahan tong dan rumah sampah telah disediakan, masalah sampah bertaburan masih berlaku apabila anjing liar membongkar bungkusan sampah yang dibuang oleh penduduk. Keadaan ini menyebabkan sampah berselerakan di	**Majlis Perbandaran Sandakan:** Jumlah aduan berkaitan anjing liar adalah tinggi, dengan sebanyak 13 aduan direkodkan dalam tempoh tujuh hari. Kekerapan aduan yang boleh diterima sehingga tiga hingga empat kali sehari menunjukkan masalah anjing liar masih berlaku secara berterusan di kawasan berkenaan.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		sepanjang laluan masuk kampung dan menjejaskan kebersihan serta imej kawasan penempatan. Penduduk turut memaklumkan bahawa masalah ini bukan sahaja berlaku di lokasi rumah sampah, malah turut dialami di kawasan kediaman.	Operasi penangkapan anjing liar memerlukan masa dan tenaga kerja yang mencukupi. Penangkapan sehingga lapan ekor anjing boleh mengambil masa sekitar lima hingga enam jam sehari. Proses tersebut turut melibatkan penghantaran anjing yang ditangkap kepada pihak berkaitan. Operasi juga perlu disesuaikan dengan waktu operasi pihak NGO yang terlibat sehingga 4.00 petang. Sebahagian masalah turut berpunca daripada tindakan pihak tertentu yang melepaskan anjing peliharaan sehingga berkeliaran. Keadaan ini menambah jumlah anjing liar dan menyukarkan usaha kawalan serta pengurusan di kawasan berkenaan.
6.	Kekurangan akses kepada bantuan modal perniagaan	Majoriti peniaga kecil menjalankan perniagaan seperti kedai runcit, gerai sayur dan perniagaan dalam talian. Namun, mereka berdepan kekangan untuk mengembangkan perniagaan akibat kekurangan modal dan peluang mendapatkan bantuan kewangan. Penduduk memaklumkan bahawa minat untuk berniaga adalah tinggi, tetapi sokongan dalam bentuk geran atau bantuan	**Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN):** Kekangan modal merupakan antara cabaran yang dihadapi oleh sebahagian usahawan dan komuniti dalam memulakan atau mengembangkan perniagaan. TEKUN telah menyalurkan pembiayaan kepada 671 Ketua Isi Rumah (KIR) di kawasan Batu Sapi dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM4.4 juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM1.7 juta disasarkan khusus kepada Parlimen Batu Sapi. Kemudahan pembiayaan turut disasarkan kepada golongan B40, suri rumah dan koperasi, termasuk

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		modal masih tidak mencukupi bagi memenuhi keperluan mereka.	koperasi wanita di Batu Sapi. Permohonan pembiayaan juga telah disediakan secara dalam talian bagi memudahkan akses. Walau bagaimanapun, kelayakan pembiayaan adalah tertakluk kepada status kewarganegaraan. Ini menyebabkan individu yang tidak memenuhi syarat kewarganegaraan tidak dapat mengakses kemudahan tersebut.
7.	Ketiadaan dokumentasi pengenalan diri	Terdapat kanak-kanak yang dilahirkan di kawasan berkenaan masih menghadapi kesukaran untuk mendapatkan dokumen pengenalan diri yang sah. Ketiadaan dokumentasi ini telah mengehadkan akses mereka kepada pelbagai hak asas, termasuk pendidikan dan peluang pekerjaan. Walaupun pelajar dapat bersekolah sehingga peringkat tertentu, mereka berdepan kesukaran untuk meneruskan persekolahan atau menduduki peperiksaan rasmi meskipun memperoleh prestasi akademik yang baik.	Tiada maklum balas daripada agensi berkaitan.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
8.	Kekurangan penyelenggaran dan pembangunan produk ekopelancongan	Penduduk memaklumkan bahawa kawasan kampung mempunyai aset semula jadi seperti air terjun yang berpotensi dijadikan tarikan ekopelancongan. Walau bagaimanapun, lokasi tersebut dilihat kurang diberi perhatian daripada aspek penyelenggaraan dan pembangunan. Ia menyebabkan potensinya sebagai destinasi pelancongan masih belum dimanfaatkan sepenuhnya.	**Sabah Tourism Board (STB):** Sabah Tourism Board (STB) memberikan pengusaha berkaitan penyediaan pakej pelancongan, pengurusan kewangan dan pemasaran digital. Latihan ini bertujuan meningkatkan keupayaan pengusaha dalam mengurus serta memasarkan produk pelancongan dengan lebih berkesan. Terdapat usaha untuk mengenal pasti dan menghubungkan komuniti serta pengusaha pelancongan tempatan dengan agensi atau pemain industri lain. Pengusaha yang telah menerima latihan akan diperkenalkan kepada ejen-ejen pelancongan lain bagi memperluas jaringan dan peluang pasaran. Latihan dan bimbingan turut diberikan bagi meningkatkan standard perkhidmatan serta produk yang ditawarkan oleh pengusaha tempatan supaya lebih bersedia menerima dan menjual pakej kepada pelancong antarabangsa.

Jadual 9. Perincian Hasil Dapatan FGD 6

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
FGD 6: Dialog Bersama Komuniti Kampung Gelam Combo Bukit **Tarikh:** 20 Mei 2025 **Bilangan peserta:** 30 orang **Kaedah:** Perbincangan dalam empat kumpulan			• Jabatan Air Negeri Sabah • Jabatan Bomba dan Penyelamat • Jabatan Tenaga Kerja • JPJ, Cawangan Sandakan
1.	Akses kepada bekalan elektrik	Sebahagian penduduk masih bergantung kepada sambungan elektrik tidak rasmi yang berisiko. Ini menyebabkan berlakunya kes kecurian elektrik akibat kesukaran mendapatkan sambungan bermeter secara sah. Walaupun terdapat usaha mendapatkan bantuan bagi penyediaan kemudahan asas seperti air dan elektrik, proses permohonan elektrik dilihat rumit. Ini kerana ianya memerlukan pelbagai dokumen dan pengesahan termasuk daripada pemilik tanah. Keadaan ini menyebabkan sebahagian penduduk berasa terbeban dan memilih untuk menggunakan sambungan tidak rasmi walaupun menyedari risiko yang terlibat.	Tiada maklum balas daripada agensi yang berkaitan.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
2.	Pengurusan sisa pepejal yang lemah	Penduduk memaklumkan bahawa tong sampah sedia ada sering penuh dalam tempoh singkat. Malah ada yang telah melimpah sebelum penghujung hari, menunjukkan bahawa kapasiti kemudahan yang disediakan tidak sepadan dengan jumlah sisa yang dihasilkan. Selain itu, penduduk turut membangkitkan isu sikap sebahagian masyarakat yang masih membuang sampah secara tidak teratur, termasuk meninggalkan botol dan sisa buangan di kawasan sekitar tempat pembuangan sampah.	**JPJ, Cawangan Sandakan:** Bengkel atau program penerangan dicadangkan untuk memberi pendedahan kepada penduduk mengenai kaedah pengurusan sisa pepejal yang sesuai. Ini termasuk pengumpulan dan penjualan bahan yang boleh dikitar semula. Jabatan Kesihatan juga dicadangkan untuk memberikan penerangan mengenai kesan pengurusan sisa pepejal yang tidak baik terhadap kesihatan penduduk.
3.	Status dokumentasi dan kewarganegaraan	Sebahagian besar individu yang lahir di kawasan kampung hanya memiliki sijil kelahiran berwarna merah jambu dan belum mempunyai dokumen pengenalan diri yang lengkap. Keadaan ini menyebabkan mereka berdepan kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan serta mengakses hak dan kemudahan asas.	Tiada maklum balas daripada agensi berkaitan.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Penduduk turut membangkitkan bahawa proses permohonan melalui JPN dianggap rumit kerana melibatkan banyak prosedur dan syarat. Penduduk mencadangkan agar terdapat kelonggaran atau mekanisme yang lebih mudah bagi membantu individu yang telah lama menetap dan dilahirkan di kawasan tersebut bagi mendapatkan dokumentasi yang sah.	
4.	Keterbatasan peluang pekerjaan	Ketiadaan dokumen pengenalan diri menyebabkan golongan belia mengalami kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan yang baik dan gaji minimum. Sebahagian penduduk hanya memperoleh pendapatan di bawah RM1,000 sebulan, malah ada yang menerima sekitar RM400 hingga RM500 dengan pekerjaan seperti di sektor restoran.	**Jabatan Tenaga Kerja:** Terdapat majikan yang masih gagal mematuhi ketetapan gaji minimum serta terdapat kes pekerja yang tidak dilindungi atau mempunyai status pekerjaan yang menimbulkan isu dari segi perlindungan di bawah peraturan buruh di Sabah. Hasil operasi bersama mendapati terdapat majikan yang telah beberapa kali dikenakan kompaun, namun kesalahan yang sama masih berulang apabila berlaku pertukaran pekerja. Pekerja berasa takut untuk membuat aduan atau memberikan maklumat kepada Jabatan Tenaga Kerja. Keadaan ini menyukarkan proses mendapatkan maklumat dan butiran lanjut berkaitan pelanggaran hak

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
			pekerjaan serta menyukarkan siasatan terhadap majikan. Jabatan Tenaga Kerja menggalakkan orang awam dan mana-mana pihak yang mempunyai maklumat berkaitan untuk mengemukakan aduan bagi membolehkan siasatan lanjut dijalankan. Mulai 1 Mei 2025, pembayaran gaji melalui kaedah elektronik diwajibkan di Sabah. Walau bagaimanapun, masih terdapat majikan di Sandakan yang didapati belum mematuhi ketetapan tersebut. Jabatan Tenaga Kerja akan mengambil tindakan melalui pemeriksaan dokumentasi, siasatan lanjut dan penguatkuasaan termasuk pengeluaran kompaun sekiranya terdapat pelanggaran peraturan.
5.	Kekurangan kesiapsiagaan keselamatan kebakaran dalam komuniti	Kekurangan kesiapsiagaan keselamatan kebakaran dalam komuniti akibat keterbatasan kemudahan, akses bantuan, pengetahuan asas berkaitan pencegahan dan tindakan awal kebakaran. Penduduk memaklumkan bahawa akses kepada perkhidmatan bomba adalah terhad, manakala sumber air yang mencukupi sukar diperoleh sekiranya berlaku kebakaran.	**Jabatan Bomba dan Penyelamat:** Sebagai langkah penambahbaikan, dicadangkan supaya setiap rumah dibekalkan dengan alat pemadam api melalui kerjasama antara pihak Parlimen, Jabatan Bomba dan Penyelamat serta pembekal peralatan. Selain itu, usaha meningkatkan kesedaran dan kesiapsiagaan komuniti terhadap risiko kebakaran perlu diperkukuhkan. Beberapa kampung telah mengambil inisiatif mewujudkan komuniti keselamatan sebagai langkah meningkatkan tahap keselamatan penduduk.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Selain itu, kebanyakan rumah tidak dilengkapi alat pemadam api. Golongan belia di kampung juga kurang mendapat pendedahan dan latihan berkaitan tindakan awal serta kaedah memadam kebakaran.	Jabatan Bomba dan Penyelamat turut menjalankan kempen, program keselamatan dan latihan kebakaran di kampung-kampung yang dikenal pasti. Peranan ketua kampung juga penting dalam mendapatkan kerjasama Jabatan Bomba bagi melaksanakan latihan keselamatan kebakaran di peringkat komuniti. Bekalan air juga bergantung kepada sistem sedia ada dan boleh terjejas sekiranya bekalan air dihentikan oleh Jabatan Air. Cadangan yang dikemukakan adalah menyediakan tempat penyimpanan air sebagai sumber simpanan kecemasan.
6.	Kekurangan kemudahan dan sokongan aktiviti belia	Golongan belia menghadapi kekangan untuk menjalankan latihan bola tampar kerana kekurangan peralatan dan bantuan kewangan bagi menyediakan keperluan latihan. Penduduk memaklumkan bahawa sebahagian belia tidak mempunyai pekerjaan tetap. Ini menyebabkan mereka sukar mendapatkan sokongan sendiri untuk membiayai aktiviti sukan.	Tiada maklum balas daripada agensi yang berkaitan.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
7.	Kualiti dan kebolehpercayaan bekalan air yang tidak stabil	Gangguan bekalan air yang kerap dan ketidakpastian kualiti air menjejaskan keperluan harian penduduk. Bekalan air sering terputus tanpa kepastian mengenai punca gangguan, dan apabila kembali disalurkan, keadaan air kadangkala keruh atau kotor sehingga tidak sesuai untuk terus digunakan. Penduduk terpaksa membersihkan bekas simpanan air berulang kali sebelum bekalan dapat digunakan dengan selamat. Keadaan ini bukan sahaja menyukarkan urusan harian, malah menambah beban dari segi masa, tenaga dan kos yang perlu ditanggung oleh penduduk.	**Jabatan Air Negeri Sabah:** Jabatan Air sedang melaksanakan kerja pembaikan di dua kawasan takungan air bagi meningkatkan kapasiti bekalan. Air daripada kawasan takungan tersebut akan disalurkan ke loji rawatan untuk dirawat sebelum diagihkan kepada kawasan perkampungan. Jabatan Air turut menjalankan kerja penggantian kerosakan, kajian serta penyelenggaraan di kawasan yang memerlukan pembaikan. Dalam tempoh terdekat, pengorekan sumber air menjadi antara langkah yang boleh dilaksanakan bagi menambah bekalan air. Walau bagaimanapun, penambahbaikan infrastruktur dan kapasiti bekalan masih diperlukan bagi memastikan bekalan air kepada kawasan perkampungan lebih stabil.

Jadual 10. Perincian Hasil Dapatan FGD 7

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
FGD 7: Dialog Bersama Komuniti Kg Bambangan **Tarikh:** 21 Mei 2025 **Bilangan peserta:** 15 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam empat kumpulan			• Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) • Majlis Perbandaran Sandakan • Jabatan Pendidikan Daerah
1.	Kemerosotan ekonomi nelayan	Pendapatan nelayan terjejas akibat peningkatan kos operasi seperti harga minyak dan kenaikan kos barangan keperluan. Namun, harga hasil tangkapan ikan tidak mengalami peningkatan yang sepadan. Keadaan ini menyebabkan nelayan menghadapi tekanan kewangan dan kesukaran untuk menampung perbelanjaan harian. Penduduk turut memaklumkan bahawa keadaan ekonomi nelayan yang tidak menentu menyebabkan golongan muda kurang berminat untuk meneruskan pekerjaan tersebut. Keadaan ini menyebabkan golongan muda lebih	**Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia:** Bagi membantu meringankan beban nelayan, terdapat bantuan sara hidup sebanyak RM300 sebulan kepada penerima yang layak serta subsidi kepada nelayan berdaftar. Di Parlimen Batu Sapi, seramai 706 nelayan berdaftar dengan persatuan nelayan, dengan 299 orang menerima elaun sara hidup dan 543 orang menerima subsidi. Selain bantuan sara hidup dan subsidi, terdapat program peningkatan pendapatan yang menyasarkan nelayan, wanita nelayan dan belia yang terlibat dalam sektor perikanan. Bantuan boleh merangkumi penyediaan peralatan, bangsal serta latihan dan kursus keusahawanan. Pemohon perlu berdaftar dalam kumpulan atau persatuan nelayan dan permohonan akan dinilai berdasarkan potensi aktiviti yang dicadangkan. Golongan belia yang terlibat dalam sektor perikanan turut mempunyai akses kepada program bantuan berbentuk

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		memilih untuk berhijrah mencari peluang ekonomi di luar kampung.	geran sekali bayar sehingga RM20,000, khususnya dalam bentuk peralatan. Selain itu, terdapat bantuan peralatan penangkapan kepada nelayan bagi membantu meningkatkan keupayaan menjalankan aktiviti perikanan dan pada masa yang sama membolehkan manfaat bantuan disalurkan kepada lebih ramai penerima. Bantuan peralatan seperti pukat, jaket keselamatan dan peralatan berkaitan disalurkan berdasarkan keperluan serta hasil siasatan terhadap pemohon. Pendekatan pemberian peralatan secara individu membolehkan peruntukan tahunan dimanfaatkan oleh lebih ramai nelayan. Bagi Parlimen Batu Sapi, seramai 32 orang telah menerima bantuan melalui program berkenaan.
2.	Kesukaran proses permohonan lesen nelayan	Proses mendapatkan lesen melibatkan urusan berulang kali ke pejabat kerana melibatkan peningkatan kos dari segi masa, perjalanan dan perbelanjaan. Khususnya bagi nelayan yang mempunyai kekangan masa kerana mereka bergantung kepada aktiviti perikanan sebagai sumber pendapatan utama. Selain itu, tempoh menunggu kelulusan lesen juga mengambil masa yang panjang, iaitu sehingga 3 hingga 4 tahun,	Tiada maklum balas daripada agensi berkaitan.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		menyebabkan ketidakpastian keputusan kepada pemohon.	
3.	Kekangan penggunaan lesen perikanan dan pemilikan peralatan	Penduduk memaklumkan bahawa nelayan boleh dikenakan tindakan saman sekiranya menggunakan bot atau peralatan yang didaftarkan di bawah penama individu lain. Meskipun dalam konteks perkongsian atau pinjaman sesama komuniti. Keadaan ini menimbulkan kekeliruan dalam kalangan nelayan kerana tiada penjelasan yang jelas berkaitan had penggunaan lesen atau kebenaran meminjam peralatan berlesen.	Tiada maklum balas daripada agensi yang berkaitan.
4.	Ketiadaan sistem pengurusan sisa pepejal yang sistematik.	Penduduk mempunyai kesedaran untuk tidak membuang sampah ke laut dan berusaha mencari penyelesaian melalui pelbagai permohonan seperti kemudahan pengumpulan sampah termasuk melibatkan pihak masjid. Namun, kekurangan kemudahan pengumpulan serta ketiadaan kutipan sampah yang konsisten daripada pihak	**Majlis Perbandaran Sandakan:** Majlis Perbandaran Sandakan sedang mengusahakan cadangan kutipan sampah di kawasan pesisir pantai melalui penyediaan kertas kerja bersama pihak berkaitan. Cadangan tersebut masih dalam proses dan status pelaksanaannya belum dapat dipastikan. Perkara ini turut dibincangkan melalui jawatankuasa berkaitan sebagai usaha untuk meningkatkan pengurusan

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		berkuasa tempatan seperti MPS menyebabkan penduduk menghadapi kesukaran untuk melupuskan sisa dengan cara yang betul.	
5.	Kerumitan proses pengurusan dokumentasi	Penduduk memaklumkan bahawa sebahagian individu yang masih belum memiliki MyKad bukan semata-mata disebabkan keengganan atau kegagalan memenuhi syarat, tetapi berpunca daripada proses permohonan yang dianggap terlalu rumit dan mengambil masa yang panjang. Walaupun pelbagai dokumen sokongan seperti surat permohonan, dokumen mahkamah dan sokongan daripada pihak Parlimen telah dikemukakan, permohonan masih menghadapi kesukaran untuk diselesaikan. Penduduk turut menyuarakan kebimbangan terhadap pengalaman berurusan yang dianggap memberi tekanan dan menimbulkan rasa takut dalam kalangan pemohon.	Tiada maklum balas daripada agensi yang berkaitan.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
6.	Kos pengangkutan ke sekolah yang tinggi	Penduduk memaklumkan bahawa ibu bapa perlu menanggung kos sewaan sekitar RM70 seorang bagi anak mereka yang tidak tinggal di asrama untuk tujuan pengangkutan ke sekolah. Kos ini menjadi lebih membebankan bagi keluarga yang mempunyai lebih daripada seorang anak yang bersekolah, kerana jumlah perbelanjaan akan meningkat mengikut bilangan anak.	**Jabatan Pendidikan Daerah:** Kemudahan asrama disediakan bagi membantu keluarga yang menghadapi kekangan kewangan, khususnya dalam menanggung kos pengangkutan, makanan dan tempat tinggal pelajar. Walau bagaimanapun, penggunaan kemudahan asrama masih belum mencapai kapasiti yang disediakan. Kapasiti asrama SMK Batu Sapi adalah 200 orang, namun hanya 147 orang pelajar ditempatkan di asrama. Bagi SMK Batu Sapi 2 pula, daripada kapasiti 200 orang, hanya 85 permohonan diterima. Keadaan ini menunjukkan kemudahan asrama yang tersedia masih belum dimanfaatkan sepenuhnya oleh pelajar yang menghadapi masalah jarak dan kos pendidikan. Kemudahan asrama dapat mengurangkan cabaran tersebut dengan menyediakan tempat tinggal, makanan dan akses yang lebih dekat kepada sekolah. Namun, terdapat pelajar dan keluarga yang tidak memilih untuk menggunakan kemudahan asrama atas faktor tidak mahu berjauhan daripada keluarga. Murid yang tidak dapat bersekolah pula tertakluk kepada peraturan pendidikan yang sedang berkuat kuasa.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
7.	Pencerobohan kawasan sumber perikanan dan eksploitasi berlebihan	Penduduk memaklumkan bahawa terdapat kawasan laut yang dikawal dan dipelihara oleh komuniti sebagai kawasan pembiakan hidupan laut seperti ikan, ketam, siput laut dan hasil marin lain. Namun, tindakan pihak luar yang mengambil hasil laut sebelum mencapai tempoh matang menyebabkan sumber perikanan berkurangan dan menjejaskan pendapatan nelayan tempatan. Penduduk turut membangkitkan isu persaingan dalam aktiviti penangkapan yang berlaku secara berterusan, termasuk pada waktu malam, sehingga mengancam kelestarian sumber laut.	Tiada maklum balas daripada agensi berkaitan.

Jadual 11. Perincian Hasil Dapatan FGD 8

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
FGD 8: Dialog Bersama Komuniti Kg Segaliud **Tarikh:** 21 Mei 2025 **Bilangan peserta:** 16 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam empat kumpulan			• Jabatan Air Negeri Sabah • Jabatan Hidupan Liar
1.	Kesan penutupan Sungai Segaliud	Penduduk memaklumkan bahawa Sungai Segaliud telah sekian lama menjadi sumber utama mata pencarian. Namun penutupan sungai tersebut menyebabkan sekitar 70 peratus hasil pendapatan nelayan terjejas, khususnya bagi tangkapan udang galah dan ikan air tawar. Penduduk turut menyuarakan rasa tidak puas hati kerana projek tersebut dilaksanakan tanpa sesi perundingan atau libat urus dengan komuniti yang terkesan. Ini termasuk rasional pemilihan Sungai Segaliud berbanding sungai lain. Selain itu, keadaan sungai yang semakin cetek akibat mendapan selepas banjir telah menjejaskan aliran sungai dan habitat hidupan akuatik	**Jabatan Air Negeri Sabah:** Pembinaan loji rawatan air dikenal pasti mempunyai potensi untuk memberi kesan kepada ekosistem di kawasan sekitarnya. Sehubungan itu, Jabatan Air telah mengambil langkah untuk meneliti sumber air mentah alternatif sebagai sebahagian daripada usaha mengurangkan kesan terhadap alam sekitar. Jabatan Air telah melantik perunding untuk menjalankan kajian berkaitan cadangan pemindahan sumber air mentah baharu daripada Sungai Kinabatangan bagi projek Loji Rawatan Air Fasa 2. Cadangan tersebut masih dalam peringkat kajian dan perbincangan bersama pihak perunding. Pelaksanaan projek ini diharapkan dapat dilaksanakan dengan baik dengan mengambil kira keperluan bekalan air serta aspek pemeliharaan ekosistem.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
2.	Ancaman hidupan liar	Penduduk memaklumkan bahawa kehadiran buaya di kawasan sungai dalam kampung semakin membimbangkan sehingga nelayan perlu sentiasa berhati-hati ketika menangkap ikan dan udang. Ancaman ini bukan sahaja meningkatkan risiko keselamatan kepada penduduk, malah menjejaskan aktiviti perikanan yang menjadi sumber pendapatan utama komuniti.	**Jabatan Hidupan Liar:** Jabatan Hidupan Liar melaksanakan operasi mitigasi terhadap buaya yang memasuki kawasan perkampungan. Tindakan melibatkan pemasangan perangkap atau kaedah memancing, bergantung kepada keadaan. Penduduk diminta melaporkan sebarang penampakan buaya kepada pihak jabatan supaya tindakan lanjut dapat diambil. Terdapat juga peruntukan perlindungan terhadap spesies buaya tertentu yang mengehadkan tindakan menangkap, mencederakan atau membunuh tanpa kebenaran.
3.	Sekatan laluan sungai	Penduduk memaklumkan bahawa semasa air surut, laluan keluar ke muara sungai tidak dapat dilalui kerana terdapat struktur penutupan berhampiran loji yang menghalang pergerakan bot. Akibatnya, nelayan terpaksa menunggu sehingga air pasang sebelum dapat meneruskan perjalanan ke kawasan penangkapan ikan. Tempoh menunggu tersebut juga mengambil masa beberapa jam.	Tiada maklum balas daripada agensi berkaitan.
4.	Kualiti bekalan air paip yang tidak memuaskan	Penduduk memaklumkan bahawa walaupun bekalan air paip telah tersedia, namun keadaan air yang diterima masih keruh dan berwarna kekuningan. Ini menyebabkan	**Jabatan Air Negeri Sabah:** Jabatan Air sedang melaksanakan kerja pembaikan di dua kawasan takungan air bagi meningkatkan kapasiti bekalan. Air daripada kawasan takungan tersebut akan

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		mereka kurang yakin untuk menggunakannya bagi tujuan minuman dan penyediaan makanan. Terdapat juga penduduk yang mengalami masalah kesihatan seperti cirit-birit selepas menggunakan air paip. Keadaan ini mendorong mereka beralih kepada penggunaan air mineral untuk memasak, mencuci beras dan kegunaan harian tertentu. Kebergantungan kepada air mineral ini telah meningkatkan beban perbelanjaan isi rumah, termasuk menjejaskan pendapatan peniaga kecil yang terpaksa memperuntukkan sebahagian keuntungan untuk membeli air bersih	disalurkan ke loji rawatan untuk dirawat sebelum diagihkan kepada kawasan perkampungan. Jabatan Air turut menjalankan kerja penggantian kerosakan, kajian serta penyelenggaraan di kawasan yang memerlukan pembaikan. Dalam tempoh terdekat, pengorekan sumber air menjadi antara langkah yang boleh dilaksanakan bagi menambah bekalan air. Walau bagaimanapun, penambahbaikan infrastruktur dan kapasiti bekalan masih diperlukan bagi memastikan bekalan air kepada kawasan perkampungan lebih stabil.
5.	Ketiadaan dokumentasi pengenalan diri	Penduduk memaklumkan bahawa terdapat keluarga yang tidak mempunyai dokumen pengenalan diri yang lengkap, termasuk keadaan di mana hanya salah seorang ibu atau bapa memiliki dokumen rasmi, manakala pasangan tidak mempunyai sebarang dokumen pengenalan diri.	Tiada maklum balas daripada agensi berkaitan.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Keadaan ini turut memberi kesan kepada ibu mengandung yang menghadapi kesukaran mendapatkan pemeriksaan kehamilan dan perkhidmatan bersalin di fasiliti kesihatan. Dalam sesetengah kes, kelahiran anak tidak dapat direkodkan melalui saluran rasmi. Keadaan ini menyukarkan proses mendapatkan dokumentasi pengenalan diri bagi anak tersebut. Ketiadaan dokumentasi yang sah seterusnya menyebabkan anak-anak menghadapi kesukaran untuk didaftarkan ke sekolah serta mengakses perkhidmatan asas lain. Keadaan ini berisiko mewujudkan kitaran tanpa dokumentasi antara generasi dan menyebabkan sebahagian kanak-kanak terus terpinggir daripada hak asas seperti pendidikan dan perkhidmatan kesihatan.	
6.	Kekurangan kemudahan kesihatan	Penduduk memaklumkan bahawa sehingga kini kampung masih belum mempunyai klinik kesihatan, walaupun sebelum ini terdapat cadangan untuk membinanya.	Tiada maklum balas daripada agensi berkaitan.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Akibat ketiadaan kemudahan tersebut, penduduk perlu mendapatkan rawatan di Hospital Kinabatangan yang terletak di luar kawasan kampung. Keadaan ini meningkatkan masa perjalanan dan kos pengangkutan, terutama bagi warga emas, ibu mengandung serta pesakit yang memerlukan rawatan segera.	
7.	Peningkatan kos input pertanian	Penduduk memaklumkan bahawa mereka berdepan kesukaran mendapatkan baja. Kos pembelian baja, racun serta upah tenaga kerja juga semakin meningkat. Walaupun kebanyakan pekebun mengusahakan kebun berskala kecil, sekitar 2 hingga 3 ekar, pendapatan yang diperoleh tidak mencukupi untuk menampung keseluruhan kos operasi pertanian. Keadaan ini menyebabkan pekebun menghadapi kekangan dalam menguruskan kebun secara optimum dan menjejaskan hasil pengeluaran serta pendapatan mereka.	Tiada maklum balas daripada agensi berkaitan.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
8.	Kekurangan kemudahan sukan dan rekreasi untuk belia	Penduduk memaklumkan bahawa kampung tidak mempunyai padang dan kemudahan sukan yang sesuai untuk menjalankan aktiviti riadah dan pembangunan belia. Aktiviti sukan di peringkat sekolah yang melibatkan murid sekolah terpaksa diadakan di sekolah lain seperti di Ulu Dusun.	Tiada maklum balas daripada agensi berkaitan.

Jadual 12. Perincian Hasil Dapatan FGD 9

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
FGD 9: Dialog Bersama NGO, Persatuan dan Koperasi **Tarikh:** 22 Mei 2025 **Bilangan peserta:** 11 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam meja bulat			• Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) • Jabatan Bomba dan Penyelamat: • Jabatan Pendidikan Negeri Sabah
1.	Kekurangan akses kepada dana dan bantuan kerajaan	Wakil komuniti memaklumkan bahawa mereka telah berusaha mendapatkan dana daripada kerajaan, namun masih menghadapi kesukaran walaupun telah beroperasi selama beberapa tahun. Bantuan yang diterima setakat ini lebih banyak datang daripada wakil rakyat, manakala bantuan kewangan daripada agensi kerajaan dilaporkan masih belum diperoleh. Keadaan ini turut menjejaskan operasi pasukan bomba sukarela yang menjalankan tugas secara sukarela tanpa elaun atau gaji.	**Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) :** Kekangan modal merupakan antara cabaran yang dihadapi oleh sebahagian usahawan dan komuniti dalam memulakan atau mengembangkan perniagaan. TEKUN telah menyalurkan pembiayaan kepada 671 Ketua Isi Rumah (KIR) di kawasan Batu Sapi dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM4.4 juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM1.7 juta disasarkan khusus kepada Parlimen Batu Sapi. Kemudahan pembiayaan turut disasarkan kepada golongan B40, suri rumah dan koperasi, termasuk koperasi wanita di Batu Sapi. Permohonan pembiayaan juga telah disediakan secara dalam talian bagi memudahkan akses. Walau bagaimanapun, kelayakan pembiayaan adalah tertakluk kepada status kewarganegaraan. Ini menyebabkan individu yang tidak memenuhi syarat kewarganegaraan tidak dapat mengakses kemudahan tersebut.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
2.	Kebergantungan kepada sokongan politik dalam mendapatkan perhatian dan bantuan pembangunan	Peserta berpandangan bahawa akses kepada bantuan, sokongan atau pelaksanaan sesuatu inisiatif dipengaruhi oleh hubungan dan sokongan politik. Keadaan ini menyebabkan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) atau organisasi komuniti yang tidak mempunyai hubungan rapat dengan pihak berkepentingan berdepan kesukaran untuk mendapatkan perhatian, sokongan dan bantuan yang diperlukan.	Tiada maklum balas daripada agensi yang berkaitan.
3.	Kekurangan kemudahan pasukan bomba sukarela	Pasukan bomba sukarela berdepan kekurangan fasiliti dan peralatan, termasuk pam yang telah rosak dan tidak lagi boleh digunakan. Mereka turut menyatakan bahawa usaha mendapatkan dana bagi melengkapkan keperluan operasi masih sukar, walaupun telah mendapatkan sokongan daripada pelbagai pihak. Keadaan ini membimbangkan memandangkan insiden kebakaran	**Jabatan Bomba dan Penyelamat:** Bekalan air bergantung kepada sistem sedia ada dan boleh terjejas sekiranya bekalan air dihentikan oleh Jabatan Air. Keadaan ini boleh menimbulkan kesukaran sekiranya berlaku kecemasan seperti kebakaran. Cadangan yang dikemukakan adalah menyediakan tempat penyimpanan air sebagai sumber simpanan kecemasan. Selain itu, akses fizikal ke kawasan kampung air dan penempatan lama adalah terhad, terutama bagi kenderaan agensi yang memerlukan akses ke lokasi kecemasan.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		dilaporkan berlaku hampir setiap tahun di kawasan Batu Sapi, dengan kekerapan antara satu hingga lima kejadian setahun.	Keadaan jalan yang sempit serta kekangan tempat letak kenderaan menyukarkan pergerakan dan bantuan agensi. Penambahbaikan serta peluasan jalan perlu dipertimbangkan berdasarkan keperluan dan peruntukan yang tersedia bagi meningkatkan akses ke kawasan tersebut. Sebagai langkah penambahbaikan, dicadangkan supaya setiap rumah dibekalkan dengan alat pemadam api melalui kerjasama antara pihak Parlimen, Jabatan Bomba dan Penyelamat serta pembekal peralatan.
4.	Kesihatan mental dan kesejahteraan keluarga yang dipengaruhi oleh tekanan ekonomi	Terdapat beberapa kes bunuh diri dalam komuniti yang dipercayai berkait rapat dengan tekanan emosi, konflik rumah tangga dan masalah ekonomi. Selain itu, kadar perceraian dalam kalangan pasangan muda juga dilaporkan semakin meningkat. Keadaan ini disebabkan oleh dengan faktor ekonomi.	Tiada maklum balas daripada agensi yang berkaitan.
5.	Keciciran pendidikan akibat kemiskinan dan tekanan ekonomi keluarga	Peserta memaklumkan bahawa ketidakhadiran pelajar ke sekolah berpunca daripada kekurangan wang tambang untuk hadir ke sekolah.	**Jabatan Pendidikan Negeri Sabah:** Jabatan Pendidikan Negeri Sabah tidak mempunyai bantuan atau peruntukan khusus untuk menangani masalah pengangkutan murid ke sekolah. Walaupun terdapat program lain bagi menangani isu kehadiran dan

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Dalam sesetengah kes, pelajar memilih untuk berhenti belajar dan bekerja bagi membantu menampung perbelanjaan keluarga. Ini kerena mereka memberi peluang kepada adik-beradik lain meneruskan persekolahan.	keciciran, program tersebut tidak memberi tumpuan khusus kepada keperluan pengangkutan. Oleh itu, isu pengangkutan dan akses ke sekolah memerlukan perbincangan lanjut bagi mengenal pasti bentuk bantuan yang bersesuaian.
6.	Kurang kerjasama dan penglibatan komuniti	Tahap kerjasama dalam kalangan penduduk masih rendah. Keadaan ini menjejaskan usaha menangani isu-isu setempat seperti kebersihan, pengurusan kawasan parkir dan penyelenggaraan persekitaran kampung. Ketiadaan komunikasi dan semangat bekerjasama menyebabkan setiap individu lebih cenderung bertindak secara berasingan. Ini menyukarkan pelaksanaan inisiatif komuniti secara kolektif.	Tiada maklum balas daripada agensi berkaitan.
7.	Keperluan memperkukuh peranan NGO tempatan	Peserta berpandangan bahawa banyak kajian dan program yang dilaksanakan bersifat sementara dan tidak disusuli dengan tindakan yang berterusan. NGO di peringkat akar umbi dilihat sebagai pihak yang lebih memahami keperluan komuniti dan memainkan peranan penting	Tiada maklum balas daripada agensi berkaitan.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		dalam melaksanakan intervensi secara berterusan. Justeru, peserta mencadangkan agar organisasi yang lebih besar menyediakan sokongan dari segi sumber, pembiayaan dan penyelarasan. Untuk pelaksanaan program di lapangan dipimpin oleh NGO tempatan yang lebih dekat dengan komuniti.	

4.2 Pengutamaan Isu

4.2.1 Pengutamaan Isu 1: Kekurangan sumber bekalan air bersih dan terawat

Parlimen Batu Sapi merupakan kawasan parlimen di daerah Sandakan yang mempunyai ciri geografi yang unik, merangkumi kawasan bandar, penempatan pesisir serta komuniti kepulauan seperti Pulau Timbang dan Pulau Shanghai. Kedudukan sebahagian penempatan yang dipisahkan oleh perairan menyebabkan akses kepada infrastruktur asas, khususnya sistem bekalan air bersih dan terawat, menjadi lebih mencabar berbanding kawasan daratan. Isu ini turut berkait dengan tekanan terhadap sistem bekalan air di daerah Sandakan, apabila kapasiti pengeluaran semasa dilaporkan sekitar 169 juta liter sehari berbanding permintaan kira-kira 180 juta liter sehari**,** selain masalah infrastruktur paip yang semakin berusia.[11] Dalam konteks komuniti kepulauan Batu Sapi, penduduk di beberapa kampung dilaporkan masih bergantung kepada air perigi**.** Namun, keadaan sumber air tersebut semakin tidak bersih sehingga menyebabkan penduduk terpaksa mendapatkan atau membeli air bersih dari kampung lain. [12] Keadaan ini menunjukkan bahawa faktor geografi kepulauan, keterbatasan infrastruktur serta ketidakcukupan sumber air saling berkaitan dan membentuk kerentanan komuniti dalam ketiadaan akses kepada air bersih dan terawat. Ianya memberi implikasi terhadap kesihatan, kebersihan, kesejahteraan isi rumah dan pembangunan sosioekonomi penduduk di kawasan Batu Sapi.

Beban kos pembelian air

Majoriti penduduk di kawasan kepulauan yang dikaji berhadapan dengan ketidakjaminan sumber air bersih dan terawat sehingga mereka terpaksa bergantung kepada pelbagai sumber alternatif seperti air hujan, perigi, air sungai serta pembelian air dari kampung berdekatan. Di Kampung Pulau Shanghai, penduduk menggunakan air hujan sebagai salah satu sumber utama, manakala ketika musim kemarau mereka terpaksa mendapatkan air dari Kampung Bahagia dan Kampung Gas. Keadaan ini menunjukkan bahawa akses kepada air bukan sahaja bergantung kepada ketersediaan infrastruktur, tetapi turut dipengaruhi oleh faktor musim dan keadaan cuaca. Seorang peserta FGD turut menyatakan bahawa isu air merupakan masalah utama kampung, dengan penduduk perlu membeli air dari Kampung Bahagia secara berterusan. Melalui temu bual yang dijalankan;

[11] Rebecca Chong, "Two Years Needed to Stabilise Sandakan Water Supply, Says DCM," *The Star*, February 9, 2026.

[12] Bernama, "Isu Bekalan Air | Perigi Kotor, Penduduk Beli Air Bersih di Kampung Lain," *Astro Awani*, July 6, 2022.

> *"Kalau bagi saya, isu yang paling besar di kampung ini, kalau bagi saya, air. Pertama sekali, air. Kedua, lampu... Sekarang air kita ambil di mana? Kami beli di Kampung Bahagia."*
>
> (Penduduk Kg Pulau Shanghai)

Kebergantungan kepada pembelian air turut memberikan tekanan kewangan yang ketara kepada isi rumah berpendapatan rendah. Penduduk Kampung Pulau Shanghai menganggarkan perbelanjaan air mineral boleh mencecah sekitar RM300 sebulan, dengan harga satu pek air mineral sekitar RM10.50. Malah, pembelian air dalam gelen sebanyak 20-liter pada harga sekitar RM0.20 turut dilakukan secara harian. Keadaan yang sama dapat dilihat di Kampung Terusan Baru, apabila sebuah isi rumah dilaporkan menyimpan sehingga lapan kotak air mineral untuk tujuan minuman. Tiga kotak boleh habis dalam tempoh kira-kira tiga hari bagi keluarga yang mempunyai ramai anak. Dapatan ini memperlihatkan bahawa ketiadaan bekalan air yang stabil telah mengubah air bersih daripada kemudahan asas kepada komoditi yang perlu dibeli secara berterusan, sekali gus meningkatkan kos sara hidup penduduk.Melalui sesi temu bual yang dijalankan:

> *"Kalau air itu? Kami selalu membeli di Kampung Bahagia... Dalam gelen? Ya, dalam gelen. Biasanya harga satu gelen berapa? Satu gelen 20 sen. Oh, iya. Satu gelen 20 sen. Itu gelen besar atau kecil? Yang 20 liter. Yang 20 liter. Memang hari-hari belilah? Ya."*
>
> (Penduduk Kg Pulau Shanghai)

> *"mineral ni kami kena buat cara untuk berjimat sebab mineral ni dia punya kos kalau kira dalam masa Sebulan boleh mencecah tiga ratus ringgit dalam sebulan sebab dalam satu pek begitu 10 ringgit lebih 10.5. Jadi kami kena bahagikan masa itu, bahagikan budget itu untuk kami ambil air."*
>
> (Penduduk Kg Pulau Shanghai)

Sementara itu, keadaan di Kampung Trong Lit menunjukkan keterbatasan sumber air alternatif yang sedia ada. Perigi kampung yang telah digunakan sejak sekian lama dilaporkan mengalami kekeringan dan mempunyai kapasiti yang terhad, sedangkan sumber tersebut digunakan oleh lebih 300 orang penduduk. Akibatnya, penduduk kini perlu menggunakan bot untuk mendapatkan air melalui kawasan Sungai. Ia meningkatkan kesukaran mendapatkan bekalan dan menunjukkan tahap keterdedahan komuniti terhadap faktor jarak, cuaca dan kos pengangkutan.

Secara keseluruhannya, isu bekalan air di kawasan kepulauan bukan sekadar persoalan ketiadaan infrastruktur, tetapi merupakan isu ketidakjaminan akses, beban kos sara hidup dan ketidaksamaan infrastruktur asas. Kebergantungan kepada air hujan, perigi,

sungai dan pembelian air secara berterusan juga menggambarkan bahawa komuniti masih belum mempunyai sistem bekalan air yang mampu menjamin akses yang mencukupi, selamat dan berterusan. Melalui sesi temu bual yang dijalankan:

> *"Perigi ni lama sudah. Kering sudah. Barang kali belum lagi saya lahir ini dari nenek moyang tapi perigi tu tidak berapa besar bah. Dalam 5 kaki. Penduduk di sini ada 300 lebih semua guna dari yang perigi ini"*
>
> (Penduduk Kg Trong Lit)

Keadaan ini meningkatkan kos sara hidup penduduk, dan menunjukkan bahawa kekurangan infrastruktur asas air telah menyebabkan akses kepada air bersih menjadi suatu kos tambahan yang perlu ditanggung secara berterusan oleh komuniti yang mempunyai kapasiti ekonomi yang terhad.

Ketidakstabilan bekalan dan kualiti air bersih

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penduduk di beberapa kawasan kampung berhadapan dengan masalah bekalan air yang tidak stabil, kerap terputus dan tidak menentu dari segi tempoh gangguan. Di Kampung Bokara, penduduk menyatakan bahawa gangguan bekalan air berlaku tanpa notis dan bekalan yang baru pulih dalam tempoh beberapa hari masih boleh kembali terputus. Keadaan ini menyebabkan penduduk perlu sentiasa bersedia untuk menadah dan menyimpan air apabila bekalan kembali pulih. Bagi golongan warga emas, keadaan tersebut memberikan beban tambahan kerana mereka perlu menghabiskan masa dan tenaga untuk menguruskan bekalan air secara berulang. Hal ini menunjukkan bahawa gangguan bekalan air bukan sahaja menjejaskan akses kepada keperluan asas, malah meningkatkan beban fizikal dan masa yang perlu ditanggung oleh isi rumah, khususnya golongan rentan. Melalui sesi temu bual yang dijalankan:

> *"Isu paling besar yang sedang dihadapi oleh penduduk Kampung ini adalah air terutama sekali kami yang berdua ini kan tidak ada notice, tidak ada apa tiba-tiba mati sejak air kami macam sekarang ini hidup baru dua hari, mati sudah."*
>
> (Penduduk Kg Bokara)

> *"Banyak masa kami, macam saya ini kan orang tua, banyak masa saya memikirkan air. Air itu hidup pelan-pelan saya sambut, taruh di baldi. Dapat dua tiga baldi, dua tiga ikhfati lagi. Inilah kesangsaraan sebenarnya yang kami hadapi di kampung ini."*
>
> (Penduduk Kg Bokara)

Di Kampung Karamunting Bukit Nenas, masalah yang sama turut dilaporkan apabila gangguan bekalan air boleh berlaku selama 1 ke 3 hari secara tidak menentu. Lebih

membimbangkan, terdapat penduduk yang telah mengemukakan permohonan berkaitan bekalan air sejak tahun 2024 tetapi masih belum memperoleh penyelesaian setakat tempoh waktu di mana kajian ini dijalankan. Tempoh menunggu yang panjang ini menunjukkan bahawa isu akses kepada bekalan air bukan sekadar gangguan sementara, tetapi berpotensi mencerminkan kelemahan dalam penyediaan dan penyelenggaraan infrastruktur asas. Ketidakpastian terhadap tempoh pemulihan bekalan turut menyukarkan penduduk untuk merancang keperluan harian, khususnya bagi aktiviti memasak, kebersihan diri dan pengurusan isi rumah:

> *"Kalau saya apply, 2024 lagi sampai sekarang belum Wah, lima, enam, dekat dua tahun. Ya, dekat dua tahun sudah."*
>
> (Penduduk Kg Karamunting Bukit Nenas)

> *"air ada, kadang-kadang saja tiada.kadang mati lah. Sekarang ini mati airnya dari kemarin"*
>
> (Penduduk Kg Karamunting Bukit Nenas)

> *"satu dua hari, paling lama tiga hari..jarang-jarang sudah mati air"*
>
> (Penduduk Kg Karamunting Bukit Nenas)

Selain aspek kesinambungan bekalan, kualiti air yang diterima turut menjadi kebimbangan utama. Di Kampung Combo Gelam Bukit, penduduk melaporkan bahawa air yang dibekalkan adalah kotor sehingga bekas simpanan perlu dicuci berulang kali sebelum boleh digunakan. Di Kampung Segaliud pula, penduduk menyatakan bahawa air paip yang diterima berwarna kekuningan dan keruh walaupun bekalan telah kembali beroperasi. Keadaan ini menyebabkan penduduk mempunyai tahap keyakinan yang rendah terhadap keselamatan air paip, khususnya untuk kegunaan minuman dan penyediaan makanan. Melalui temu bual yang telah dijalankan:

> *"Ya kadang mati, tidak tentu. Kadang tidak hidup ya, kadang hidup pun begitu kotor. Itu seperti... Tong biru itu sudah dicuci. Tak boleh diisi yang kotor lagi. Mau dicuci lagi dua kali."*
>
> (Penduduk Kg Combo Gelam Bukit)

Kebimbangan terhadap kualiti air turut menyebabkan penduduk mengambil langkah berjaga-jaga dengan menggunakan air mineral untuk tujuan tertentu. Di Kampung Segaliud, terdapat penduduk yang menggunakan air mineral untuk mencuci beras sebelum memasak kerana pengalaman terdahulu menggunakan air paip yang keruh:

> *"Kalau buat masa sekarang ni, ada berapa, mau satu bulan sudah lah air pipe. Kami kan macam kabut saja. Betanah.. Dan kadang kalau kita memasak nasi itu kan, Hidangan beras itu kalau kita cuci putih, bukan putih, dia seperti kuning"*
>
> (Penduduk Kg Segaliud)

Seorang peserta turut melaporkan bahawa penggunaan air paip secara langsung pernah menyebabkan gangguan kesihatan dalam isi rumah.

> *"sebab kadang-kadang kalau itu air telah buka habis sudah pasal cuci dulu, cuci itu beras, cuci beras pakai mineral, cuci penghabisan baru kami masak air, masak itu nasi. Sebab pernah saya guna itu air paip sejak tu satu rumah kami cirit birit. Kali kaji mungkin tu air dari situ kami guna mineral untuk masak nasi"*
>
> (Penduduk Kg Segaliud)

Walaupun pengalaman tersebut tidak boleh dianggap sebagai bukti klinikal tentang punca masalah kesihatan, ia jelas menunjukkan bahawa persepsi terhadap keselamatan dan kualiti air mempunyai pengaruh langsung terhadap corak penggunaan air dalam komuniti. Apabila penduduk tidak yakin terhadap kualiti air paip, mereka cenderung beralih kepada sumber alternatif yang dianggap lebih selamat walaupun memerlukan kos tambahan.

Keadaan ini akhirnya memberi implikasi terhadap kos sara hidup dan kapasiti ekonomi isi rumah. Penduduk bukan sahaja perlu menanggung kos apabila bekalan air terputus, tetapi turut membeli air mineral apabila kualiti air paip tidak baik. Bagi isi rumah yang mempunyai bilangan ahli keluarga yang ramai, keperluan pembelian air mineral menjadi perbelanjaan berulang yang boleh menjejaskan peruntukan kewangan untuk keperluan lain. Lebih signifikan, kesan tersebut turut dirasai oleh penduduk yang menjalankan aktiviti perniagaan kecil. Di Kampung Segaliud, peserta FGD menjelaskan bahawa sebahagian daripada hasil perniagaan perlu digunakan untuk membeli air mineral.

> *"sebab saya pun di rumah kalau minum air yang direct dari pipe yang kabut, saya sendiri pun dapat effectnya. Apalagi untuk budak-budak. Jadi kami mesti pakai mineral. Jadi kos kami punya perbelanjaan perniagaan itu kalau kita dapat untuk begini tapi lari pi mineral lagi begini untung sikit sajalah"*
>
> (Penduduk Kg Segaliud)

Keadaan ini secara langsung mengurangkan lebihan pendapatan dan margin keuntungan yang sepatutnya boleh digunakan untuk mengembangkan perniagaan atau memenuhi keperluan isi rumah.

Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan bahawa isu bekalan air di kawasan kajian mempunyai dimensi yang lebih luas daripada sekadar masalah gangguan bekalan. Ia melibatkan ketidakstabilan akses, kualiti air yang tidak konsisten, beban pengurusan air kepada isi rumah serta peningkatan kos sara hidup. Penduduk terpaksa menyesuaikan kehidupan harian dengan keadaan bekalan yang tidak menentu melalui aktiviti menadah dan menyimpan air, membeli air mineral serta mendapatkan sumber alternatif.

Keadaan ini menunjukkan berlakunya pemindahan sebahagian daripada tanggungjawab penyediaan akses air bersih kepada isi rumah sendiri. Dalam konteks komuniti berpendapatan rendah, keadaan tersebut boleh memperkukuh kitaran kerentanan sosio-ekonomi kerana sebahagian pendapatan yang terhad terpaksa diperuntukkan untuk mendapatkan keperluan asas yang sepatutnya tersedia melalui sistem bekalan air yang berfungsi secara konsisten, selamat dan berpatutan.

Jadual 13. Ringkasan Isu 1

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Beban kos pembelian air 2. Ketidakstabilan bekalan dan kualiti air bersih
Cadangan	1. **Jangka Pendek:** Menyediakan bekalan air kecemasan dan tangki simpanan komuniti. 2. **Jangka Sederhana:** Menaik taraf perigi, paip dan membangunkan sumber air alternatif. 3. **Jangka Panjang:** Memperluas sistem bekalan air terawat yang stabil dan berterusan.
Kumpulan Terjejas	Penduduk di kawasan kepulauan, dan kampung atas air
Kawasan	Kg Pulau Shanghai, Kg Trong Lit, Kg Terusan Baru, Kg Bokara, Kg Karamunting Bukit Nenas, Kg Combo Gelam Bukit, Kg Segaliud
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	**Sasaran SDG Berkaitan**
SDG 1 – Tiada Kemiskinan	Sasaran 1.4: Memastikan akses kepada perkhidmatan asas dan sumber ekonomi
SDG 3 – Kesihatan dan Kesejahteraan yang Baik	Sasaran 3.9: Mengurangkan penyakit dan kematian akibat pencemaran air dan pencemaran alam sekitar

SDG 6 – Air Bersih dan Sanitasi	Sasaran 6.1: Mencapai akses sejagat dan saksama kepada air minuman yang selamat dan mampu milik untuk semua Sasaran 6.4: Meningkatkan kecekapan penggunaan air dan memastikan bekalan air tawar yang mampan bagi menangani kekurangan air Ssaran 6.b: Menyokong dan memperkukuh penyertaan komuniti tempatan dalam pengurusan air dan sanitasi

4.2.2 Pengutamaan Isu 2: Kekangan pembangunan dan daya saing ekopelancongan berasaskan komuniti

Parlimen Batu Sapi mempunyai potensi yang signifikan untuk pembangunan ekopelancongan berasaskan komuniti berikutan kedudukannya yang merangkumi kawasan pesisir pantai, perkampungan nelayan, ekosistem paya bakau serta hubungan strategik dengan kawasan tarikan pelancongan sekitar Sandakan. Potensi ini dapat dilihat melalui pembangunan Destinasi Pelancongan Berasaskan Komuniti (CoBT) Kampung Bambangan yang menawarkan pengalaman *homestay*, aktiviti memancing, lawatan ke perusahaan ketam lembut, berkelah di Jeti Lagenda dan *river cruise* yang menyusuri kawasan paya bakau Hutan Simpan Kabili-Sepilok. Kedudukannya yang berdekatan dengan Sepilok, *Rainforest Discovery Centre* dan Taman Memorial Sandakan turut memberi peluang untuk mengintegrasikan produk pelancongan komuniti dengan rangkaian destinasi ekopelancongan sedia ada di Sandakan.[13]

Walau bagaimanapun, pembangunan dan daya saing ekopelancongan di Batu Sapi masih berdepan kekangan seperti keterbatasan infrastruktur dan kemudahan pelancongan, kapasiti pengurusan serta kemahiran pengusaha tempatan, promosi dan pemasaran produk, dan keupayaan menghubungkan produk komuniti kepada pasaran pelancongan yang lebih luas. Justeru, pengukuhan kapasiti komuniti, peningkatan kemudahan asas dan pelancongan, pembangunan produk yang lebih tersusun serta jaringan promosi dan pemasaran merupakan aspek penting bagi memastikan potensi ekopelancongan Batu Sapi dapat diterjemahkan kepada sumber pendapatan komuniti yang berdaya saing dan mampan.

[13] Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC), "Majlis Pelancaran Destinasi Pelancongan Berasaskan Komuniti (CoBT) Kampung Bambangan, Batu Sapi, Sandakan, Sabah," October 18, 2025, MOTAC.

Persaingan antara pengusaha komuniti dan agen pelancongan luar

Di Kampung Bambangan, sesi dialog bersama penduduk mendapati bahawa terdapat penglibatan ejen pelancongan dari luar yang membawa masuk pelancong tanpa melalui atau melibatkan pengusaha pelancongan komuniti secara langsung. Keadaan ini menimbulkan kebimbangan dalam kalangan pengusaha pelancongan kerana berpotensi mengehadkan manfaat ekonomi yang sepatutnya diterima oleh komuniti setempat serta menjejaskan usaha mereka dalam membangunkan produk pelancongan berasaskan komuniti. Isu tersebut kemudiannya dibawa ke sesi dialog dan interaksi bersama agensi-agensi kerajaan, yang turut mendapat maklum balas daripada pihak Sabah Tourism Board (STB). Menurut pihak STB, terdapat perjanjian yang membolehkan penerimaan pelancong di kawasan tersebut, namun cabaran timbul apabila tidak semua pengusaha komuniti dapat dilibatkan dalam aktiviti pelancongan. Keadaan ini antara lain berkait dengan tahap kesediaan sesetengah produk daripada aspek *hospitality*, pengurusan serta aspek keselamatan yang masih perlu dipertingkatkan sebelum dapat ditawarkan secara meluas kepada pelancong. Sehubungan itu, pihak STB mengambil langkah untuk menghubungkan komuniti Kampung Bambangan dengan ejen pelancongan serta *Sandakan Tourism Association* bagi memperluas akses pasaran, meningkatkan keterlibatan pengusaha tempatan dan memastikan manfaat aktiviti pelancongan dapat disalurkan dengan lebih berkesan kepada komuniti setempat.

Kekurangan bantuan pembangunan komuniti dalam eko-pelancongan

Wujud aktiviti dan produk pelancongan yang berpotensi di Kampung Karamunting Bukit Nenas untuk dibangunkan. Namun, potensi tersebut masih belum diberi perhatian dan diketengahkan secara sewajarnya. Berdasarkan sesi perbincangan kumpulan berfokus (FGD) bersama komuniti, kawasan ini mempunyai potensi untuk dibangunkan sebagai destinasi ekopelancongan, khususnya melalui kewujudan sumber alam semula jadi seperti air terjun. Peserta FGD memaklumkan bahawa terdapat air terjun di kawasan sekitar kampung yang berpotensi dijadikan salah satu tarikan pelancongan sekiranya kemudahan dan kawasan tersebut dinaik taraf. Walau bagaimanapun, potensi berkenaan masih belum dimanfaatkan sepenuhnya berikutan keadaan kawasan air terjun yang kurang diselenggara dan tidak diurus secara berterusan:

> *"Lagi satu, yang terakhir saya dengar baru-baru ini ada di atas, Pusat itu, air terjun. Kalau dapat di... Ada naik taraf untuk pelancongan."*
>
> (Penduduk Kg Karamunting Bukit Nenas)

> *"Kampung kita ini. eko pelancongan. Di kawasan lorong ini pun ada air terjun. Ya, air terjun itu. Jadi cuma macam tidak dijaga? Macam tidak dijaga."*
>
> (Penduduk Kg Karamunting Bukit Nenas)

Kekurangan penyelenggaraan boleh menjejaskan aspek kebersihan, keselesaan dan keselamatan pengunjung. Ianya turut mengehadkan kebolehpasaran kawasan tersebut sebagai produk ekopelancongan berasaskan komuniti. Melalui temu bual yang dijalankan, komuniti turut menyuarakan keperluan agar kawasan air terjun diberi perhatian dan dinaik taraf bagi membolehkan potensi sedia ada dimanfaatkan sebagai tarikan pelancongan yang mampu menjana manfaat ekonomi kepada penduduk setempat.

Oleh itu, terdapat keperluan untuk meningkatkan pengurusan dan penyelenggaraan kawasan, menyediakan kemudahan asas yang bersesuaian serta melibatkan komuniti setempat dalam perancangan dan pengurusan destinasi bagi memastikan potensi ekopelancongan Kampung Karamunting Bukit Nenas dapat dibangunkan secara mampan dan memberi manfaat kepada penduduk setempat.

Jadual 14. Ringkasan Isu 2

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Persaingan antara pengusaha komuniti dan agen pelancongan luar 2. Kekurangan bantuan pembangunan komuniti dalam eko-pelancongan
Cadangan	1. **Jangka pendek:** Mewujudkan mekanisme kerjasama antara pengusaha komuniti, ejen pelancongan dan agensi berkaitan bagi memastikan penglibatan serta agihan manfaat kepada komuniti setempat. 2. **Jangka sederhana:** Meningkatkan kapasiti pengusaha komuniti melalui latihan *hospitality*, keselamatan, pengurusan dan pemasaran serta membangunkan pakej ekopelancongan yang lebih berdaya saing. 3. **Jangka panjang:** Mewujudkan model pengurusan ekopelancongan komuniti yang mampan melalui pengukuhan organisasi komuniti dan penyediaan bantuan pembiayaan, infrastruktur serta promosi secara berterusan.
Kumpulan Terjejas	Pengusaha eko-pelancongan
Kawasan	Kg Karamunting Bukit Nenas, Kg Bambangan

SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	**Sasaran SDG Berkaitan**
SDG 8 – Pekerjaan yang baik dan Pertumbuhan Ekonomi	Sasaran 8.9: Menjelang 2030, membangunkan dan melaksanakan dasar untuk mempromosikan pelancongan mampan yang mewujudkan pekerjaan serta mempromosikan budaya dan produk tempatan.
SDG 12 – Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab	Sasaran 12.b: Membangunkan dan melaksanakan instrumen untuk memantau impak pembangunan mampan bagi pelancongan mampan yang mewujudkan pekerjaan serta mempromosikan budaya dan produk tempatan.
SDG 17 – Kerjasama demi Matlamat	Sasaran 17.17: Menggalakkan perkongsian berkesan antara kerajaan, sektor swasta dan masyarakat sivil.

4.2.3 Pengutamaan Isu 3: Kekangan kesiapsiagaan dan tindak balas kebakaran

Parlimen Batu Sapi berdepan kekangan dalam aspek kesiapsiagaan dan tindak balas terhadap kejadian kebakaran, khususnya di kawasan penempatan padat, pesisir pantai dan kampung yang mempunyai keterbatasan infrastruktur serta akses fizikal. Keadaan ini berpotensi meningkatkan risiko kelewatan bantuan kecemasan dan memperbesar impak kebakaran terhadap keselamatan penduduk, harta benda serta persekitaran komuniti. Pada peringkat akar umbi, keupayaan tindak balas awal turut dipengaruhi oleh tahap pengetahuan dan latihan sukarelawan komuniti yang masih terhad. Di samping itu, terdapat kekurangan kemudahan serta peralatan pemadam kebakaran yang mencukupi di peringkat komuniti dan pasukan bomba.

Justeru, isu ini tidak hanya berkaitan dengan keupayaan agensi penyelamat, tetapi turut melibatkan tahap kesiapsiagaan dan daya tahan komuniti secara keseluruhannya. Sehubungan itu, tiga aspek utama akan dibincangkan secara mendalam, iaitu cabaran akses laluan kepada pasukan bomba**,** kekurangan latihan kesiapsiagaan dan tindak balas kebakaran kepada sukarelawan komuniti**,** serta kekurangan kemudahan dan peralatan pemadam kebakaran di peringkat komuniti dan bomba**.**

Cabaran akses laluan kepada bomba

Majoriti kawasan perumahan dan penempatan rumah atas air di Parlimen Batu Sapi mempunyai susun atur yang padat dan kedudukan rumah yang berhampiran antara satu sama lain. Keadaan ini menjadi lebih kritikal apabila kekurangan ruang tempat meletakkan kenderaan menyebabkan kenderaan penduduk diletakkan di bahu jalan atau ruang laluan. Ini mengehadkan lebar jalan dan menyukarkan pergerakan kenderaan kecemasan.

Daripada perspektif kesiapsiagaan bencana, keadaan ini mewujudkan kekangan fizikal yang boleh melambatkan akses pasukan bomba ke lokasi kebakaran. Ini memberi kesan khususnya di kawasan penempatan yang mempunyai laluan sempit dan tidak direka untuk pergerakan jentera bersaiz besar. Isu ini bukan sekadar bersifat infrastruktur, malah mempunyai implikasi langsung terhadap keberkesanan tindak balas kecemasan. Oleh sebab kelewatan beberapa minit pada peringkat awal kebakaran boleh meningkatkan risiko api merebak dengan pantas, terutamanya dalam penempatan yang mempunyai rumah rapat dan bahan binaan mudah terbakar.

Keadaan tersebut dapat dilihat dalam kejadian kebakaran besar di Kampung Bahagia, Batu Sapi pada 19 April 2026, apabila operasi pemadaman dilaporkan berdepan cabaran laluan sempit yang menghalang pergerakan jentera bomba ke lokasi kejadian.[14] Kebakaran tersebut akhirnya menjejaskan lebih 9,000 penduduk dan memusnahkan sekitar 1,000 kediaman. Ternyata menunjukkan bahawa keterbatasan akses fizikal merupakan salah satu faktor penting yang perlu diberi perhatian dalam memperkukuh kesiapsiagaan dan tindak balas kebakaran di kawasan penempatan padat Batu Sapi.[15]

Kekurangan kemudahan dan latihan kesiapsiagaan kepada sukarelawan komuniti

Tahap kesiapsiagaan sukarelawan komuniti dalam menghadapi kejadian kebakaran di Parlimen Batu Sapi masih berdepan kekangan daripada aspek latihan, kemahiran dan sokongan sumber. Komuniti mempunyai inisiatif untuk melaksanakan tindakan awal ketika berlaku kecemasan. Tetapi keupayaan tersebut tidak dapat dioptimumkan sekiranya sukarelawan tidak menerima latihan yang berstruktur dan berterusan berkaitan pencegahan kebakaran, penggunaan peralatan pemadam kebakaran, pengendalian pam air serta prosedur pemindahan dan penyelamatan. Kekangan ini turut berkait rapat dengan keterbatasan kemudahan dan pembiayaan yang diperlukan untuk menyokong latihan serta operasi komuniti. Sebagaimana yang dinyatakan oleh seorang peserta FGD:

> *"Memang serba kekurangan. Ada segi fasiliti kami. Setelah kita punya enjin pump pun yang sebelum ini sudah boleh dipakai. Rosak sudah"*
>
> (Peserta Sukarelawan Bomba Komuniti)

Kenyataan ini menunjukkan bahawa masalah kesiapsiagaan bukan semata-mata berpunca daripada kekurangan pengetahuan, tetapi turut dipengaruhi oleh ketidaktersediaan peralatan yang boleh digunakan semasa kecemasan. Lebih kritikal,

[14] Sabah Media, "200 Rumah Atas Air Musnah dalam Kebakaran di Kg Bahagia," *Sabah Media*, April 19, 2026. Sabah Media

[15] Bernama, "9,007 Penduduk Terjejas Akibat Kebakaran di Sandakan," *Bernama*, April 19, 2026. Bernama

kekangan pembiayaan turut mengehadkan keupayaan komuniti untuk meningkatkan kapasiti mereka. Sebagaimana dinyatakan oleh peserta bahawa:

> *"Sekarang pun walaupun saya kerja di pejabat parlimen sendiri pun masih sukar juga untuk mendapatkan dana untuk melengkapkan keperluan"*
>
> (Peserta Sukarelawan Bomba Komuniti)

Keadaan ini menunjukkan keperluan kepada pendekatan kesiapsiagaan yang lebih sistematik. Ianya merangkumi latihan berkala, penyelenggaraan peralatan dan penyediaan peruntukan khusus. Turut penting adalah kerjasama berterusan antara komuniti, pihak berkuasa tempatan dan agensi bomba bagi memastikan sukarelawan komuniti mampu memberikan tindak balas awal yang pantas dan selamat sebelum ketibaan pasukan bomba.

Jadual15. Ringkasan Isu 3

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Cabaran akses laluan kepada bomba 2. Kekurangan kemudahan dan latihan kesiapsiagaan kepada sukarelawan komuniti
Cadangan	1. **Jangka Pendek:** Melengkapkan pasukan sukarelawan dengan peralatan asas dan latihan kebakaran. 2. **Jangka Sederhana:** Memperbanyakkan latihan dan simulasi kebakaran, khususnya melibatkan belia. 3. **Jangka Panjang:** Mewujudkan program kesiapsiagaan kebakaran komuniti secara berterusan bersama pihak bomba.
Kumpulan Terjejas	Penduduk di kawasan perumahan atas air, dan padat
Kawasan	Seluruh kawasan parlimen Batu Sapi
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	**Sasaran SDG Berkaitan**
SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan	Sasaran 11.5: Mengurangkan jumlah kematian, penduduk terjejas dan kerugian ekonomi akibat bencana, dengan memberi tumpuan kepada golongan rentan.

	Sasaran 11.b: Meningkatkan pelaksanaan dasar dan perancangan pengurusan risiko bencana serta membina ketahanan komuniti.
SDG 13: Tindakan Iklim	Sasaran 13.1: Memperkukuh daya tahan dan keupayaan adaptasi terhadap bahaya berkaitan iklim dan bencana. Sasaran 13.3: Meningkatkan pendidikan, kesedaran serta kapasiti manusia dan institusi berkaitan pengurangan impak dan sistem amaran awal.

5.0 PENGENALPASTIAN PROJEK PENYELESAIAN

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
Tajuk Projek	Projek Eko-Komuniti & Warisan Kampung Bambangan	Projek Telaga Tiub Komuniti - Memperkasa akses air bersih di kawasan pulau	Projek Pusat Pembelajaran Komuniti Tahan Bencana (CLC)
SDG Berkaitan	SDG 1,3,8,11,15	SDG 3,6,11,12	SDG 4,11,13
Objektif	• Meningkatkan taraf sosioekonomi komuniti Kampung Bambangan • Mewujudkan peluang keusahawanan dan pendapatan melalui pembinaan 6 kios modular untuk penjaja tempatan • Memperkasa kemahiran komuniti dalam kraf warisan melalui latihan canting batik kepada 20 wanita/ibu tunggal dan pembuatan bubu tradisional kepada 20 belia sebagai sumber pendapatan sampingan. • Memperkukuh ekopelancongan berasaskan komuniti dengan menaik taraf lobi Jeti Lagenda, kaunter tiket, kemudahan OKU serta membangunkan pakej eko-pelancongan yang menggabungkan produk dan warisan tempatan.	• Meningkatkan akses komuniti kepada bekalan air bersih, selamat dan berterusan bagi penduduk Kg. Tronglit. • Menaik taraf dan menyediakan kemudahan telaga tiub serta sistem bekalan air termasuk pam, tangki simpanan, sistem paip dan penapisan. • Meningkatkan pengetahuan dan kapasiti komuniti dalam aspek pengurusan, kebersihan dan penyelenggaraan sistem telaga serta sumber air melalui latihan dan program kesedaran. • Memperkukuh pengurusan sumber air secara berasaskan komuniti melalui penubuhan	• Meningkatkan tahap kesiapsiagaan komuniti dalam menghadapi kebakaran dan situasi kecemasan. • Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran komuniti dalam penggunaan peralatan pemadam api, hose bomba serta tindakan awal ketika berlaku kebakaran. • Menyediakan dan menaik taraf Pusat Pembelajaran Komuniti Tahan Bencana (CLC) sebagai pusat latihan, rujukan dan penyimpanan peralatan kecemasan. • Memperkukuh kapasiti Sukarelawan Bomba dan komuniti melalui latihan

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
		jawatankuasa pengurusan dan penyelenggaraan bagi memastikan kemudahan terus berfungsi.	keselamatan kebakaran, pengurusan risiko bencana, pertolongan cemas dan simulasi kecemasan. • Memastikan peralatan kecemasan tersedia, tersusun dan mudah dicapai melalui penyediaan ruang simpanan hose bomba, peralatan kebakaran dan genset. • Memperkukuh kerjasama antara komuniti, Sukarelawan Bomba dan pihak berkaitan dalam pengurusan keselamatan dan kecemasan.
Hasil Jangkaan	6 kios modular B40 beroperasi 20 wanita menguasai canting batik 20 belia menguasai pembuatan bubu Lobi Jeti Lagenda dinaik taraf dan lebih inklusif Sangkar ikan dipulihkan dan beroperasi Pakej eko-pelancongan komuniti dilancarkan Peluang pendapatan baharu untuk komuniti	• Seunit telaga tiub/perigi kampung berjaya dinaik taraf dan dapat digunakan dengan lebih selamat oleh komuniti. • Bekalan air yang lebih bersih, selamat dan berterusan tersedia untuk kegunaan harian penduduk, termasuk melalui sistem pam, tangki simpanan dan paip.	• 1 pusat pembelajaran komuniti yang lebih selamat, tersusun dan sesuai digunakan secara berterusan oleh komuniti setempat. • 1 kemudahan penyimpanan hose bomba dan peralatan kebakaran yang lebih teratur, mudah dicapai dan terlindung daripada kerosakan.

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
	Sasaran pendapatan projek RM5,000–RM8,000 sebulan selepas geran tamat	• Sekurang-kurangnya 20 orang penduduk mendapat pengetahuan dan kemahiran asas berkaitan kebersihan, pengurusan serta penyelenggaraan sumber air. • Kesedaran komuniti terhadap kebersihan, sanitasi dan penggunaan air secara berhemah meningkat. • Satu jawatankuasa pengurusan dan penyelenggaraan perigi ditubuhkan bagi memastikan kemudahan dipantau dan diselenggara secara berkala.	• 1 sistem bekalan elektrik kecemasan melalui genset yang membolehkan aktiviti dan operasi pusat pembelajaran diteruskan ketika berlaku gangguan bekalan elektrik. • 100% peningkatan tahap kesiapsiagaan komuniti dalam menghadapi kebakaran dan situasi kecemasan. • 90% peningkatan pengetahuan dan kemahiran komuniti dalam penggunaan peralatan pemadam api, *hose* bomba serta tindakan awal semasa kecemasan. • 90 % peningkatan keupayaan komuniti untuk bertindak dengan lebih cepat dan teratur semasa berlaku kebakaran atau bencana. • Pengukuhan kerjasama antara komuniti, Sukarelawan Bomba dan pihak berkaitan dalam aspek keselamatan serta pengurusan kecemasan.

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
Organisasi	Persatuan Seri Lagenda Kampung Bambangan Sandakan	Syarikat JR Trading	Delz Enterprise 87
Aktiviti	• Melaksanakan sesi libat urus komuniti bersama Koperasi Jeti Lagenda. • Memetakan aset pelancongan semula jadi dan budaya Kampung Bambangan. • Membina dan memasang 6 unit kios modular B40. • Melaksanakan kursus canting batik kepada 20 wanita. • Melaksanakan kursus pembuatan dan pemuliharaan bubu tradisional kepada 20 belia. • Menaik taraf lobi Jeti Lagenda, termasuk kaunter tiket, pusat informasi, sudut Klinik Bergerak KKM dan ramp OKU. • Membaik pulih sangkar ikan berkelompok dan melaksanakan pelepasan benih ikan. • Mengadakan bengkel pembangunan pakej eko-pelancongan dan pemasaran digital.	• Melaksanakan libat urus dan penilaian keperluan komuniti. • Menjalankan penilaian teknikal dan menyediakan tapak. • Menggerudi dan menaik taraf telaga tiub. • Memasang pam, tangki simpanan dan sistem paip. • Menguji dan menapis kualiti air. • Melatih komuniti dalam pengurusan dan penyelenggaraan. • Meningkatkan kesedaran tentang kebersihan dan penggunaan air. • Memantau sistem serta menubuhkan jawatankuasa pengurusan	• Naik taraf Pusat Pembelajaran Komuniti (CLC). • Menyediakan ruang simpanan peralatan kebakaran dan kecemasan. • Menyediakan genset sebagai bekalan elektrik kecemasan. • Latihan keselamatan kebakaran dan penggunaan alat pemadam api. • Latihan pengurusan risiko bencana dan pertolongan cemas. • Simulasi kebakaran dan latihan pemindahan kecemasan. • Penglibatan sukarelawan bomba sebagai jurulatih dan pembimbing.

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
	• Melaksanakan simulasi lawatan dan menguji pakej eko-pelancongan serta operasi kios B40.		
Jumlah (RM)	RM40,000	RM40,000	RM40,000
Lokasi	Kg. Bambangan, Batu Sapi	Kg. Trong Lit	Kampung Boggaya Baru, Batu Sapi
Tempoh	4 bulan	4 bulan	4 bulan

6.0 RUJUKAN

Bernama. “9,007 Penduduk Terjejas Akibat Kebakaran di Sandakan.” Bernama, April 19, 2026. https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2546646.

Bernama. “Isu Bekalan Air | Perigi Kotor, Penduduk Beli Air Bersih di Kampung Lain.” Astro Awani, July 6, 2022.

Chong, Rebecca. “Two Years Needed to Stabilise Sandakan Water Supply, Says DCM.” The Star, February 9, 2026.

ElectionData.MY. “P.185 Batu Sapi, Sabah.” Accessed July 19, 2026. https://electiondata.my/ms-MY/seats/parlimen/p185-batu-sapi-sabah/.

Jabatan Perangkaan Malaysia. P.185 Batu Sapi. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022.

Jabatan Perangkaan Malaysia. P.185 Batu Sapi. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022.

Kerajaan Negeri Sabah. “Ekonomi Sabah.” Portal Rasmi Kerajaan Negeri Sabah. Accessed July 19, 2026. https://sabah.gov.my/index.php/ms/ekonomi.

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC). “Majlis Pelancaran Destinasi Pelancongan Berasaskan Komuniti (CoBT) Kampung Bambangan, Batu Sapi, Sandakan, Sabah.” October 18, 2025. Accessed July 19, 2026. https://www.motac.gov.my/majlis-pelancaran-destinasi-pelancongan-berasaskan-komuniti-cobt-kampung-bambangan-batu-sapi-sandakan-sabah/.

Majlis Perbandaran Sandakan. “Sandakan.” Accessed July 19, 2026. https://mps.sabah.gov.my/sandakan.htm.

Malaysia Post. “Batu Sapi Asalnya Dari Lembu Berkaki Tiga.” Malaysia Post, October 10, 2020. Accessed July 19, 2026. https://malaysiapost.com.my/2020/10/10/batu-sapi-asalnya-dari-lembu-berkaki-tiga/.

Parlimen Malaysia. “Profil Ahli Dewan Rakyat: YB Datuk Khairul Firdaus Akbar Khan.” Accessed July 19, 2026. https://www.parlimen.gov.my/profile-ahli.html?uweb=dr&id=4224.

Sabah Media. “200 Rumah Atas Air Musnah dalam Kebakaran di Kg Bahagia.” Sabah Media, April 19, 2026. https://sabahmedia.com/2026/04/19/200-rumah-atas-air-musnah-dalam-kebakaran-di-kg-bahagia/.

Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen 2026 (Jilid 1-6) meneruskan usaha APPGM-SDG mendokumentasikan realiti, keperluan dan aspirasi masyarakat akar umbi melalui kajian lapangan yang tersusun. Pada tahun 2026, gerak kerja ini melibatkan 16 kawasan parlimen baru di seluruh Malaysia yang merangkumi Zon Utara, Zon Tengah, Zon Pantai Timur, Zon Selatan, Wilayah Sabah dan Wilayah Sarawak.

Nilai utama kompilasi yang terdiri daripada 6 jilid ini terletak pada pendekatan berasaskan bukti dan penglibatan langsung bersama komuniti. Suara penduduk, pemimpin tempatan, agensi kerajaan, organisasi masyarakat dan pihak berkepentingan dihimpunkan untuk mengenal pasti keutamaan setempat, memahami punca dan kesan sesuatu isu, serta menyokong pembentukan cadangan intervensi yang lebih bersasar.

Kompilasi yang sedia ada merangkumi laporan-laporan kajian pemetaan isu yang menyusun dapatan kajian mengikut latar kawasan, metodologi, isu rentas Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), maklum balas daripada pihak berkepentingan serta pengenalpastian awal cadangan penyelesaian. Bahan visual dan catatan hasil libat urus turut digunakan untuk memberikan konteks yang lebih jelas serta mengekalkan suara komuniti dalam keseluruhan analisis.

Terbitan *Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen 2026 (Jilid 1-6)* ini diharapkan menjadi rujukan praktikal kepada pembuat dasar, Ahli-ahli Parlimen, agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan, pertubuhan masyarakat sivil, institusi akademik dan pemimpin komuniti. Dengan berlandaskan realiti lapangan, hasil dapatan yang terdapat dalam *Kompilasi* ini dapat menyokong tindakan yang lebih responsif, terukur dan berimpak kepada masyarakat di parlimen-parlimen di seluruh Malaysia.

Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari

A-1-10, Blok A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1, Seksyen 8,
46050 Petaling Jaya, Selangor.

secretariat@appgm-sdg.com

https://www.facebook.com/APPGMSDGMY

ISBN 978-629-7752-56-3

9 786297 752563